



Kementerian
Pendidikan
Malaysia

JURNAL PENDIDIKAN TINGKATAN ENAM 2020 **JILID 4**

Form Six Education Journal Volume 4

**“Perubahan Paradigma Pemikiran Ke Arah
Pendidikan Berkualiti”**
“Paradigm Shifts of Thinking Towards Quality Education”

Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
School Management Division
Kementerian Pendidikan Malaysia
Ministry of Education Malaysia



**Kementerian
Pendidikan
Malaysia**

JURNAL PENDIDIKAN TINGKATAN ENAM 2020 **JILID 4**

Form Six Education Journal Volume 4

**Perubahan Paradigma Pemikiran Ke Arah
Pendidikan Berkualiti**
Paradigm Shifts of Thinking Towards Quality Education

Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
School Management Division
Kementerian Pendidikan Malaysia
Ministry of Education Malaysia

Diterbitkan oleh:

Bahagian Pengurusan Sekolah Harian,
Kementerian Pendidikan Malaysia,
Aras 3 dan 4, Blok E2, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

dan

Fakulti Pengajian Pendidikan,
Universiti Putra Malaysia,
43400 Serdang,
Selangor Darul Ehsan.

Telefon & Faks: 03-88849306/ 88886671

Hakcipta terpelihara oleh:

Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pendidikan Malaysia,
Dan Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.

JURNAL PENDIDIKAN TINGKATAN ENAM 2020 JILID 4
Form Six Education Journal Volume 4

“Perubahan Paradigma Pemikiran Ke Arah Pendidikan Berkualiti”
“Paradigm Shifts of Thinking Towards Quality Education”

Cetakan 2020
eISSN: 2716-5221

Hakcipta terpelihara

Semua bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, atau pun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau sebarang cara, samada dengan cara elektronik, fotokopi, mekanikal, dan sebagainya sebelum mendapat izin bertulis daripada:

Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pendidikan Malaysia,
Dan Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.

SIDANG EDITOR

Jurnal Pendidikan Tingkatan Enam 2020 Jilid 4
Kementerian Pendidikan Malaysia

- Ketua Editor : DR. RODIAH IDRIS
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
- : DR. NOR ANIZA AHMAD
Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
- Editor : DR. ZAIDA NOR ZAINUDDIN
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
- : DR. YUSNI MOHAMAD YUSOF
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
- : DR. SHARIFAH INTAN SHARINA SYED ABDULLAH
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
- : NORHANIDA SAMSUDIN
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
- : MOHD AZRIL OTHMAN
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
- : INTAN SUZANA ABDUL RAHMAN
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
- : MUHD ZUKHAIRI BIN AHMAD
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
- : DR. NORIZAN MAMAT
Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu

KANDUNGAN

BIL	NAMA PENGARANG/ TAJUK ARTIKEL PENYELIDIKAN	MUKA SURAT
1.	“KUNCI BAAPTAAS”: MEMANTAPKAN KEMAHIRAN MELUKIS RAJAH CPM PENGAJIAN PERNIAGAAN PRA-U 2 GAMMA <i>Siti Kholijah binti Shafie</i> <i>Kolej Sultan Abdul Hamid, Alor Setar, Kedah</i>	7
2.	APLIKASI INOVASI MENGGUNAKAN “PEMBARIS TONGKU” UNTUK MENGHASILKAN CARTA PAI TONG DALAM SUBJEK PENGAJIAN AM <i>Mohammad Faizuddin Bin Fauzi</i> <i>Pusat Tingkatan Enam SMK Nabawan, Nabawan, Sabah</i>	28
3.	“WE LOVE PP CHANNEL”: MENINGKATKAN KEUPAYAAN MENINGATI FAKTA KHUSUS DAN KATA KUNCI HURAIAN PENGAJIAN PERNIAGAAN BAGI PELAJAR 6AK1 <i>Noraini binti Ibrahim</i> <i>Pusat Tingkatan Enam SMK Tun Haji Abdul Malek, Cheng, Melaka</i>	48
4.	PENINGKATAN PENGUASAAN PELAJAR DALAM MEMBUAT PEMERHATIAN TERHADAP SATAH HAL BENDA BAGI SUBJEK LUKISAN STPM MENGGUNAKAN KAEDAH GARISAN GRID BEBAS <i>Khairul Bariyah binti Badrudin</i> <i>Pusat Tingkatan Enam SMK Baling, Baling, Kedah</i>	66
5.	100% PELAJAR ENAM ATAS SAINS BERUPAYA MELUKIS GAMBAR RAJAH ARAS TENAGA DAN MENGIRA TENAGA KEKISI MENGGUNAKAN “KOTAK AJAIB” <i>Irni Hafizan binti Ibrahim Bey & Chew Wei Chin</i> <i>Pusat Tingkatan Enam SMK Tinggi Setapak, Setapak, WP Kuala Lumpur</i>	80
6.	PENGGUNAAN TEKNIK “ADUH SAKIT” UNTUK MENINGATI, MENYENARAI DAN MENGHURAI KESAN TERHADAP ALAM SEKITAR AKIBAT KEGIATAN EKONOMI PRIMER <i>Azahar bin Ahmad</i> <i>Kolej Tingkatan Enam Pontian, Johor</i>	95



7. MENINGKATKAN KEMAHIRAN MENINGAT FAKTA SOALAN ESEI SEJARAH (TEMA 1) MENGGUNAKAN TEKNIK “JEBAT”

Mohd Sahrul Azha bin Sulong
Pusat Tingkatan Enam SMK Saribas, Debak, Sarawak

108
8. PENINGKATAN KEMAHIRAN KOMUNIKASI DALAM PEMBENTANGAN KERJA KURSUS MELALUI AKTIVITI “NOW, EVERYONE CAN TALK GAIS”

Nurul Sabah binti Kamarun Saman
Pusat Tingkatan Enam SMK Tinggi Melaka, Cheng, Melaka

119
9. MENINGKATKAN KEMAHIRAN MENGHAFAL FAKTA PELAJAR MENGGUNAKAN TEKNIK “RAINBOW MIRACLE NOTE”

Rohana binti Jamaluddin
Pusat Tingkatan Enam SMK Maxwell, Kuala Lumpur, WP Kuala Lumpur

136
10. MENINGKATKAN KEUPAYAAN MENINGAT FAKTA DAN MENAAKUL EMPAT FAKTA DENGAN HURAIAN LENGKAP ESEI SEJARAH ISLAM MENGGUNAKAN “NUMBER NOTE”

Suriyani binti Lamin
Pusat Tingkatan Enam SMK Sungai Ara, Bayan Lepas, Pulau Pinang

149
11. IMPROVING STUDENT’S SPEAKING SKILL IN 6A1 USING I-WAS METHOD

Nik Ahmad Syahman Bin Mohamed Juhan
Pusat Tingkatan Enam SMK Kuala Besut, Terengganu

166
12. IMPROVING STUDENTS’ ABILITY IN WRITING PARAGRAPH 1 AND PARAGRAPH 3 (QUESTION 1 OF PAPER 4 MUET) USING FITS METHOD IN 6UKM

Wan Zunaidah binti W. Chik
Pusat Tingkatan Enam SMK Chalok Model Khas, Setiu, Terengganu

183

**ARTIKEL
KAJIAN
PENYELIDIKAN**

“KUNCI BAAPTAAS”: MEMANTAPKAN KEMAHIRAN MELUKIS RAJAH CPM PENGAJIAN PERNIAGAAN PRA-U 2 GAMMA

Siti Kholijah binti Shafie
Kolej Sultan Abdul Hamid, Alor Setar, Kedah

Abstrak

Kajian ini dilaksanakan untuk meningkatkan kemahiran pelajar Tingkatan 6 PraU 2 Gamma untuk melukis rajah *Critical Path Method* (CPM) untuk sub topik Pengajian Perniagaan Semester 2. Seramai 25 orang pelajar kelas PraU 2 Gamma Kolej Sultan Abdul Hamid, Alor Setar, Kedah dijadikan sebagai kumpulan sasaran. Tinjauan awal telah dilaksanakan melalui kaedah analisis dokumen iaitu pemeriksaan latihan pelajar dan praujian. Pelajar-pelajar kelihatan buntu apabila diberikan latihan malah analisis praujian menunjukkan pelajar tidak memahami bagaimana cara atau proses untuk melukis rajah CPM dengan tepat. Pelaksanaan tindakan difokuskan kepada inisiatif guru memperkenalkan “Kunci BAAPTAAS”. Kaedah “Kunci BAAPTAAS” diwujudkan bagi membantu pelajar agar mudah memahami dan menguasai sub topik ini, sekali gus meningkatkan kemahiran melukis rajah CPM. Analisis pascaujian yang diadakan setelah kaedah “Kunci BAAPTAAS” diperkenalkan menunjukkan peningkatan skor yang amat ketara. Penggunaan “Kunci BAAPTAAS” dalam sub topik ini ternyata berjaya meningkatkan kemahiran pelajar untuk melukis rajah CPM.

Kata kunci: Pengajian Perniagaan, Kunci BAAPTAAS, *Critical Path Method* (CPM), kemahiran melukis rajah, peningkatan skor.

1.0 REFLEKSI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN YANG LALU

Critical Path Method (CPM) merupakan salah satu alat perancangan perniagaan yang digunakan dalam projek-projek industri untuk membolehkan masa atau tempoh sesuatu projek disiapkan dapat diketahui secepat mungkin dan tidak boleh dilewatkan. Pelajar perlu menguasai kemahiran melukis rajah CPM bagi mendapatkan skor yang tinggi dalam peperiksaan Semester 2. Pengkaji mendapati bahawa prestasi markah Pengajian Perniagaan pelajar kelas PraU 2 Gamma bagi Semester 1 adalah lemah.

Markah pelajar bagi peperiksaan STPM Semester 2 juga akan terjejas sekiranya pelajar gagal menguasai kemahiran melukis rajah CPM. Hasil tinjauan awal menunjukkan bahawa pelajar belum menguasai kemahiran melukis rajah CPM dengan tepat. Empat punca dikenal pasti yang menyumbang kepada kelemahan kemahiran melukis rajah CPM iaitu:

- i. pelajar tidak dapat mengenal pasti item-item yang terdapat dalam jadual aktiviti yang merupakan soalan untuk melukis rajah CPM;
- ii. pelajar mahir membaca jadual aktiviti;
- iii. pelajar tidak mahir memindahkan maklumat daripada jadual aktiviti ke dalam bentuk rajah CPM; dan
- iv. kaedah pengajaran guru sedia ada tidak berkesan.

Pengkaji menyedari sebagai guru bahawa teknik pengajaran yang dilaksanakan sebelum ini tidak inovatif. Sub topik CPM diajar dengan merujuk kepada buku rujukan sahaja. Justeru, bolehlah dikatakan teknik pengajaran sebelum ini tidak berkesan. Pengajaran yang berkesan adalah merupakan perkara yang amat penting diambil perhatian di dalam bidang pendidikan. Istilah 'berkesan' dan 'menarik' adalah sesuatu yang amat sukar didefinisikan secara tepat kerana kedua-duanya berbeza mengikut keadaan dan persepsi seseorang (Kamarul Azmi & Ab. Halim Tamuri, 2007). Justeru, bagi menambahbaik kaedah pengajaran agar lebih berkesan, pengkaji menggunakan kaedah 'Kunci BAAPTAAS'. Pengkaji mengharapkan kaedah 'Kunci BAAPTAAS' akan berjaya membantu pelajar meningkatkan kemahiran melukis rajah CPM.

2.0 FOKUS KAJIAN

Kajian ini memberi fokus kepada isu pelajar Tingkatan 6 PraU 2 Gamma yang tidak mempunyai kemahiran melukis rajah CPM dengan tepat dan betul. Pelajar gagal melengkapkan dan menyiapkan lukisan rajah CPM semasa membuat latihan yang diberikan oleh guru. Pengkaji memfokuskan kajian ini kepada meningkatkan pengetahuan pelajar berhubung pendekatan, konsep dan kata kunci, seterusnya membina kemahiran yang perlu dikuasai untuk melukis rajah CPM. Pengkaji juga berhasrat untuk menggalakkan sikap proaktif pelajar supaya mengambil usaha untuk membuat lebih banyak latihan tambahan. Jadi, penggunaan 'Kunci BAAPTAAS' diharapkan dapat meningkatkan kemahiran pelajar dalam melukis rajah CPM.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian terbahagi kepada dua iaitu objektif umum dan objektif khusus.

3.1 Objektif Umum

Meningkatkan kemahiran pelajar PraU 2 Gamma melukis rajah *Critical Path Method* (CPM) dengan menggunakan 'Kunci BAAPTAAS'.

3.2 Objektif Khusus

- i. Meningkatkan kemahiran 25 orang pelajar PraU 2 Gamma menghurai dan mengenal pasti item-item dalam jadual aktiviti.
- ii. Meningkatkan 100% kemahiran pelajar PraU 2 Gamma memindahkan maklumat dari jadual aktiviti untuk melukis rajah CPM.
- iii. Memastikan 100% pelajar PraU 2 Gamma mempunyai peningkatan kemahiran dalam melukis rajah CPM.



4.0 KUMPULAN SASARAN

Kajian ini melibatkan pelajar kelas PraU 2 Gamma yang menduduki Peperiksaan STPM Semester 2, 2019 di Kolej Sultan Abdul Hamid, Alor Setar, Kedah. Responden kajian terdiri daripada 25 orang pelajar yang mengambil mata pelajaran Pengajian Perniagaan Semester 2. Mereka adalah 10 orang pelajar lelaki dan 15 orang pelajar perempuan yang terdiri daripada kaum Melayu, Cina dan India. Pelajar-pelajar ini berpenempatan sederhana dan rendah.

5.0 PELAKSANAAN KAJIAN

Kajian dilaksanakan secara berperingkat bermula dengan tinjauan awal masalah. Pengkaji melaksanakan pemeriksaan latihan pelajar serta praujian. Setelah analisis dibuat dan masalah dikenal pasti, baharulah pengkaji melaksanakan program intervensi menggunakan kaedah 'Kunci BAAPTAAS'. Selanjutnya pascaujian dan analisis dilaksanakan untuk menilai keberkesanan kaedah yang diperkenalkan. Jadual 5.1 menunjukkan proses pelaksanaan kajian ini.

Jadual 5.1 Pelaksanaan Kajian

Minggu/ Tindakan	1	2	3	4
Pemeriksaan latihan pelajar	10/2 – 14/2 2019			
Menjalankan praujian dan analisis praujian		18/2 – 21/2 2019		
Pelaksanaan program intervensi			25/2/2019	
Menjalankan pascaujian dan analisis pascaujian				2/3/ - 7/3 2019

5.1 Tinjauan Awal Masalah

Dalam melaksanakan kajian ini, pengkaji telah mengumpul beberapa maklumat sebagai tinjauan awal bagi mencapai objektif kajian dan memastikan keberkesanannya. Maklumat dikumpulkan dari analisis pemeriksaan latihan pelajar dan analisis praujian yang dijalankan.

5.1.1 Pemeriksaan Latihan Pelajar

Pengkaji bermula dengan memberi tutorial berkaitan sub topik CPM, di bawah topik alat perancangan perniagaan. Kemudian soalan latihan melukis rajah CPM diberikan. Latihan diberikan bertujuan untuk melihat tahap kefahaman dan kemahiran pelajar selepas mempelajari sesuatu sub topik. Seterusnya analisis tahap kefahaman dan penguasaan pelajar dilaksanakan. Contoh soalan latihan pelajar adalah seperti Rajah 5.1.

Jadual Aktiviti		
Aktiviti	Masa (Hari)	Aktiviti Terdahulu
A	1	-
B	2	A
C	3	A
D	5	B
E	5	C,D

Berdasarkan jadual aktiviti di atas, lukiskan rajah CPM

Rajah 5.1 Contoh soalan latihan

5.1.2 Praujian

Pada minggu seterusnya pula, pengkaji memberi pelajar praujian dengan memberikan soalan berkaitan melukis rajah CPM. Rajah 5.2 menunjukkan contoh soalan praujian yang diberikan kepada pelajar.

Jadual Aktiviti		
Aktiviti	Masa (Hari)	Aktiviti Terdahulu
A	1	-
B	4	A
C	3	A
D	7	A
E	6	B
F	2	C,D
G	7	E,F
H	9	D
I	4	G,H

Berdasarkan jadual aktiviti CPM di atas, lukiskan rajah CPM


Rajah 5.2 Contoh soalan praujian

5.2 Analisis Tinjauan Masalah

5.2.1 Pemeriksaan Latihan Pelajar

Semasa memeriksa latihan pelajar berkaitan sub topik ini, pengkaji mendapati pelajar tidak dapat melukis rajah CPM dengan tepat. Majoriti pelajar melukis rajah CPM dengan salah dan tidak mendapat markah penuh. Jawapan latihan pelajar menunjukkan majoriti pelajar tidak mempunyai kemahiran melukis rajah CPM. Rajah 5.3 menunjukkan contoh jawapan latihan pelajar.






Rajah 5.3 Contoh jawapan latihan pelajar

5.2.2 Praujian

Oleh kerana prestasi latihan pelajar amat mengecewakan, pengkaji kemudiannya menjalankan praujian. Dapatan praujian masih menunjukkan kebanyakan pelajar tidak mampu melukis rajah CPM dengan tepat dan betul. Hal ini jelas terbukti dengan hasil lukisan rajah CPM dan skor yang mereka perolehi. Rajah 5.4 menunjukkan contoh jawapan praujian.



Rajah 5.4 Contoh jawapan praujian

Skor pelajar bagi praujian kurang memuaskan. Jadual 5.2 menunjukkan skor pelajar dalam praujian. Hanya tujuh (7) orang daripada 25 pelajar yang mendapat skor lebih daripada 50%.

Jadual 5.2 Skor praujian pelajar

Bil	Pelajar	Skor Praujian (%)	Bil	Pelajar	Skor Praujian (%)
1	A	60	14	N	70
2	B	60	15	O	60
3	C	50	16	P	0
4	D	60	17	Q	40
5	E	40	19	R	10
6	F	50	19	S	50
7	G	50	20	T	50
8	H	10	21	U	40
9	I	50	22	V	10
10	J	0	23	W	50
11	K	60	24	X	40
12	L	80	25	Y	50
13	M	50			

Pengkaji mendapati markah pelajar yang kurang memberangsangkan ini adalah disebabkan kelemahan kemahiran pelajar. Pelajar tidak tahu menghurai dan mengenal pasti item-item dalam jadual aktiviti yang merupakan soalan dan menjadi rujukan bagi melukis rajah CPM. Pelajar juga dikesan tidak dapat memindahkan item-item yang terdapat dalam jadual aktiviti seperti bilangan aktiviti, aktiviti pendahulu, tempoh aktiviti atau projek dan aktiviti serentak ke bentuk rajah CPM. Jelaslah di sini pelajar memerlukan kemahiran konsep tertentu untuk meningkatkan kemahiran mereka dalam melukis rajah CPM.

5.3 Tindakan Menangani Masalah

Setelah pengkaji mengenal pasti kelemahan yang menjejaskan skor murid, pengkaji telah merancang dan melaksanakan tiga aktiviti program intervensi. Program yang dirancang berhasrat untuk meningkatkan kemahiran pelajar melukis rajah CPM. Antara aktiviti yang dijalankan ialah:

- i. Aktiviti 1 : Kenali Daku - Kenal Item-item dalam Jadual Aktiviti
- ii. Aktiviti 2 : Salam Perkenalan - Konsep Kunci BAAPTAAS
- iii. Aktiviti 3 : Mari Cuba-cuba - Lukis Rajah CPM

Jadual 5.3 Langkah/Aktiviti Menjalankan Penggunaan 'Kunci BAAPTAAS'

Langkah/ Bulan/ Minggu	Aktiviti
(1) Feb/Minggu 4	Kenali Daku - Kenal Item-item dalam Jadual Aktiviti - Guru edar soalan contoh untuk rujukan pelajar dalam mempelajari Kunci BAAPTAAS untuk melukis rajah CPM. Pelajar diberi tempoh masa untuk mengenal pasti item-item yang terdapat dalam jadual aktiviti. Kemudian pelajar berkongsi dapatan melalui kaedah sumbangsaran. Rumusan daripada sumbangsaran adalah dalam sesebuah jadual aktiviti untuk melukis rajah CPM, perkara berikut perlu dikenal pasti: i. bilangan aktiviti sesuatu projek; ii. aktiviti pendahulu yang perlu disiapkan sebelum memulakan aktiviti seterusnya; dan, iii. tempoh masa untuk menyiapkan sesuatu aktiviti; dan, iv. aktiviti serentak yang boleh dilakukan bersama.

Langkah/ Bulan/ Minggu	Aktiviti
(2) Feb/Minggu 4	Salam Pengenalan – Konsep Kunci BAAPTAAS - Guru memperkenalkan 'Kunci BAAPTAAS'. BAAPTAAS adalah singkatan atau akronim bagi bilangan aktiviti (BA), aktiviti pendahulu (AP), tempoh aktiviti (TA) dan aktiviti serentak (AS). - Guru menerangkan cara mengaplikasi 'Kunci BAAPTAAS' dalam menghurai dan mengenal pasti item-item yang terdapat dalam jadual aktiviti iaitu: i. bilangan aktiviti yang terdapat dalam projek tersebut; ii. aktiviti pendahulu yang perlu dijalankan terlebih dahulu sebelum dapat meneruskan aktiviti seterusnya; iii. tempoh masa satu-satu aktiviti yang terlibat; dan, iv. aktiviti yang boleh dijalankan serentak kerana tidak melibatkan aktiviti pendahulu.
(3) Feb/Minggu 4	Mari Cuba-cuba - Lukis Rajah CPM - Dalam aktiviti ini, guru membahagikan pelajar kepada empat (4) kumpulan dan meminta pelajar melukis rajah CPM berpanduan penerangan konsep 'Kunci BAAPTAAS' dalam tempoh masa yang diperuntukkan. - Guru bergerak dari satu kumpulan ke satu kumpulan untuk memberi tunjuk ajar dan melihat perkembangan pelajar melukis rajah CPM. - Setelah masa yang diperuntukkan untuk melukis rajah CPM tamat, guru meminta seorang pelajar untuk melukis rajah CPM hasil dapatannya di papan tulis. - Guru meminta pelajar-pelajar lain membandingkan rajah CPM yang dilukis oleh mereka dengan rajah CPM yang dilukis oleh rakan mereka di papan tulis. - Guru membuat semakan dengan memberi tunjuk ajar dan penerangan cara melukis rajah CPM bersama-sama pelajar dengan menggunakan rajah CPM di papan tulis tadi.

5.4 Dapatan Kajian

5.4.1 Pelaksanaan Langkah 1 - Kenali Daku - Kenal Item-item dalam Jadual Aktiviti

Dalam aktiviti ini pelajar-pelajar diuji pengetahuan sedia ada mereka berkaitan jadual aktiviti sebelum melukis rajah CPM melalui soalan contoh (Lampiran 1) yang diberikan. Pelajar diberi masa 10 minit untuk mengenal pasti item-item yang terdapat dalam jadual aktiviti. Selepas 10 minit, pelajar diminta melontarkan dapatan mereka melalui kaedah

sumbangsaran. Pelajar diterangkan kesimpulan bahawa dalam sesebuah jadual aktiviti untuk melukis rajah CPM, pelajar perlu mengenalpasti item-item yang terdapat dalam jadual aktiviti. Langkah untuk menjawab soalan contoh adalah:

- i. Menenal pasti item dalam soalan: bilangan aktiviti sesuatu projek, aktiviti pendahulu yang perlu disiapkan sebelum memulakan aktiviti seterusnya, tempoh masa untuk menyiapkan sesuatu aktiviti dan aktiviti serentak yang boleh dilakukan bersama.
- ii. Memindahkan item ke bentuk rajah CPM.

Jika pelajar tidak boleh mengenal pasti item yang terlibat, mereka tidak dapat melukis rajah CPM dengan betul.

Pemerhatian

Semasa aktiviti ini berlangsung, pelajar kelihatan bersemangat, ceria dan positif. Pelajar mengambil bahagian dengan aktif dalam aktiviti sumbangsaran.

Refleksi

Pada peringkat ini pelajar sudah mengenali item-item yang terdapat dalam jadual aktiviti. Pelajar kelihatan lebih positif berbanding situasi pertama kali mempelajari topik CPM dalam kelas tutorial sebelum ini. Semangat ingin tahu pelajar untuk meneruskan sesi pembelajaran dilihat semakin tinggi dan mereka juga kelihatan tidak sabar untuk ke aktiviti seterusnya apabila menyuarakan pertanyaan kepada pengkaji, “cikgu, bila kita hendak melukis rajah CPM?”

5.4.2 Pelaksanaan Langkah 2 - Salam Pengenalan – Konsep ‘Kunci BAAPTAAS’


Dalam kelas tutorial yang sama, pengkaji seterusnya memperkenalkan kaedah ‘Kunci BAAPTAAS’ kepada pelajar. Penerangan diberikan kepada pelajar dari segi konsep dan perkataan ‘Kunci BAAPTAAS’ itu sendiri. ‘BAAPTAAS’ adalah singkatan atau akronim bagi bilangan aktiviti **(BA)**, aktiviti pendahulu **(AP)**, tempoh aktiviti **(TA)** dan aktiviti serentak **(AS)**. Jadual 5.4 menerangkan konsep kaedah ‘Kunci BAAPTAAS’.

Jadual 5.4 Konsep ‘Kunci BAAPTAAS’

(BA) Bilangan Aktiviti	Bilangan aktiviti yang terlibat dalam sesuatu projek perlu dikenal pasti agar semasa melukis rajah CPM agar tiada aktiviti yang perlu disiapkan tertinggal dari dilukis. Kemudian, pelajar boleh mula melukis rajah CPM dengan melukis nod mula hingga akhir atau tamat aktiviti. Nod merupakan titik mula dan tamat bagi sesuatu aktiviti. Nod boleh dirujuk kepada bilangan aktiviti yang diwakili oleh A,B,C,D,E dalam jadual aktiviti.
--	---

(AP)	Aktiviti pendahulu adalah aktiviti yang perlu dijalankan terlebih dahulu sebelum aktiviti seterusnya.
Aktiviti Pendahulu	
(TA)	Tempoh aktiviti atau tempoh masa satu-satu aktiviti yang terlibat perlu dikenal pasti setelah sesuatu nod aktiviti dilukis. Nod-nod akan disambung menggunakan anak panah. Jadi, tempoh aktiviti perlulah ditulis selari dengan anak panah yang menjadi penyambung antara nod. Sebagai contoh, B4 ditulis selari di atas anak panah di mana B mewakili bilangan aktiviti dan empat (4) mewakili tempoh aktiviti. Jadi ini bermaksud aktiviti B mengambil masa empat (4) hari untuk disiapkan.
Tempoh Aktiviti	
(AS)	Pelajar seterusnya perlu mengenal pasti aktiviti yang boleh dijalankan serentak kerana tidak melibatkan aktiviti pendahulu.
Aktiviti Serentak	

Seterusnya para pelajar diterangkan cara mengaplikasikan 'Kunci BAAPTAAS' dalam menghurai dan mengenal pasti item-item yang terdapat dalam jadual aktiviti. Rajah 5.5 menunjukkan cara 'Kunci BAAPTAAS' dapat dilaksanakan.



Rajah 5.5 Cara Mengaplikasi 'Kunci BAAPTAAS' dalam Jadual Aktiviti

Pemerhatian

Pelajar dilihat begitu teruja dan menunjukkan reaksi positif apabila 'Kunci BAAPTAAS' diperkenalkan. Pelajar juga dilihat fokus apabila diterangkan cara kaedah diaplikasi dalam membaca dan mengenal pasti item-item dalam jadual aktiviti. Pelajar-pelajar dilihat cuba mengaplikasikan dan mengaitkan 'Kunci BAAPTAAS' menggunakan soalan yang diberi. Mereka memberi perhatian sepenuhnya terhadap penerangan tutorial dan bertanya soalan jika ada yang tidak difahami.

Refleksi

Pelajar telah dapat mengaitkan 'Kunci BAAPTAAS' dengan jadual aktiviti. Perkataan 'BAAPTAAS' sering kedengaran dibibir-bibir pelajar pada masa ini. Mereka nampaknya sudah mengenali 'Kunci BAAPTAAS' dan sudah memahami serta mengenal pasti item-item yang terdapat dalam jadual aktiviti sebelum dipindahkan dalam bentuk rajah CPM.


5.4.3 Pelaksanaan Langkah 3 - Mari Cuba-cuba – Lukis Rajah CPM

Aktiviti terakhir melibatkan pelajar membentuk (empat) 4 kumpulan. Setiap kumpulan cuba melukis rajah CPM berpanduan penerangan konsep 'Kunci BAAPTAAS'. Pelajar dikehendaki melukis rajah CPM dalam masa 15 minit. Pada peringkat ini, pelajar hanya perlu mengaplikasikan konsep 'Kunci BAAPTAAS' semasa melukis rajah CPM. Tujuan pembentukan kumpulan adalah supaya pelajar boleh berbincang antara satu sama lain. Lampiran 2 dan 3 menunjukkan aktiviti latihan dalam kumpulan yang dilaksanakan. Rajah 5.6 menunjukkan contoh jawapan pelajar.




Rajah 5.6 Contoh jawapan pelajar menggunakan Kunci BAAPTAAS'

Sepanjang waktu tersebut pengkaji bertindak sebagai fasilitator dan bergerak dari satu kumpulan ke satu kumpulan untuk melihat perkembangan pelajar melukis rajah CPM menggunakan 'Kunci BAAPTAAS'. Setelah 15 minit, seorang pelajar mewakili kumpulan diminta membentangkan lukisan rajah CPM yang telah dihasilkan. Sesi perbincangan seterusnya dilakukan dengan membandingkan rajah CPM yang dibentangkan dengan rajah yang dilukis oleh pelajar dalam kumpulan masing-masing. Pelajar bersama-sama membuat penambahbaikan dan pindaan bagi memperbaiki rajah CPM yang dihasilkan. Rajah 5.7 menunjukkan contoh jawapan yang dibentangkan oleh wakil pelajar.



Rajah 5.7 Rajah CPM yang dibentangkan oleh wakil pelajar

Pengkaji seterusnya memberi penerangan tambahan cara melukis rajah CPM bagi memastikan pelajar memahami langkah penggunaan kaedah 'Kunci BAAPTAAS' dengan betul. Rajah 5.8 menunjukkan penerangan yang diberi oleh pengkaji kepada pelajar.



Rajah 5.8 Penerangan penggunaan kaedah 'Kunci BAAPTAAS'

Pemerhatian

Pelajar banyak mengemukakan soalan kepada guru pada peringkat ini kerana perasaan ingin tahu mereka dilihat semakin tinggi. Pelajar cuba sedaya upaya melukis rajah CPM dengan mengaplikasikan 'Kunci BAAPTAAS' yang baru dipelajari. Pelajar juga dilihat berbincang dan masing-masing melahirkan buah fikiran bersama rakan-rakan kumpulan. Mereka dilihat begitu teruja sekali dan berpuas hati dengan hasil lukisan rajah CPM masing-masing.

Refleksi

Setiap pelajar telah berjaya melukis dan melengkapkan rajah CPM mereka dengan tepat. Pelajar kelihatan sangat gembira. Majoriti pelajar menyatakan rajah lukisan mereka adalah sama seperti rajah CPM yang dilukis oleh rakan mereka di papan tulis. Pelajar juga menyatakan mereka sudah memahami cara untuk melukis rajah CPM dengan menggunakan 'Kunci BAAPTAAS' sebagai panduan. Pelajar sudah mula mahir langkah bermula dari membaca jadual aktiviti yang merupakan soalan untuk melukis rajah CPM, selanjutnya memindahkan item-item dalam jadual aktiviti ke bentuk rajah CPM, dan seterusnya melukis rajah CPM.

5.5 Refleksi Kajian

5.5.1 Impak kajian terhadap pelajar-pelajar

Pascaujian dilakukan pada kelas seterusnya pada minggu pertama bulan Mac iaitu selepas intervensi kajian dan 'Kunci BAAPTAAS' diperkenalkan. Pelajar diberi satu set soalan berkaitan CPM untuk membandingkan tahap kemahiran pelajar sebelum dan selepas diperkenalkan 'Kunci BAAPTAAS'. Lampiran 4 menunjukkan contoh soalan pascaujian.

Hasil analisis pascaujian menunjukkan peningkatan skor yang amat ketara berbanding praujian. Peningkatan kemahiran pelajar telah dikesan dalam menghurai dan mengenalpasti item-item dalam jadual aktiviti sebelum melukis rajah CPM. Selain itu, kemahiran pelajar memindahkan maklumat dari jadual aktiviti untuk melukis rajah CPM juga telah meningkat berbanding praujian. Hal ini terbukti dengan lukisan rajah CPM yang dilukis oleh pelajar-pelajar dalam pascaujian (rujuk Lampiran 5). Malah daripada 25 orang pelajar, seramai 20 orang berjaya mencapai skor 100%. Jadual 5.5 menunjukkan perbandingan skor praujian dan pascaujian pelajar setelah menggunakan kaedah 'Kunci BAAPTAAS'.

Jadual 5.5 Perbandingan skor praujian dan pascaujian pelajar

Bil	Pelajar	Skor Praujian (%)	Skor Pascaujian (%)	Bil	Pelajar	Skor Praujian (%)	Skor Pascaujian (%)
1	A	60	100	14	N	70	100
2	B	60	100	15	O	60	100
3	C	50	100	16	P	0	100
4	D	60	100	17	Q	40	80
5	E	40	80	19	R	10	100
6	F	50	100	19	S	50	60
7	G	50	100	20	T	50	100
8	H	10	100	21	U	40	100
9	I	50	100	22	V	10	100
10	J	0	70	23	W	50	100
11	K	60	80	24	X	40	100
12	L	80	100	25	Y	50	100
13	M	50	100				


Perbandingan skor praujian dan pascaujian juga jelas kelihatan dalam graf yang menunjukkan peningkatan skor pelajar dalam pascaujian. Rajah 5.9 menunjukkan graf perbandingan skor praujian dan pascaujian setelah menggunakan kaedah 'Kunci BAAPTAAS'.





Rajah 5.9 Perbandingan skor praujian dan pascaujian dalam bentuk graf

Carta yang menunjukkan skor pelajar dalam pascaujian boleh dilihat dalam Lampiran 6. Peningkatan kemahiran pelajar ini juga jelas kelihatan dalam hasil lukisan rajah CPM. Rajah 5.10 menunjukkan contoh lukisan rajah CPM dalam praujian dan pascaujian.



Rajah 5.10 Contoh perbandingan lukisan rajah CPM dalam praujian dan pascaujian

Perubahan ketara yang positif ini dapat dilihat dengan jelas dalam perbandingan jawapan praujian dan pascaujian. Kesimpulannya, kemahiran pelajar tingkatan 6 PraU 2 Gamma dalam melukis rajah *Critical Path Method* (CPM) telah meningkat dengan jayanya setelah menggunakan kaedah 'Kunci BAAPTAAS'.

5.5.2 Impak kajian terhadap pengajaran dan pembelajaran

Sepanjang kajian dijalankan, pengkaji telah mendapat pengalaman berharga terutamanya semasa aktiviti intervensi dijalankan. Pengkaji juga telah melihat perubahan sikap dan tingkah laku pelajar yang lebih positif setelah 'Kunci BAAPTAAS' diperkenalkan. Hal ini

memberi pengajaran kepada pengkaji agar selalu membuat perubahan dan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran untuk meningkatkan penguasaan pelajar dalam sesuatu topik pembelajaran. Pengkaji merasakan bahawa pengajaran dan pembelajaran yang telah berlaku berubah 360° berbanding amalan biasa yang dilakukan. Pengkaji amat berpuas hati dengan penggunaan 'Kunci BAAPTAAS' untuk meningkatkan kemahiran pelajar PraU 2 Gamma untuk melukis rajah *Critical Path Method* (CPM). Selain itu, melihat perubahan dan keberkesanan kajian ini, rakan-rakan guru yang lain juga turut berminat untuk membuat kajian tindakan demi menambahbaik proses pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran mereka masing-masing.

6.0 CADANGAN KAJIAN SETERUSNYA

Pengkaji berhasrat mengekalkan penggunaan 'Kunci BAAPTAAS' untuk meningkatkan kemahiran pelajar melukis rajah CPM. Pengkaji akan cuba memperbaiki kelemahan yang wujud dalam kajian ini dari semasa ke semasa. Kajian menggunakan 'Kunci BAAPTAAS' ini boleh dimurnikan lagi dengan merujuk kepada guru-guru Pengajian Perniagaan yang lebih berpengalaman dan berpandukan pelbagai sumber lain seperti buku-buku rujukan lain yang terdapat di pasaran.

Selain itu, pengkaji mencadangkan kajian ini dicuba oleh guru-guru Pengajian Perniagaan di sekolah-sekolah lain untuk menilai keberkesanannya kepada pelajar sekolah mereka. Pengkaji juga berhasrat untuk menggunakan kaedah ini bagi pengajaran sub topik CPM pada pelajar STPM Semester 2 tahun hadapan dan tahun-tahun berikutnya. Hal ini akan membolehkan pengkaji melihat tahap keberkesanan 'Kunci BAAPTAAS' untuk pelajar-pelajar lain yang mengambil Mata Pelajaran Pengajian Perniagaan Semester 2 dan seterusnya membuat penambahbaikan kajian dari semasa ke semasa. Kesimpulannya, kajian ini berjaya membuktikan kaedah 'Kunci BAAPTAAS' telah berkesan dalam meningkatkan kemahiran pelajar melukis rajah *Critical Path Method* (CPM) bagi 25 orang pelajar PraU 2 GAMMA di Kolej Sultan Abdul Hamid, Alor Setar, Kedah.

BIBLIOGRAFI

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia. (2008). *Buku manual kajian tindakan*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Chow, F.M. & Jaizah Mahamud. (2011). *Kajian tindakan: konsep dan amalan dalam pengajaran*. Puchong: Penerbitan Multimedia Sdn Bhd.



Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). *Laporan awal pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2013 – 2025*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.

Mokhtar Pet (2018). *Pengajian perniagaan: pengurusan Semester 2 (Edisi Keempat)*. Selangor Darul Ehsan: Oxford Fajar Sdn. Bhd.

Zulkifili Saleh (2011). *Kertas konsep pelaksanaan satu sekolah satu kajian tindakan*. Alor Setar: Jabatan Pelajaran Negeri Kedah.

CONTOH SOALAN SEMASA PROGRAM/AKTIVITI INTERVENSI




Jadual Aktiviti		
Aktiviti	Masa (Hari)	Aktiviti Terdahulu
A	4	-
B	8	-
C	6	A
D	3	B,C
E	4	D

Berdasarkan jadual aktiviti CPM di atas, lukiskan rajah CPM.

Rajah 6.1 Contoh soalan CPM yang diberi ketika program intervensi



LAMPIRAN 2

AKTIVITI PELAJAR MELUKIS RAJAH CPM DALAM KELAS



Rajah 6.2 Pelajar melukis rajah CPM ketika latihan dalam kelas

AKTIVITI PELAJAR MELUKIS RAJAH CPM SEMASA PROGRAM INTERVENSI



Rajah 6.3 Aktiviti lukisan rajah CPM dalam kumpulan dan pembentangan

LAMPIRAN 4


SOALAN PASCAUJIAN

Jadual Aktiviti		
Aktiviti	Masa (Hari)	Aktiviti Terdahulu
A	1	-
B	2	A
C	3	A
D	4	B
E	5	C
F	6	C
G	7	D,E,F
H	4	G

Berdasarkan jadual aktiviti CPM di atas, lukiskan rajah CPM


Rajah 6.4 Soalan pascaujian yang diberi selepas program intervensi

PELBAGAI JAWAPAN PELAJAR MELUKIS RAJAH CPM DALAM PASCAUJIAN




Rajah 6.5 Contoh lukisan rajah CPM setelah 'Kunci BAAPTAAS' diperkenalkan

CARTA SKOR PRAUJIAN DAN PASCAUJIAN PELAJAR



Rajah 6.6 Carta skor dalam praujian



Rajah 6.7 Carta skor dalam pascaujian

APLIKASI INOVASI MENGGUNAKAN “PEMBARIS TONGKU” UNTUK MENGHASILKAN CARTA PAI TONG DALAM SUBJEK PENGAJIAN AM

Mohammad Faizuddin bin Fauzi
Pusat Tingkatan Enam SMK Nabawan, Nabawan, Sabah

Abstrak

Kajian ini bertujuan memudahkan dan mempercepatkan penghasilan Carta Pai Tong/Bertingkat dalam Bahagian B Alih Bentuk Komunikasi (ABK) subjek Pengajian Am Semester 2. Kajian melibatkan 19 orang pelajar kelas 6 Atas Cambridge dan seorang guru. Fokus kajian melibatkan penghasilan media Carta Pai Tong sahaja. Hasil tinjauan awal mendapati pelajar mengambil masa yang lama untuk melukis bentuk Carta Pai Tong, memplotkan nilai sudut dan nilai ketinggian. Hasil kerja pelajar juga tidak kemas dan tidak lengkap. Pengkaji mengambil inisiatif menghasilkan “Pembaris Tongku” untuk memudahkan dan menyingkatkan masa melukis carta. Paten dan saiz pembaris ini adalah mengikut piawaian yang dikehendaki Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM). Pelajar hanya perlu menggunakan “Pembaris Tongku” sebagai acuan untuk melakar Carta Pai Tong, menanda nilai sudut (360 darjah) dan menanda nilai ketinggian (10 cm). Pelaksanaan kajian ini menggunakan kaedah pemerhatian, temu bual, soal selidik, praujian dan pascaujian. Dapatan kajian menunjukkan 100% pelajar mampu menghasilkan bentuk Carta Pai Tong yang lebih kemas dan menyiapkan dalam masa kurang dari 40 minit (masa cadangan menjawab). Seterusnya, lapan orang pelajar (42.11 %) berjaya mendapat 16-20 markah, manakala 11 orang pelajar (57.89%) mendapat 11-15 markah. “Pembaris Tongku” berkesan meningkatkan kemahiran pelajar dalam menghasilkan Carta Pai Tong/Bertingkat.

Kata kunci: Pembaris Tongku, Carta Pai Tong/Bertingkat, Alih Bentuk Komunikasi (ABK), nilai sudut dan nilai ketinggian, Pengajian Am.

1.0 REFLEKSI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN YANG LALU

Subjek Pengajian Am STPM adalah modular dan diajar mengikut semester. Bahagian yang sukar untuk pelajar ialah Bahagian B: Alih Bentuk Komunikasi (ABK). Bahagian ini menguji pelajar untuk menyediakan satu graf atau carta pai berdasarkan maklumat yang diperoleh dalam petikan. Bahagian ini memperuntukkan sebanyak 20 markah. Dalam bahagian ini, para pelajar harus menguasai cara memindahkan data/maklumat kepada teks bukan linear iaitu jadual dan graf/carta pai. Secara keseluruhannya, pelajar perlu menguasai 10 jenis media (8 graf dan 2 carta pai) dalam bahagian ini.

Carta Pai Tong/Bertingkat adalah satu daripada 10 jenis media yang perlu dikuasai. Namun, berdasarkan pengalaman sesi pengajaran dan pembelajaran pengkaji, penghasilan carta pai ini agak mencabar dan pelajar mengambil masa yang terlalu lama untuk menyiapkannya. Masa cadangan untuk menjawab bahagian ABK adalah 35-40 minit sahaja. Walau bagaimanapun, majoriti pelajar mengambil masa lebih dari 40 minit untuk menyiapkan carta pai ini.



Berdasarkan hasil praujian, temu bual, pemeriksaan tugas dan pemerhatian yang telah dilakukan oleh pengkaji, beberapa faktor yang menyebabkan pelajar mengambil masa terlalu lama untuk menyiapkan carta pai ini telah dikenal pasti, iaitu:

- i. Jadual yang lebih kompleks
Penghasilan Carta Pai Tong melibatkan banyak pengiraan. Pelajar terlebih dahulu perlu memindahkan nilai angkubah dalam petikan kepada bentuk jadual. Selain mengira dan memindahkan nilai angkubah, pelajar juga perlu mencari nilai sudut, nilai peratus dan nilai ketinggian. Masalah ini lebih ketara dalam kalangan pelajar yang lemah dalam subjek Matematik.
- ii. Membuat lakaran/acuan bentuk badan Carta Pai Tong
Pelajar mengambil masa yang lama menyiapkan acuan badan Carta Pai Tong disebabkan melibatkan banyak peralatan. Mereka perlu menggunakan pembaris lurus, jangka lukis dan jangka sudut.
- iii. Memplotkan/ menanda nilai sudut dan nilai ketinggian
Untuk menanda nilai sudut pada kepala carta pai, pelajar perlu menggunakan jangka sudut. Sekiranya nilai sudut tersebut melebihi 180 darjah, pelajar perlu mengira baki lebihan sudut selepas ditolak dan menanda sekali lagi baki tersebut (jika menggunakan nilai tokokan). Manakala untuk menanda nilai ketinggian, pelajar perlu menggunakan pula pembaris lurus.

2.0 FOKUS KAJIAN

Silibus dalam bahagian ABK sememangnya agak mencabar kerana bahagian ini melibatkan pengiraan. Tambahan pula, keputusan subjek Matematik pelajar 6 Atas Cambridge di peringkat SPM tidak begitu memberangsangkan. Jadi, sebagai guru, pengkaji perlu sentiasa berfikir kreatif dan inovatif dalam sesi pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) supaya pengajaran lebih berkesan.

Perkara yang merunsingkan pengkaji dalam bahagian ini ialah pelajar tidak mampu menyiapkan Carta Pai Tong ini dalam masa cadangan iaitu kurang dari 40 minit. Hasil kerja mereka juga tidak lengkap dan tidak kemas. Apabila mereka tidak siap, maka carta pai mereka tidak dapat dibaca dan boleh dianggap sebagai “media tidak siap”. Situasi ini akan memberi impak buruk terhadap markah mereka.

Berdasarkan kepada beberapa situasi ini, maka pengkaji mencari intervensi untuk membantu pelajar kelas ini. Pengkaji telah mencipta sejenis pembaris khusus untuk menghasilkan Carta Pai Tong yang diberi nama ‘Pembaris Tongku’. Penciptaan pembaris ini juga merupakan satu inovasi pengkaji ke arah amalan pengajaran dan pembelajaran pendidikan abad ke-21.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

3.1 Objektif Umum

Meningkatkan pencapaian pelajar kelas 6 Atas Cambridge dalam Bahagian Alih Bentuk Komunikasi subjek Pengajian Am Semester 2.

3.2 Objektif Khusus

Objektif khusus dalam kajian ini ialah:

- 3.2.1 Memastikan pelajar dapat menyiapkan Carta Pai Tong dalam masa kurang 40 minit dengan lengkap dan kemas.
- 3.2.2 Memastikan pelajar memperoleh markah sekurang-kurangnya 15/20 markah dalam penghasilan media Carta Pai Tong.

4.0 KUMPULAN SASARAN

Kumpulan sasaran dalam kajian ini ialah seramai 19 orang pelajar iaitu 15 orang perempuan dan empat orang lelaki daripada kelas 6 Atas Cambridge. Kebanyakan pelajar ini terdiri daripada pelajar aras sederhana dan lemah terutamanya dalam aspek pengiraan. Namun, mereka masih mempunyai potensi untuk mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan.

5.0 PELAKSANAAN KAJIAN


Kajian tindakan ini dilaksanakan selama tiga bulan bermula bulan Januari hingga Mac 2019. Kajian bermula dengan tinjauan masalah, analisis tinjauan masalah, dan seterusnya pelaksanaan tindakan bagi menangani masalah. Refleksi juga dilaksanakan bagi menilai kajian yang dilaksanakan.

5.1 Tinjauan Masalah

Pengkaji telah melakukan tinjauan untuk mengetahui permasalahan sebenar pelajar untuk menghasilkan Carta Pai Tong. Pendekatan kaedah yang digunakan meliputi kaedah kualitatif dan kuantitatif. Pengkaji telah menggunakan beberapa instrumen untuk mengenal pasti masalah dan mengumpul maklumat dalam kalangan pelajar iaitu kaedah pemerhatian, pemeriksaan tugas, praujian, dan temu bual.

5.2 Analisis Tinjauan Masalah

Berdasarkan pemerhatian semasa sesi PdPc, pengkaji mendapati pelajar kekok menggunakan banyak peralatan untuk menghasilkan Carta Pai Tong. Peralatan yang perlu digunakan ialah pembaris lurus, jangka sudut dan jangka lukis. Mereka sering mengharap



bantuan rakan dan bertanya guru meskipun sudah tiga kali membuat latihan carta ini. Selain itu, semua pelajar mengambil masa lebih dari 40 minit untuk menyiapkan carta ini. Bukan itu sahaja, hasil pemeriksaan tugas juga mendapati carta pai yang dihasilkan tidak kemas dan tidak lengkap.

Seterusnya, pengkaji melakukan praujian selepas tiga kali membuat latihan Carta Pai Tong dalam kelas supaya pengkaji benar-benar mengetahui permasalahan dan tahap penguasaan pelajar. Jadual 5.1 menunjukkan masa yang diambil oleh setiap pelajar untuk menyiapkan Carta Pai Tong.

Jadual 5.1 Analisis tempoh masa dalam praujian

Tempoh Masa	Bil. Pelajar (orang)	Peratus (%)
Kurang 40 minit	0	0.00
41-60 minit	10	52.63%
61 minit ke atas	9	47.37%
JUMLAH	19	100%

Berdasarkan Jadual 5.1, tidak ada seorang pun pelajar mampu menyiapkan Carta Pai Tong mengikut masa 40 minit yang ditetapkan. Keadaan ini sangat merunsingkan pengkaji. Sekiranya pelajar menjawab terlalu lama bahagian ini, kemungkinan besar mereka tidak dapat menyiapkan bahagian lain dalam peperiksaan sebenar nanti. Markah praujian pelajar juga tidak memberangsangkan. Jadual 5.2 menunjukkan markah praujian pelajar.

Jadual 5.2 Markah praujian

Markah	Bil. Pelajar (orang)	Peratus (%)
0 hingga 5	16	84.21%
6 hingga 10	3	15.70%
11 hingga 15	0	0.00
16 hingga 20	0	0.00
Jumlah	21	100%

Jadual 5.2 pula menunjukkan hanya tiga orang pelajar mendapat markah dalam lingkungan 6 hingga 10 markah. Untuk mendapat gred yang baik, pelajar sepatutnya mendapat markah sekurang-kurangnya 15 markah dalam bahagian ini.


Selepas sesi praujian dilakukan, pengkaji turut membuat sesi temu bual secara tidak formal dengan lima orang pelajar yang mendapat markah terendah. Tujuan temu bual ini adalah untuk mengetahui masalah menghasilkan Carta Pai Tong daripada pelajar itu

sendiri. Berikut merupakan masalah utama pelajar:

- Pelajar berasa kekok dan sedikit cemas ketika menggunakan banyak peralatan sokongan.
- Pelajar mengambil masa yang lama kerana sukar untuk membuat acuan/bentuk lengkap Carta Pai Tong.
- Pelajar mengambil masa yang lama bukan sahaja ketika menyiapkan jadual yang banyak pengiraan, bahkan mengambil masa yang lama untuk menanda nilai sudut pada kepala carta pai dan nilai ketinggian pada badan carta pai.

5.3 Tindakan Menangani Masalah

Pengkaji merangka tindakan yang bersesuaian untuk menangani masalah pelajar yang telah dikenal pasti. Rajah 5.1 merupakan kronologi tindakan yang telah dilakukan oleh pengkaji.



Rajah 5.1 Kronologi Urutan Tindakan oleh Pengkaji

Menurut Osterman dan Kottkamp (1993), pewujudan reformasi atau inovasi dalam pendidikan harus bermula dengan guru itu sendiri. Maka, disebabkan permasalahan yang telah dianalisis adalah berkisarkan kepada isu masa, kekemasan dan jenis peralatan sokongan yang agak banyak, pengkaji telah menghasilkan satu inovasi iaitu '**Pembaris Tongku**'. Penggunaan pembaris ini juga boleh dianggap mempunyai ciri tiga dalam satu dan sekali gus menafikan keperluan penggunaan peralatan sokongan lain (pembaris lurus, jangka sudut, dan jangka lukis).

Kelebihan dan ciri-ciri 'Pembaris Tongku' ialah:

i. berbentuk Carta Pai Tong

Pembaris ini digunakan sebagai acuan untuk menghasilkan Carta Pai Tong. Pelajar hanya perlu menangkap di sekeliling pembaris. Ukuran ketinggian keseluruhan pembaris termasuk lengkungan atas dan bawah adalah 14 cm, manakala lebar adalah 8 cm. Cara ini lebih cepat kerana pelajar tidak perlu lagi menggunakan pembaris lurus dan jangka sudut/jangka lukis untuk membuat lakaran bentuk Carta Pai Tong.


ii. mempunyai nilai ketinggian

Bahagian badan pembaris ini sudah dilengkapi dengan ukuran ketinggian iaitu 10 cm. Nilai ini juga dicetak di bahagian kiri dan kanan pembaris untuk memudahkan dan mempercepatkan pelajar menanda nilai ketinggian. Pelajar tidak perlu lagi menggunakan pembaris lurus seperti sebelum ini.


iii. mempunyai nilai sudut

Nilai sudut yang terdapat pada bahagian kepala 'Pembaris Tongku' ini merupakan antara ciri yang paling istimewa. Hal ini demikian kerana, nilai sudut ini adalah sudut lengkap iaitu 360° dan bukannya nilai sudut separuh seperti yang terdapat pada jangka sudut (hanya 180°). Lebih istimewa, nilai sudut 0° telah diletakkan pada satah iaitu pada kedudukan jam 12. Jadi, pelajar tidak perlu lagi memusingkan pembaris untuk menanda nilai. Pelajar hanya perlu membuat nilai tokokan pada jadual sudut dan kemudian menanda nilai sudut berdasarkan jumlah tokokan tersebut mengikut arah pusingan jam. Penandaan menggunakan nilai tokokan juga adalah lebih tepat dan jitu. Bagi memudahkan pelajar menanda nilai sudut terutamanya yang melibatkan sudut di lengkungan bawah (nilai antara 90° hingga 270°), pengkaji telah menyediakan satu acuan sudut 'Pembaris Tongku'.

Contoh 'Pembaris Tongku' boleh dilihat dalam Rajah 5.2 dan Rajah 5.3. Rajah 5.2 menunjukkan rupa 'Pembaris Tongku' dan Rajah 5.3 menunjukkan fungsi dan kelebihan 'Pembaris Tongku' dengan lebih terperinci.



Rajah 5.2 'Pembaris Tongku' dan acuan tambahan untuk menanda sudut pada lengkungan bawah



Rajah 5.3 Fungsi dan kelebihan 'Pembaris Tongku'

Matlamat utama penghasilan pembaris ini adalah untuk memudahkan dan menyingkatkan masa melukis carta memandangkan ini adalah masalah utama pelajar. Pengkaji juga mencipta pembaris ini kerana yakin apabila cara menghasilkan carta menjadi lebih mudah, maka pelajar akan menyiapkan carta pai dengan lebih cepat. Malah mereka dapat menghasilkan carta dengan kemas dan turut mempunyai masa untuk membuat semakan.


5.4 Dapatan Kajian

Kaedah yang diperkenalkan sebagai intervensi dalam kajian ini adalah 'Pembaris Tongku'. 'Pembaris Tongku' disediakan oleh pengkaji setelah menilai keperluan pelajar yang memerlukan inovasi dalam membantu mereka menangani masalah melukis carta dengan tepat. Langkah penyediaan dan penggunaan 'Pembaris Tongku' diterangkan selanjutnya.

Langkah 1: Mencipta Pembaris Tongku

Spencer (1994) menjelaskan inovasi ialah sesuatu yang dianggap baru dan lebih baik daripada yang lama oleh seseorang individu. Oleh yang demikian, berdasarkan masalah pelajar yang telah dikenal pasti, pengkaji telah mencipta inovasi 'Pembaris Tongku' menggunakan perisian "Corel Draw". Nilai ketinggian sebanyak 10cm diletakkan pada bahagian kanan dan kiri pembaris. Nilai sudut juga diletakkan di bahagian atas pembaris. Proses membuat acuan dan memasukkan nilai ini agak lama dan rumit serta melalui pelbagai rintangan.

Kemudian, pengkaji mencetak lakaran lengkap pembaris menggunakan pelekat (*sticker*) transparensi. Setelah berjaya mencetak, proses menggunting dilakukan. Kemudian, pelekat tersebut ditampal pada sejenis material iaitu "*Acrylic Transparent*" dan dipotong menggunakan pemotong laser supaya ukuran benar-benar tepat. Rajah 5.4 menunjukkan proses menggunting dan melekat pelekat transparensi.




Rajah 5.4 Proses menggunting dan melekatkan pelekat transparensi

Langkah 2: Aplikasi Penggunaan 'Pembaris Tongku'


Pengkaji telah membuat satu slot taklimat khas untuk memastikan para pelajar memahami cara menggunakan pembaris ini. Pelajar diajar melukis bentuk Carta Pai Tong menggunakan 'Pembaris Tongku' sehinggalah menanda nilai ketinggian dan nilai sudut hanya menggunakan 'Pembaris Tongku'. Berikut merupakan urutan melukis Carta Pai Tong menggunakan 'Pembaris Tongku'.

Urutan 1: (Membuat bentuk badan Carta Pai Tong) Tekap bentuk badan carta menggunakan 'Pembaris Tongku' (Rajah 5.5).




Rajah 5.5 Proses menepak bentuk Carta Pai Tong

Urutan 2: (Menanda nilai sudut) Gunakan nilai sudut yang terdapat pada bahagian atas pembaris untuk menggariskan darjah sudut (Rajah 5.6). Bagi darjah sudut yang melibatkan lengkungan bawah, gunakan acuan nilai sudut yang telah disediakan bersama pembaris untuk memudahkan penandaan.




Rajah 5.6 Proses menanda nilai sudut

Urutan 3: (Menanda nilai ketinggian) Gunakan nilai ketinggian (cm) yang terdapat pada bahagian kiri dan kanan pembaris. Untuk membuat lengkungan setiap angkubah ketinggian tersebut, gunakan lengkungan pada pembaris sahaja seperti gambar kedua (Rajah 5.7).



Rajah 5.7 Proses membuat lengkungan

Urutan 4: (Mewarna carta) Setelah siap membuat sudut dan ketinggian berdasarkan nilai dalam jadual, pelajar mewarna carta seperti biasa (Rajah 5.8).



Rajah 5.8 Proses melengkapkan Carta Pai Tong dengan nilai dan warna

Langkah 3: Melakukan Pascaujian

Satu pascaujian telah dijalankan di kelas 6 Atas Cambridge selepas memperkenalkan 'Pembaris Tongku' ini. Pascaujian ini bertujuan menguji keberkesanan penggunaan 'Pembaris Tongku'. Masa selama 40 minit diberikan kepada pelajar untuk menyiapkan Carta Pai Tong.

5.5 Refleksi Kajian

Penggunaan 'Pembaris Tongku' telah dikaji dengan pelibatan pelajar 6 Atas Cambridge dan hasil pelaksanaan kajian juga dinilai kembali oleh pengkaji.

5.5.1 Refleksi daripada Pemerhatian

Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan dengan menggunakan borang pemerhatian, didapati tahap keyakinan dan keupayaan pelajar menghasilkan Carta Pai Tong sangat memuaskan. Pelajar dilihat lebih yakin untuk menyiapkan carta mereka dengan menggunakan 'Pembaris Tongku'. Mereka dapat menganggar ruang peletakan item di dalam kertas graf dengan baik. Nilai ketinggian juga dapat ditanda dengan mudah dan cepat. Begitu juga dengan nilai sudut yang mana sebelum ini mengambil masa yang sangat lama disebabkan perlu memusingkan jangka sudut yang hanya mempunyai nilai 180°. Hasil kerja mereka juga menjadi lebih kemas dan lengkap. Selain itu, mereka juga dilihat lebih tenang menyiapkan carta pai tanpa perlu melihat rakan di sebelah.


5.5.2 Refleksi terhadap Perbandingan Hasil Praujian dan Pascaujian

Pengkaji melihat terdapat perubahan yang ketara dalam tempoh masa yang diambil oleh pelajar untuk melukis Carta Pai Tong. Jadual 5.3 menunjukkan perbandingan tempoh masa yang diambil oleh pelajar ketika praujian dan pascaujian yang dijalankan.

Jadual 5.3 Rumusan Perbandingan Tempoh Masa dalam Praujian dan Pascaujian

Tempoh masa	Bil pelajar (orang)		Peratus (%)	
	Praujian	Pascaujian	Praujian	Pascaujian
Kurang 40 minit	0	19	0.00	100.00
41 hingga 60 minit	10	0	52.63	0.00
61 minit ke atas	9	0	47.37	0.00
Jumlah	19	19	100.00	100.00

Pengkaji sangat berpuas hati kerana selepas aplikasi 'Pembaris Tongku' digunakan, 100% pelajar kelas 6 Atas Cambridge berjaya menyiapkan Carta Pai Tong tidak melebihi 40 minit masa cadangan. Rajah 5.9 menunjukkan perbandingan tempoh masa dalam bentuk graf.




Rajah 5.9 Graf Rumusan Perbandingan Tempoh Masa dalam Praujian dan Pascaujian

Seterusnya, pengkaji juga telah membandingkan markah praujian dan pascaujian pelajar. Jadual 5.4 menunjukkan perbandingan markah praujian dan pascaujian pelajar.

Jadual 5.4 Rumusan Perbandingan Markah Praujian dan Pascaujian
Mengikut Kategori Markah

Markah	Bil. Pelajar (orang)		Peratus (%)	
	Praujian	Pascaujian	Praujian	Pascaujian
0 hingga 5	16	0	84.21%	0.00
6 hingga 10	3	0	15.79%	0.00
11 hingga 15	0	11	0.00	57.89%
16 hingga 20	0	8	0.00	42.11%
Jumlah	19	19	100%	100%

Berdasarkan rumusan kategori markah dalam Jadual 5.4, seramai 11 orang pelajar (57.89 %) berjaya mendapat markah dalam kategori 11-15 markah. Manakala lapan orang pelajar (42.11%) lagi berjaya mendapat markah dalam kategori 16-20 markah. Oleh hal yang demikian, semua pelajar berjaya menepati markah yang disasarkan iaitu memperoleh sekurang-kurangnya 15/20 markah. Rajah 5.10 menunjukkan perbandingan markah praujian dan pascaujian pelajar dalam bentuk graf.



Rajah 5.10 Graf Rumusan Perbandingan Markah Praujian dan Pascaujian
Mengikut Kategori Markah

5.5.3 Refleksi terhadap Temu bual

Berdasarkan temu bual dengan lima orang pelajar, pengkaji dimaklumkan bahawa mereka lebih seronok melukis carta serta merasa mudah untuk melukis kerana tidak perlu lagi menggunakan tiga peralatan sokongan. Sebaliknya, kerja melakarkan bentuk carta pai menjadi mudah dan cepat kerana hanya perlu menangkap mengikut acuan pembaris. Di samping itu, penandaan nilai ketinggian menjadi lebih mudah dan cepat

kerana nilai ketinggian 'Pembaris Tongku' ada di bahagian kiri dan kanan. Mereka tidak perlu menggunakan pembaris lurus lagi. Penandaan nilai setiap angkubah di bahagian ketinggian boleh dilakukan sekali gus di bahagian kiri dan kanan sebelum lengkungan setiap angkubah dilukis. Bukan itu sahaja, nilai sudut pada 'Pembaris Tongku' juga sangat memudahkan pelajar. Ciri istimewanya iaitu mempunyai sudut 360° dan nilai 0° yang bermula pada satah menyebabkan pelajar mudah dan seronok memplotkan nilai sudut.

Berikut adalah antara respon pelajar:

"Dulu susah, ada banyak alat kena guna. Kadang-kadang tertinggal salah satu. Sekarang boleh guna Pembaris Tongku...boleh guna ganti pembaris lurus, jangka lukis dan jangka sudut. (Pelajar 1: 24.03.2019)

"Dulu saya rasa Carta Pai Tong ni macam susah. Sudah lah buat jadual pun susah, kena kira peratus, kira sudut, kira ketinggian....mahu buat carta pun susah juga. Lama betul mahu siapkan. Sekarang guna pembaris ni jimat sikit masa. Sempat warna penuh dan sempat buat semakan lagi cikgu...". (Pelajar 2: 24.03.2019)

Maklum balas pelajar menunjukkan bahawa pelajar menyedari perubahan setelah menggunakan 'Pembaris Tongku'. Pelajar sudah berasa yakin dengan kebolehan mereka melukis dengan tepat dan hanya perlu menggunakan satu peralatan sahaja untuk melukis Carta Pai Tong.

5.5.4 Rumusan terhadap Refleksi Kajian

Berdasarkan analisis 5.5.1 hingga 5.1.3 yang ditunjukkan, kajian ini telah berjaya mencapai objektif yang ditetapkan. Selepas menggunakan 'Pembaris Tongku', pelajar telah berjaya menghasilkan Carta Pai Tong dalam masa kurang 40 minit. Pelajar juga telah berjaya mendapat sekurang-kurangnya 15/20 markah dalam pascaujian yang dilakukan. Pengkaji juga berharap pencapaian pelajar akan konsisten dan lebih baik sekiranya soalan Carta Pai Tong keluar dalam peperiksaan sebenar nanti.

6.0 CADANGAN KAJIAN SETERUSNYA

Pengkaji telah mendaftarkan inovasi 'Pembaris Tongku' dengan Perbadanan Harta Intelektual Malaysia (Pendaftaran Hak Cipta dan Paten). Selain itu, kajian tindakan dan inovasi 'Pembaris Tongku' telah berjaya memenangi anugerah seperti berikut:

- i. **Pembentang Terbaik** Kolokium Guru Tingkatan 6 Kebangsaan Peringkat Zon Sabah pada 22-23 April 2019 di KTE Kota Kinabalu.
- ii. **Pingat Emas** dalam Karnival Mai Tah Bainovasi (Pertandingan Inovasi) @ Labuan Peringkat Kebangsaan pada 26-27 April 2019 bertempat di Kompleks Ujana



Kewangan Wilayah Persekutuan Labuan anjuran Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan.

- iii. **Pingat Perak** Pertandingan Inovasi Pembelajaran Peringkat Antarabangsa pada 30-31 Julai 2019 bertempat di Universiti Utara Malaysia, Sintok Kedah.
- iv. **Terpilih sebagai Pembentang Selari** dalam Persidangan Teknopen Kinabalu Kali ke-8, Tahun 2019 di IPG Kampus Tawau pada 23-24 Ogos 2019.
- v. **Pemenang Anugerah Kertas Kerja Terbaik dan Anugerah Poster Terbaik** dalam Kolokium Pendidikan Tingkatan Enam Peringkat Kebangsaan Tahun 2019 Kali ke-3 di Linton University Collage, Mantin, Negeri Sembilan pada 24-25 September 2019.

Namun begitu, pengkaji merasakan masih ada ruang untuk kajian seterusnya dilaksanakan. Kajian seterusnya boleh dibuat dengan memberi fokus terhadap elemen lain dalam Bahagian B: Alih Bentuk Komunikasi (ABK). Pengkaji menyarankan kajian dibuat untuk meningkatkan kemahiran memindahkan maklumat dalam petikan ke dalam bentuk jadual (khusus untuk pelajar yang sukar memahami maksud ayat dalam petikan dan lemah aspek pengiraan), serta pemantapan pemahaman dalam aspek teknikal dan pemarkahan terutamanya dalam kes pelajar hilang markah untuk kesalahan mandatori dan hilang markah kesalahan minor.

BIBLIOGRAFI

Bhaumik, P.K. (2013). Use of ICT in the classroom teaching of management. *Vision: The Journal of Business Perspective*, 16(4), 245-252.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012). *Ringkasan eksekutif. Pelan pembangunan pendidikan Malaysia (2013-2025)*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Melindungi masa instruksional. Kembali kepada yang asas: pemimpin instruksional, guru mengajar dan murid belajar*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Modul pengajaran dan pembelajaran STPM Pengajian Am*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Md Amin Md Taff. (2012). *Teori, model rekreasi dan pendidikan luar*. Tanjung Malim: UPSI.

Mohd Yusof Abdullah et al, (2008). *Pengetahuan pedagogi guru*. Sabah: Universiti Malaysia Sabah.

Mohd Yusuf Hasan. (2007). *Teori pendidikan pemikiran global*. Tanjung Malim: UPSI.

Mumtazah Othman & Nurizan Yahaya. (2009). Penghayatan nilai-nilai murni dalam kalangan remaja sekolah. *Malaysian Journal of Social Policy and Society*, (6), 1-20.

Othman Mohamed. (2001). *Penulisan tesis dalam bidang sains sosial terapan*. Bangi: Universiti Putra Malaysia.

Sharifah Alwiah Alsagof. (1987). *Psikologi pendidikan 1*. Kuala Lumpur: Longman Malaysia Sdn. Bhd.

Zaida Mustafa & Zailah Zainudin, (2009). *Kajian tindakan: teori dan praktis*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.

LAMPIRAN 1

**AKTIVITI MELUKIS CARTA PAI TONG MENGGUNAKAN
TIGA PERALATAN DAN 'PEMBARIS TONGKU'**




Rajah 6.1 Pelajar mengambil masa yang lama melukis carta pai menggunakan peralatan lama iaitu jangka sudut, jangka lukis dan pembaris lurus.




Rajah 6.2 Pelajar mula melukis menggunakan Pembaris Tongku.

CONTOH JAWAPAN PELAJAR PRAUJIAN DAN PASCAUJIAN



Rajah 6.3 Antara hasil jawapan pelajar dalam praujian (kiri) dan pascaujian(kanan)

PERALATAN MELUKIS CARTA PAI TONG



Rajah 6.4 Perbandingan antara inovasi 'Pembaris Tongku' dan peralatan sokongan sebelum ini.

LAMPIRAN 3

**JADUAL PERBANDINGAN TEMPOH MASA MELUKIS CARTA PAI TONG
DALAM PRAUJIAN DAN PASCAUJIAN MENGIKUT INDIVIDU**

Jadual 6.1 Analisis Perbandingan Tempoh Masa dalam
Prauajian dan Pascaujian Mengikut Individu

Bil	Responden	Tempoh Masa (Minit)	
		Prauajian	Pascaujian
1	Pelajar 1	65	36
2	Pelajar 2	42	29
3	Pelajar 3	59	31
4	Pelajar 4	66	36
5	Pelajar 5	59	37
6	Pelajar 6	68	37
7	Pelajar 7	47	30
8	Pelajar 8	73	39
9	Pelajar 9	56	33
10	Pelajar 10	73	40
11	Pelajar 11	49	30
12	Pelajar 12	59	32
13	Pelajar 13	61	40
14	Pelajar 14	62	37
15	Pelajar 15	55	34
16	Pelajar 16	59	35
17	Pelajar 17	58	32
18	Pelajar 18	69	38
19	Pelajar 19	65	31

JADUAL PERBANDINGAN MARKAH PENCAPAIAN DALAM PRAUJIAN DAN PASCAUJIAN MENGIKUT INDIVIDU

Jadual 6.2 Analisis Perbandingan Markah Pelajar dalam
Praujian dan Pascaujian Mengikut Individu

Bil	Responden	Markah (per 20)	
		Praujian	Pascaujian
1	Pelajar 1	01	17
2	Pelajar 2	04	19
3	Pelajar 3	02	15
4	Pelajar 4	07	16
5	Pelajar 5	01	15
6	Pelajar 6	01	16
7	Pelajar 7	06	15
8	Pelajar 8	03	17
9	Pelajar 9	02	19
10	Pelajar 10	05	15
11	Pelajar 11	04	15
12	Pelajar 12	04	16
13	Pelajar 13	01	15
14	Pelajar 14	01	15
15	Pelajar 15	01	15
16	Pelajar 16	01	15
17	Pelajar 17	04	15
18	Pelajar 18	08	16
19	Pelajar 19	01	15

JADUAL PEMERHATIAN TINGKAH LAKU PELAJAR DALAM PRAUJIAN

Jadual 6.3 Catatan Pemerhatian Guru Terhadap Tingkah Laku Pelajar
Ketika Menjawab Latihan Carta Pai Tong

Tarikh: 8 Februari 2019

Tempat: 6 Atas Cambridge

Aspek Pelajar	Menganggar Ruang Peletakan Item dan Menanda Sudut & Ketinggian	Menggunakan Peralatan Sokongan	Kekemasan	Masa
1	Tidak yakin & meniru rakan	Kekok	Tidak sempat warna	Lebih 40 minit
2	Bertanya guru dan rakan	Kurang cekap	Warna separuh	Lebih 40 minit
3	Tidak yakin & meniru rakan	Kekok	Lorek sahaja	Lebih 40 minit
4	Bertanya guru dan rakan	Cekap	Warna separuh	Lebih 40 minit
5	Tidak yakin & meniru rakan	Kekok	Tidak sempat warna	Lebih 40 minit
6	Tidak yakin & meniru rakan	Kekok	Tidak sempat warna	Lebih 40 minit
7	Yakin dan tepat	Cekap	Lorek sahaja	Lebih 40 minit
8	Bertanya guru dan rakan	Kekok	Lorek sahaja	Lebih 40 minit
9	Bertanya guru dan rakan	Kekok	Tidak sempat warna	Lebih 40 minit
10	Bertanya guru dan rakan	Kurang cekap	Warna separuh	Lebih 40 minit
11	Bertanya guru dan rakan	Kurang cekap	Lorek sahaja	Lebih 40 minit
12	Bertanya guru dan rakan	Kekok	Lorek sahaja	Lebih 40 minit
13	Tidak yakin & meniru rakan	Kekok	Tidak sempat warna	Lebih 40 minit
14	Tidak yakin & meniru rakan	Kekok	Tidak sempat warna	Lebih 40 minit
15	Tidak yakin & meniru rakan	Kekok	Tidak sempat warna	Lebih 40 minit
16	Tidak yakin & meniru rakan	Kekok	Tidak sempat warna	Lebih 40 minit
17	Bertanya guru dan rakan	Kurang cekap	Warna separuh	Lebih 40 minit
18	Yakin dan tepat	Cekap	Warna tetapi tidak kemas	Lebih 40 minit
19	Tidak yakin & meniru rakan	Kekok	Tidak sempat warna	Lebih 40 minit

“WE LOVE PP CHANNEL”: MENINGKATKAN KEUPAYAAN MENGINGAT FAKTA KHUSUS DAN KATA KUNCI HURAIAN PENGAJIAN PERNIAGAAN BAGI PELAJAR 6AK1

Noraini binti Ibrahim
Pusat Tingkatan Enam SMK Tun Haji Abdul Malek, Cheng, Melaka

Abstrak

Kajian ini dijalankan untuk mengatasi masalah penguasaan fakta khusus dan kata kunci huraian dalam mata pelajaran Pengajian Perniagaan. Sasaran kajian terdiri daripada 30 orang pelajar 6AK1 yang mengambil mata pelajaran Pengajian Perniagaan di Pusat Tingkatan Enam SMK Tun Haji Abdul Malek, Melaka. Hasil tinjauan awal menunjukkan pelajar tidak menguasai fakta khusus dan kata kunci huraian. Kegagalan mengemukakan fakta khusus dan kata kunci yang tepat dalam penulisan menjejaskan pemarkahan dalam huraian dan contoh. Pengkaji menjalankan intervensi menggunakan teknik “We Love PP Channel”. Teknik ini merupakan saluran yang mengandungi pesanan suara menggunakan aplikasi Telegram. Saluran ini membolehkan pelajar mendengar nota secara audio pada bila-bila masa dengan cara paling senang, santai, fleksibel dan ekonomik. Kajian ini mengambil masa selama empat minggu untuk diselesaikan. Refleksi kajian menunjukkan peningkatan penguasaan pelajar dalam mengingat dan menggunakan fakta khusus dan kata kunci yang tepat.

Kata kunci: Meningkatkan keupayaan mengingat, fakta khusus, kata kunci, Pengajian Perniagaan, aplikasi telegram.

1.0 REFLEKSI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN YANG LALU

Pengajian Perniagaan merupakan mata pelajaran yang memerlukan penguasaan fakta khusus dan kata kunci dengan tepat. Pelajar perlu rajin membaca dan fokus untuk mengingat fakta khusus dan kata kunci berkenaan. Analisis keputusan peperiksaan Pengajian Perniagaan Semester 1 2019 menunjukkan pencapaian yang sangat lemah. Hanya 12 orang daripada 36 pelajar yang berjaya lulus penuh, manakala 8 orang lulus sebahagian, dan seramai 16 orang mendapat F. Pengkaji telah berusaha membuat pelbagai aktiviti bagi membantu mereka lulus cemerlang dalam mata pelajaran Pengajian Perniagaan namun keputusan yang diterima amat mengecewakan.

Pengkaji mendapati pelajar kurang berminat dengan mata pelajaran ini kerana mereka perlu banyak membaca dan menghafal. Malah pelajar sendiri mengakui mereka tidak membaca buku atau membuat ulang kaji. Hal ini mungkin menyebabkan pelajar tidak faham soalan, tidak hafal fakta khusus, dan tidak ada idea untuk menghuraikan fakta. Pengkaji yakin dengan potensi pelajar dan percaya mereka boleh berubah dan mampu meningkatkan prestasi jika diberikan dorongan dan bimbingan yang baik. Hasrat ini mendorong pengkaji untuk menjalankan kajian tindakan ini. Pengkaji percaya dengan usaha yang berfokus dan intervensi yang bersesuaian, pelajar dapat dibantu untuk meningkatkan keputusan mereka dalam Pengajian Perniagaan.



2.0 FOKUS KAJIAN

Kajian ini berfokus kepada masalah utama kajian iaitu meningkatkan keupayaan menyatakan fakta-fakta khusus yang tepat dan meningkatkan keupayaan menulis huraian dengan menggunakan kata kunci yang tepat mengikut kehendak soalan. Pengkaji telah mengenal pasti kelemahan pelajar adalah dalam penguasaan fakta khusus dan kata kunci huraian melalui analisis dokumen yang telah dijalankan. Kumpulan pelajar ini mempunyai dua masalah yang ketara iaitu gagal menyatakan fakta-fakta khusus yang tepat mengikut kehendak soalan, dan gagal menghurai fakta khusus dengan menggunakan kata kunci yang tepat dan jelas.

Pengkaji berazam untuk mencari teknik yang boleh digunakan pada bila-bila masa, mudah, ekonomik dan secara tidak langsung dapat menarik minat pelajar-pelajar bagi meningkatkan keupayaan mereka mengingat fakta khusus dan kata kunci huraian mata pelajaran Pengajian Perniagaan. Justeru, bagi kajian ini pengkaji menguji teknik “We Love PP Channel” bagi meningkatkan penguasaan fakta khusus dan kata kunci pelajar 6AK1.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

3.1 Objektif Umum

Tujuan kajian ini adalah untuk meningkatkan keupayaan mengingat fakta khusus dan kata kunci huraian Pengajian Perniagaan dalam kalangan pelajar 6AK1.

3.2 Objektif Khusus

- 3.2.1 90% pelajar dapat menyatakan fakta-fakta khusus yang tepat selepas menggunakan “We Love PP Channel”.
- 3.2.2 90% pelajar boleh menulis huraian dengan menggunakan kata kunci yang tepat selepas menggunakan “We Love PP Channel”.
- 3.2.3 Meningkatkan minat pelajar untuk belajar Pengajian Perniagaan dengan menggunakan “We Love PP Channel”.

4.0 KUMPULAN SASARAN

Kajian ini disasarkan kepada 30 orang pelajar Pengajian Perniagaan pelajar 6AK1 di Pusat Tingkatan Enam SMK Tun Haji Abdul Malek, Melaka.

5.0 PELAKSANAAN KAJIAN

5.1 Tinjauan Masalah

Dalam pelaksanaan kajian ini, tinjauan masalah dibuat berdasarkan kaedah pemerhatian, ujian pra, analisis dokumen dan soal selidik.

5.1.1 Pemerhatian

Pengkaji membuat pemerhatian dan penilaian ke atas tingkah laku pelajar dari segi sikap mereka dalam proses pengajaran dan pembelajaran, serta gaya belajar sewaktu pelajar menjawab kuiz dan tutorial. Pengkaji juga membina hubungan yang rapat dengan pelajar melalui aplikasi media sosial Telegram. Pengkaji banyak mendapat maklumat berkenaan cara mereka bersosial, aktiviti yang mereka jalankan di luar waktu sekolah, dan cara mereka mengulang kaji pelajaran melalui aplikasi tersebut. Maklumat tersebut membolehkan pengkaji mengetahui permasalahan sebenar mereka untuk menghafal fakta khusus dan kata kunci huraian. Selain itu, pengkaji juga dapat mengenal pasti kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dan sesuai dengan minat pelajar-pelajar tersebut.

5.1.2 Ujian Pra

Ujian pra berbentuk kuiz bertulis dan mirip kepada soalan struktur sebenar STPM diberikan kepada kumpulan sasaran untuk mengesan penguasaan fakta khusus dan kata kunci huraian. Ujian pra ini hanya memfokuskan kepada satu sub topik dalam mata pelajaran Pengajian Perniagaan iaitu Teknologi Maklumat.

Kertas jawapan pelajar yang telah disemak tidak dipulangkan semula kepada mereka. Pengkaji telah merekodkan skor markah ke dalam borang yang dibahagikan kepada dua bahagian iaitu markah untuk fakta khusus dan markah huraian. Ini bertujuan untuk membantu pengkaji mengenal pasti tahap ingatan pelajar terhadap fakta khusus dan kata kunci huraian untuk sub topik tersebut.

5.1.3 Analisis Dokumen

Pengkaji telah membuat analisis dokumen dengan menggunakan jawapan tutorial pelajar yang biasa diberikan dalam kelas selama 15-20 minit tanpa merujuk kepada buku. Soalan tutorial lebih tertumpu pada bentuk soalan esei yang memerlukan pelajar untuk menjawab dengan mengemukakan fakta khusus, huraian dan contoh. Pengkaji hanya meneliti bahagian fakta khusus dan huraian sahaja iaitu sesuai dengan objektif kajian.

Selain itu, pengkaji juga telah membuat semakan ke atas transkrip jawapan pelajar dalam Ujian Kemajuan 1 Semester 2 yang telah diadakan pada 27 Februari sehingga 1 Mac 2019 dan masa untuk penyemakan kertas ialah daripada 1 Mac sehingga 15 Mac 2019. Analisis terhadap transkrip jawapan ini dapat mengukuhkan dapatan tinjauan masalah iaitu masalah ketepatan fakta khusus dan kata kunci yang tepat dalam huraian.

5.1.4 Soal Selidik

Pengkaji telah menggunakan aplikasi *Google Form* untuk membina soal selidik ringkas dengan penggunaan kaedah skala Likert. Tujuan soal selidik diedarkan kepada pelajar-pelajar adalah untuk mendapatkan maklum balas tentang kaedah atau teknik yang lebih diminati mereka untuk membuat ulang kaji terutamanya untuk menghafal fakta khusus dan kata kunci huraian.

Borang soal selidik ini terdiri daripada tiga konstruk iaitu Bahagian A: Penggunaan Telefon Pintar, Bahagian B: Penggunaan Aplikasi Telegram dan Bahagian C: Gaya Belajar Sendiri Pelajar di Rumah. Contoh borang selidik boleh dilihat di **Lampiran 1**. Analisis soal selidik ini digunakan untuk merumus tindakan yang diambil untuk mengatasi masalah pelajar dalam meningkatkan keupayaan mengingat fakta khusus dan kata kunci huraian.

5.2 Analisis Tinjauan Masalah

5.2.1 Analisis Pemerhatian

Berdasarkan pemerhatian sebelum kajian dijalankan terhadap kumpulan sasaran, didapati:

- i. Pelajar terlalu bergantung kepada nota dan jawapan daripada guru apabila membuat tutorial dan kuiz.
- ii. Pelajar tidak mempunyai inisiatif yang tinggi untuk mengubah cara meningkatkan daya ingatan malahan hanya menggunakan cara yang sama apabila menghafal fakta khusus dan kata kunci huraian seperti menggunakan kad imbas dan peta minda.
- iii. Pelajar tidak mempunyai jadual belajar di rumah dan menghabiskan waktu melakukan aktiviti sosial di luar waktu persekolahan.
- iv. Pelajar tidak mengamalkan budaya belajar yang bersesuaian dengan keperluan pembelajaran tingkatan enam.
- v. Pelajar lebih suka mendengar lagu menggunakan telefon berbanding membaca dan menulis. Ini dapat dilihat dengan jelas apabila waktu senggang atau waktu rehat, pelajar banyak menggunakan fon kepala semasa membuat ulang kaji.

5.2.2 Analisis Ujian Pra

Pengkaji mendapati bahawa pelajar lemah dalam mengingat fakta khusus yang menyebabkan mereka gagal untuk mendapat markah dan secara tidak langsung mereka juga kehilangan markah untuk huraian dan contoh. Pengkaji juga mendapati bahawa pelajar yang sama juga boleh memberi fakta khusus dengan tepat tetapi mereka tidak boleh memberikan huraian dengan kata kunci yang tepat. Markah individu pelajar dalam praujian adalah seperti **Lampiran 2**. Jadual 5.1 menunjukkan rumusan markah pelajar mengikut aras markah.

Jadual 5.1 Markah fakta khusus bagi ujian pra

Markah	Bilangan	Peratus (%)
0 – 1	10	33.33%
2 – 3	8	26.67%
4 – 5	12	40%
6 – 7	0	0%
Jumlah	30	100%

Berdasarkan jadual 5.1 keputusan ujian pra membuktikan segala yang disangka. Markah paling rendah yang diperoleh pelajar untuk fakta khusus ialah 0 (10 orang, 33.33%) dan markah yang paling tinggi ialah 5 (12 orang, 40%) daripada 7 markah penuh.

Jadual 5.2 Markah huraian bagi ujian pra

Markah	Bilangan	Peratus (%)
0 – 3	24	80.00
4 – 6	5	16.67
7 – 9	1	3.33
10 – 13	0	0.00
Jumlah	30	100

Berdasarkan jadual 5.2 analisis daripada ujian pra menunjukkan markah paling rendah yang diperoleh pelajar untuk huraian ialah 0–3 markah (24 orang, 80%) dan markah yang paling tinggi ialah 7-9 (1 orang, 3.33%) daripada 13 markah penuh. Hal ini membuktikan bahawa andaian pengkaji tentang pelajar mempunyai masalah mengingati fakta khusus dan kata kunci huraian adalah benar.

5.2.3 Analisis Dokumen

Berdasarkan semakan tutorial yang diberikan pada setiap kali selepas habis sesuatu sub topik, pelajar tidak dapat mengemukakan fakta khusus, huraian, dan contoh yang tepat dan relevan. Selain itu, semakan ke atas transkrip jawapan pelajar dalam Ujian Kemajuan 1 Semester 2 juga membuktikan masalah yang sama dihadapi oleh pelajar iaitu mereka tidak mampu menyatakan fakta khusus dan ini memberi kesan kepada kebolehan mereka untuk menulis huraian dengan baik.

Penelitian ke atas transkrip jawapan Ujian Kemajuan 1 Semester 2 juga menunjukkan pelajar sangat lemah dalam menjawab soalan aras rendah yang mudah seperti soalan “senaraikan”, “nyatakan”, dan “berikan” yang memerlukan pelajar memberikan fakta sahaja berbanding dengan soalan aras tinggi. Soalan aras tinggi adalah seperti soalan “jelaskan”,

“huraikan”, dan “terangkan” yang memerlukan pelajar memberikan fakta, huraian, dan contoh. Analisis jenis soalan boleh dilihat dalam **Lampiran 3**.

5.2.4 Analisis Soal Selidik

Dapatan soal selidik menunjukkan semua pelajar mempunyai telefon pintar dan gemar menggunakan gajet seperti telefon pintar untuk melayari pelbagai aplikasi media sosial seperti “WhatsApp”, “Telegram”, “Facebook”, “You Tube”, dan “Instagram”. Selain itu, pelajar juga menggunakan telefon pintar untuk belajar dan mencari maklumat untuk menyiapkan kerja kursus. Pelajar lebih tertumpu menggunakan aplikasi “WhatsApp” dan “Telegram” untuk berhubung dengan orang lain kerana aplikasi ini boleh digunakan secara percuma dan perkongsian maklumat seperti gambar dan dokumen lebih cepat dan mudah. **Lampiran 4** menunjukkan soal selidik yang digunakan untuk mendapatkan maklum balas pelajar.

Melalui soal selidik juga, pengkaji mendapati bahawa pelajar suka mendengar lagu menggunakan telefon pintar sambil mengulang kaji pelajaran di rumah. Kecenderungan pelajar terhadap penggunaan telefon pintar dalam kehidupan seharian menyebabkan pengkaji mengambil kesempatan ini menjalankan program yang lebih berkesan.

5.3 Tindakan Menangani Masalah

Pengkaji telah merancang satu intervensi untuk menyelesaikan masalah pelajar mengingati fakta khusus dan kata kunci huraian iaitu dengan menggunakan aplikasi “Telegram”. Pengkaji membuka saluran atau “channel” yang dinamakan sebagai “We Love PP Channel”. Aplikasi ini amat mudah digunakan untuk memuat naik dan memuat turun bahan seperti dokumen, gambar, dan juga video. Selain itu, maklumat yang disimpan adalah secara atas talian dan tidak mengganggu ruang simpanan dalam telefon.

Pengkaji bertindak sebagai pentadbir saluran ini. Pentadbir saluran boleh menghantar nota berbentuk pesanan suara dalam “We Love PP Channel”. Nota pesanan suara tersebut boleh didengar oleh pelajar bila-bila masa, di mana-mana dan berulang kali. Pengkaji boleh melihat dan memantau bilangan pelajar yang telah mendengar nota berkenaan.

Jadual 5.3 Langkah Menjalankan Pogram “We Love PP Channel”

Langkah	Tujuan
Langkah 1	Mewujudkan saluran “We Love PP Channel” - Pengkaji mewujudkan satu saluran dalam aplikasi “Telegram” yang dinamakan sebagai “We Love PP Channel”. - Pengkaji memastikan semua pelajar yang terlibat mempunyai aplikasi Telegram dalam telefon pintar mereka.

Langkah	Tujuan
Langkah 2	Memperkenalkan “We Love PP Channel” - Pengkaji memberi taklimat cara saluran ini berfungsi dan tujuan utama saluran ini diwujudkan.
Langkah 3	Menjemput masuk ke “We Love PP Channel” - Pengkaji berkongsi pautan jemputan dengan pelajar - Pelajar yang menerima jemputan tersebut dengan klik perkataan “join”. Langkah penyertaan dalam saluran boleh dilihat dalam Lampiran 5.
Langkah 4	Melancarkan “We Love PP Channel” - Pengkaji memuat naik nota pesanan suara mengikut sub topik secara tersusun dan teratur. - Pelajar dikehendaki mendengar nota pesanan suara.
Langkah 5	Membuat Ujian Pos - Pengkaji mengadakan ujian pos yang mempunyai format yang sama seperti ujian pra. - Corak soalan adalah sedikit berbeza daripada ujian pra, tetapi jawapan yang diperlukan adalah sama.
Langkah 6	Mendapatkan maklum balas keberkesanan “We Love PP Channel” - Pengkaji mengedarkan soal selidik menerusi aplikasi <i>Google Form</i> - Semua data daripada responden akan diproses secara automatik.

5.4 Dapatan Kajian

5.4.1 Pelaksanaan Langkah 1

Pengkaji telah melontarkan idea untuk mewujudkan “We Love PP Channel” iaitu saluran dalam aplikasi “Telegram” selepas melihat reaksi pelajar yang sedih apabila menerima keputusan Ujian Kemajuan 1 Semester 2 pada 15 Mac 2019. Pelajar nampak teruja, tidak sabar dan bersungguh-sungguh mendengar idea pengkaji. Dalam masa yang sama, pengkaji memastikan semua pelajar yang terlibat mempunyai aplikasi “Telegram” dalam telefon pintar mereka. Saluran tersebut adalah dalam mod persendirian iaitu hanya boleh diakses oleh pelajar Pengajian Perniagaan kelas 6AK1 di Pusat Tingkatan Enam SMK Tun Haji Abdul Malek. Saluran berkenaan juga dihadkan supaya hanya pentadbir dalam kumpulan tersebut sahaja yang boleh memuat naik bahan. Hal ini bertujuan untuk mengurangkan gangguan kepada nota pesanan suara yang telah dihantar supaya tidak bercampur dengan pesanan-pesanan lain.

5.4.2 Pelaksanaan Langkah 2

Pengkaji telah memperkenalkan “We Love PP Channel” pada 18 Mac 2019 kepada pelajar dengan memberi taklimat secara terperinci cara saluran ini berfungsi dan tujuan utama



saluran ini diwujudkan. Pengkaji memberi taklimat di dalam kelas dan menerusi aplikasi “Telegram” dalam kumpulan “Pengajian Perniagaan” yang memang telah diwujudkan sejak tahun 2018.

5.4.3 Pelaksanaan Langkah 3

Pengkaji berkongsi pautan jemputan dengan pelajar di mana apabila pelajar yang menerima pautan tersebut klik perkataan “join” mereka akan dimasukkan ke dalam saluran “We Love PP Channel” secara automatik. Sehingga dengan itu, mereka dapat mengakses semua nota pesanan suara yang ada di dalam saluran tersebut.

5.4.4 Pelaksanaan Langkah 4

Pengkaji memuat naik pesanan suara mengikut sub topik secara tersusun dan teratur sebaik sahaja mendapat maklumat bilangan pelajar yang menyertai saluran “We Love PP Channel” telah mencukupi. Pelajar dikehendaki mendengar berulang kali tanpa membuat sebarang catatan pada waktu senggang dan sewaktu melakukan aktiviti seperti menyapu, melipat baju, dan lain-lain ketika berada di rumah.

Pengkaji mendapati melalui pemerhatian bahawa pelajar lebih suka belajar dengan cara santai sebegini tanpa perlu membawa buku selepas “We Love PP Channel” diperkenalkan. Kaedah “We Love PP Channel” dilihat lebih sesuai dengan kumpulan sasaran untuk meningkatkan keupayaan mengingat selain penggunaan buku dan kaedah-kaedah biasa yang lain. Hal ini adalah kerana, pelajar lebih fokus dan memberikan tumpuan ketika mendengar nota pesanan suara. Mereka tidak diganggu oleh orang lain kerana menggunakan fon kepala.

5.4.5 Pelaksanaan Langkah 5

Pada 21 Mac 2019, pengkaji telah mengadakan ujian pos dengan menggunakan soalan yang hampir sama dengan soalan ujian pra iaitu satu soalan esei panjang yang bernilai 20 markah. Masa selama 20 minit diberikan kepada pelajar untuk menjawab. Ujian pra diberikan kepada pelajar untuk menguji sama ada kaedah “We Love PP Channel” memberi kesan kepada peningkatan keupayaan mengingat fakta khusus dan kata kunci huraian.

Pengkaji mendapati pelajar lebih bersemangat dan tanpa berlengah terus menjawab soalan ujian. Kertas mereka juga dipenuhi dengan jawapan dan yang lebih menggembirakan pengkaji apabila jawapan disusun dengan lebih teratur iaitu dimulai dengan fakta khusus, kemudian diikuti dengan huraian. Pada ketika ini, pengkaji membuat kesimpulan bahawa pelajar telah dapat menguasai fakta khusus dan kata kunci huraian untuk sub topik yang diuji. Hal ini dikukuhkan dengan dapatan analisis markah ujian pra dan ujian pos.

5.4.6 Pelaksanaan Langkah 6

Pengkaji membuat soal selidik menggunakan *Google Form* untuk mendapatkan maklum balas keberkesanan “We Love PP Channel”. Pengkaji mengambil masa selama 15 minit untuk mengumpulkan data dan maklumat daripada responden. Berdasarkan analisis maklum balas responden, pengkaji mendapati bahawa “We Love PP Channel” banyak membantu pelajar untuk meningkatkan keupayaan mengingat fakta khusus dan kata kunci huraian.

Jadual 5.4 Analisis Maklum Balas Responden Tentang Keberkesanan “We Love PP Channel”

No.	“We Love PP Channel” membantu saya	Sangat Setuju	Setuju	Tidak Setuju
1	mengingati fakta khusus.	57.7%	42.3%	0%
2	mengingati kata kunci huraian.	34.6%	65.4%	0%
3	membuat ulang kaji pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja.	61.5%	38.5%	0%
4	meningkatkan prestasi pencapaian dalam mata pelajaran Pengajian Perniagaan.	30.8%	69.2%	0%
5	meningkatkan minat saya dalam mata pelajaran Pengajian Perniagaan.	46.2%	53.8%	0%

Jadual 5.4 di atas menunjukkan analisis maklum balas responden tentang keberkesanan kaedah “We Love PP Channel”. Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan pelajar bersetuju “We Love PP Channel” ini dapat membantu mereka mengingat fakta khusus dan kata kunci huraian, membantu mereka membuat ulang kaji pada bila-bila masa dan mereka lebih berminat dengan mata pelajaran Pengajian Perniagaan. Hal ini secara tidak langsung dapat meningkatkan prestasi mereka dalam mata pelajaran tersebut. Majoriti pelajar bersetuju bahawa kaedah “We Love PP Channel” dapat meningkatkan prestasi mereka kerana cara ini lebih menarik, menyeronokkan, fleksibel, dan ekonomik. **Lampiran 6** menunjukkan keputusan maklum balas responden terhadap penggunaan “We Love PP Channel”.

5.5 Refleksi Kajian


Terdapat perubahan yang positif yang dapat dilihat kepada empat aspek iaitu pencapaian pelajar, perubahan sikap dan tingkah laku, perubahan dalam pengajaran dan pembelajaran, dan perubahan sikap guru.

5.5.1 Penilaian Pencapaian Pelajar

Pengkaji telah memilih dapatan analisis markah ujian pra dan ujian pos yang telah




dilaksanakan dengan pelajar. Rajah 5.1 menunjukkan analisis markah ujian pra dan ujian pos dalam bentuk graf.



Rajah 5.1 Graf Markah Fakta Khusus Ujian Pra dan Ujian Pos

Rajah 5.1 menunjukkan peningkatan ketara markah untuk fakta khusus selepas ujian pos. Bilangan pelajar yang mendapat 0–3 markah pada ujian pra berkurang kepada kosong pada ujian pos kerana kesemua 30 orang pelajar mendapat lebih daripada tiga markah.



Rajah 5.2 Graf Markah Huraian Ujian Pra dan Ujian Pos

Rajah 5.2 menunjukkan peningkatan ketara markah untuk huraian pada ujian pos. Hanya lima orang pelajar yang mendapat antara 3-7 markah pada ujian pos manakala 25 orang pelajar mendapat lapan markah dan ke atas. Peningkatan markah ini menunjukkan “We Love PP Channel” telah memberikan impak yang besar ke atas pelajar dalam meningkatkan keupayaan mengingat serta berjaya mencapai objektif umum dan objektif khusus kajian.

5.5.2 Perubahan Sikap dan Tingkah Laku

Penggunaan “We Love PP Channel” telah merubah sikap pelajar kerana pelajar didapati semakin berminat dan bermotivasi untuk mengulang kaji mata pelajaran Pengajian Perniagaan. Hal ini adalah kerana pelajar boleh mengulang kaji di mana-mana sahaja seperti di perhentian bas, di restoran, di mana-mana sudut rumah mereka tanpa membawa sebarang buku. Pengkaji juga mendapati pelajar menggunakan fon kepala untuk mendengar nota pesanan suara pada waktu senggang. Pelajar tidak lagi berasa malu untuk mengulang kaji di tempat awam kerana mereka tidak perlu membawa buku bersama mereka.

5.5.3 Perubahan dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Pelajar nampak lebih yakin apabila menjawab soalan yang melibatkan fakta khusus dan huraian selepas “We Love PP Channel” diperkenalkan. Mereka lebih bersemangat untuk menjawab soalan kuiz yang dijalankan secara spontan. Hal ini menunjukkan penguasaan pelajar tentang fakta khusus dan huraian telah meningkat. Selain itu, jawapan pelajar nampak lebih terancang, teratur dan kemas.

5.5.4 Perubahan Sikap Guru

Pengkaji berasa amat lega dan gembira dengan perubahan sikap pelajar Pengajian Perniagaan 6AK1 menjawab soalan ujian pos, kuiz dan tutorial selepas menggunakan “We Love PP Channel”. Hal ini menyebabkan, pengkaji lebih yakin, bermotivasi dan berazam untuk melaksanakan lebih banyak kajian tindakan yang boleh membantu pelajar-pelajar untuk meningkatkan prestasi mereka dalam mata pelajaran Pengajian Perniagaan.

6.0 CADANGAN KAJIAN SETERUSNYA

Pengkaji bercadang untuk meneruskan kajian tindakan ini dengan mengambil tindakan susulan iaitu mengembangkan isi kandungan nota pesanan suara dalam “We Love PP Channel” dengan menambah contoh kepada maklumat fakta khusus dan kata kunci huraian sedia ada. Tindakan susulan ini bertujuan untuk meningkatkan bilangan pelajar mendapat keputusan cemerlang iaitu A dalam Pengajian Perniagaan.

Pengkaji juga bercadang untuk terus mengekalkan kaedah ini bagi meningkatkan keupayaan mengingat fakta khusus dan kata kunci huraian kepada pelajar yang lemah dalam Pengajian Perniagaan pada masa akan datang. Pengkaji juga akan berkongsi kaedah ini dengan guru mata pelajaran yang lain seperti Sejarah dan Bahasa Melayu yang juga memerlukan pelajar menghafal dan mengingat fakta dan maklumat-maklumat lain.

BIBLIOGRAFI

- Azizi Ahmad dan Mohd Isha Awang. (2018). *Pengukuran dan penilaian pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Jurnal pendidikan tingkatan enam*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Jurnal pendidikan tingkatan enam Jilid 2*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Martano,D. (2016). *ELT and social media: using whatsapp a virtual learning environment*. Flore Rende: CLA Unical.
- Hasan Mohd. Ali Ph.D. (2010). *Teknik belajar berkesan & efektif*. Kuala Lumpur: PTS Millennia.
- Mohd Sahandri Gani Hamzah, Roselan Baki & Saifuddin Kumar Abdullah. (2012). *Amalan penilaian guru*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Othman Lebar. (2011). *Kajian tindakan dalam pendidikan*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Syed Lamseh Syed Chear. (2017). Pengajaran dan pembelajaran melalui aplikasi whatsapp dan telegram di universiti swasta. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 42(2), 87-97. <http://dx.doi.org/10.17576/jpen-2017-42.02-02>.

SOAL SELIDIK “WE LOVE PP CHANNEL”

We Love PP Channel:
Meningkatkan
Keupayaan Mengingati
Fakta Khusus dan Kata
Kunci Huraian
Pengajian Perniagaan
dalam Kalangan Pelajar
Tingkatan Enam

Soal selidik ini adalah bertujuan untuk
mendapatkan maklum balas daripada
pelajar tentang keedah atau teknik yang
lebih diminati pelajar untuk membuat ulang
kaji terutamanya untuk mengetahui fakta
khusus dan kata kunci huraian.

*** Required**

NAMA: *

Your answer

TINGKATAN *

☐ 6AK1

**BAHAGIAN A: PENGGUNAAN
TELEFON PINTAR**

Saya mempunyai telefon
pintar

☐ Ya

☐ Tidak

☐ Other:

Telefon pintar saya lengkap
dengan data

☐ Ya

☐ Tidak

☐ Other:

Saya sering menggunakan
telefon pintar untuk tujuan

☐ Media Sosial

**BAHAGIAN B: PENGGUNAAN
APLIKASI TELEGRAM**

Saya mempunyai aplikasi
Telegram dalam telefon
pintar saya. *

☐ Sangat Setuju

☐ Setuju

☐ Tidak Setuju

☐ Other:

Saya lebih suka
menggunakan aplikasi
Telegram berbanding
WhatsApp apabila
berkomunikasi berkaitan
dengan pengajaran dan
pembelajaran *

☐ Sangat Setuju

Sebab saya lebih gemar
menggunakan aplikasi
Telegram untuk pengajaran
dan pembelajaran ialah.....

☐ Mudah berkongsi gambar

☐ Mudah berkongsi dokumen

☐ Menyimpan semua gambar,
video dan dokumen secara
atas talian

☐ Boleh digunakan di komputer
riba atau komputer meja

☐ Other:

Saya tahu tentang
kewujudan kemudahan
saluran atau Channel dalam
aplikasi Telegram

☐ Sangat Setuju

**BAHAGIAN C: GAYA BELAJAR
DI RUMAH**

Saya suka membaca buku *

☐ Sangat Setuju

☐ Setuju

☐ Tidak setuju

☐ Other:

Saya suka mendengar muzik
sambil ulangkaji *

☐ Sangat Setuju

☐ Setuju

☐ Tidak setuju

☐ Other:

Rajah 6.1 Soal selidik yang diberikan kepada pelajar untuk tinjauan awal masalah

LAMPIRAN 2

PENCAPAIAN PELAJAR DALAM UJIAN PRA

Jadual 6.1 Rekod Pencapaian Pelajar Pengajian Perniagaan dalam Ujian Pra

Pelajar	Fakta	Huraian	Jumlah
1	0	0	0/20
2	0	0	0/20
3	0	0	0/20
4	4	0	4/20
5	0	0	0/20
6	5	1	6/20
7	3	0	3/20
8	4	1	5/20
9	2	4	6/20
10	4	2	6/20
11	4	0	4/20
12	1	0	1/20
13	4	7	11/20
14	5	6	11/20
15	5	0	5/20
16	3	0	3/20
17	1	1	2/20
18	3	0	3/20
19	0	0	0/20
20	3	0	3/20
21	3	0	3/20
22	4	4	8/20
23	5	6	11/20
24	5	1	6/20
25	5	5	10/20
26	3	1	4/20
27	2	1	3/20
28	0	0	0/20
29	0	0	0/20
30	0	0	0/20

ANALISIS DOKUMEN UJIAN KEMAJUAN 1 SEMESTER 2 2019

Jadual 6.2 Analisis Dokumen (Transkrip Ujian Kemajuan 1 Semester 2 2019)

Pelajar	Huraikan (S1)		Jelaskan (S3)			Senaraikan (S8)
	Fakta	Huraian	Fakta	Huraian	Contoh	Fakta
1	S	TR	T	T	T	T
2	S	TR	T	T	T	S
3	B	TT	S	TR	TR	T
4	S	TR	T	T	T	T
5	T	T	S	TR	TR	T
6	S	TR	B	B	T	S
7	S	TR	S	TR	TR	B
8	S	TR	T	T	T	B
9	T	T	S	T	T	T
10	S	TR	T	T	T	S
11	S	TR	S	TR	T	S
12	T	T	S	TR	T	T
13	S	TR	S	T	T	S
14	S	TR	B	T	T	B
15	S	TR	B	T	T	S
16	S	TR	B	TT	T	S
17	S	TR	T	T	T	S
18	S	T	T	T	T	T
19	T	T	B	T	T	S
20	S	TR	S	TR	TR	S
21	S	TR	S	TR	T	T
22	B	TT	B	TT	T	S
23	S	TR	B	B	B	S
24	S	TR	B	B	B	T
25	B	TT	T	T	T	B
26	B	B	S	TR	T	S
27	B	T	T	T	T	T
28	T	T	T	T	T	B
29	B	B	S	TR	TR	T
30	T	T	S	T	T	T
Betul (B)	6	2	8	3	2	5
Salah (S)	18	0	12	0	0	13
Tidak Tepat (TT)	0	3	0	2	0	0
Tidak Relevan (TR)	0	17	0	9	5	0
Tiada (T)	6	8	10	16	23	12


LAMPIRAN 4

MAKLUM BALAS TEKNIK PEMBELAJARAN PELAJAR



Rajah 6.2 Hasil dapatan soal selidik tinjauan awal masalah

CONTOH



Rajah 6.3 "We Love PP Channel" menggunakan aplikasi Telegram

MAKLUM BALAS PENGGUNAAN “WE LOVE PP CHANNEL”



Rajah 6.4 Hasil dapatan soal selidik menilai keberkesanan “We Love PP Channel”

PENINGKATAN PENGUASAAN PELAJAR DALAM MEMBUAT PEMERHATIAN TERHADAP SATAH HAL BENDA BAGI SUBJEK LUKISAN STPM MENGGUNAKAN KAEDAH GARISAN GRID BEBAS

Khairul Bariyah binti Badrudin
Pusat Tingkatan Enam SMK Baling, Baling, Kedah

Abstrak

Kajian ini bertujuan meningkatkan pencapaian pelajar dalam subjek Lukisan kertas 2 STPM (970/2). Tinjauan awal mendapati pelajar kurang memperincikan rupa bentuk hal benda yang dilihat semasa proses visualisasi (lukis) ke atas kertas lukisan. Kesannya lukisan yang dihasilkan gagal menepati standard skema STPM. Keputusan peperiksaan percubaan Semester 2 menunjukkan hanya seorang pelajar mendapat A. Manakala pelajar lain lulus pada gred B+ (seorang), B (dua orang), dan C+ (dua orang). Kumpulan sasaran dalam kajian ini melibatkan enam orang pelajar yang mendaftar subjek Seni Visual STPM 2019. Fokus kajian adalah membantu pelajar meningkatkan keupayaan mereka dalam mengenalpasti satah pada hal benda melalui kaedah garisan grid bebas semasa menghasilkan lukisan pengkaryaan dan perekaan. Penguasaan kemahiran memerhati akan memberi kesan kepada kualiti lukisan seterusnya berpotensi memperolehi markah dalam peperiksaan yang lebih tinggi. Tiga aktiviti intervensi dilaksanakan iaitu melukis hal benda banyak satah, aktiviti melukis bentuk dengan garisan grid terkawal, dan aktiviti melukis bentuk dengan garisan grid bebas. Hasil intervensi, mendapati pelajar memperoleh sekurang-kurangnya 58% markah dalam pascapaian. Ini menunjukkan peningkatan gred iaitu tiada lagi pelajar mendapat gred C. Sebaliknya, pelajar berjaya memperoleh gred A (seorang), A- (tiga orang), B+ (seorang) dan B (seorang).

Kata Kunci: Lukisan Penggal 2, garisan grid, satah hal benda, nilai tona, proses visualisasi.

1.0 REFLEKSI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN YANG LALU

Subjek Lukisan Pengkaryaan dan Perekaan dalam mata pelajaran Seni Visual STPM sangat menitik beratkan kemahiran melukis yang baik dan kreatif. Kemahiran melukis memerlukan latihan yang berterusan dan komitmen untuk memperbaiki lukisan. Pengkaji mendapati bahawa lukisan pelajar 6A1 masih belum menepati kualiti dan standard peperiksaan peringkat STPM.

Pelajar didapati hanya bergantung kepada aktiviti melukis dalam waktu pengajaran dan pembelajaran dalam kelas sahaja. Perkara ini membimbangkan kerana kemahiran melukis sepatutnya diasah setiap hari bagi meningkatkan kemahiran melukis. Selain itu, hasil pemerhatian sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran dalam kelas, pengkaji mendapati terdapat beberapa kelemahan pelajar. Pelajar didapati lemah dalam kemahiran menentukan kadar banding; tidak mahir mengaplikasi teknik menggunakan media kering lain selain pensel; dan gagal mengenal pasti satah pada hal benda yang melibatkan nilai tona.



Hal ini menyebabkan pengkaji sedar keperluan latihan pengukuhan yang berterusan untuk membiasakan pelajar dengan amalan melukis yang betul. Satu usaha yang efektif perlu dibuat bagi mengatasi permasalahan tersebut. Pengkaji percaya kaedah garisan grid bebas merupakan satu solusi yang sesuai untuk guru membantu pelajar mengatasi kelemahan yang dikenal pasti. Sehubungan itu, kajian tindakan ini dilaksanakan bagi menguji keberkesanan kaedah garisan grid bebas dalam mengatasi kelemahan yang dihadapi oleh pelajar selanjutnya meningkatkan kemahiran melukis mereka untuk menepati kualiti dan standard STPM.

2.0 FOKUS KAJIAN

Fokus kajian tindakan ini adalah mengatasi kelemahan melukis dalam aspek keupayaan mengenal pasti satah pada hal benda yang melibatkan nilai tona. Kepentingan usaha ini adalah untuk membantu pelajar meningkatkan kemahiran melukis untuk peperiksaan. Oleh yang demikian, pengkaji merangka aktiviti intervensi yang bersifat intensif agar dapat memberi kesan peningkatan kemahiran dengan lebih cepat. Latih tubi berfokus untuk mengatasi kelemahan mengenal pasti satah dan menimbulkan kesan tona perlu dilakukan sekerap mungkin. Justeru tindakan intervensi yang efektif menggunakan kaedah garisan grid bebas dapat membuka peluang yang lebih cerah untuk pelajar mendapat skor gred yang lebih cemerlang.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini merupakan satu usaha meningkatkan kemahiran melukis bagi kertas Lukisan Pengkayaan dan Perekaan. Kertas ini merupakan kertas 2 bagi mata pelajaran Seni Visual STPM (Kod 970/2). Kaedah garisan grid bebas dijalankan agar dapat mencapai objektif berikut:

3.1 Objektif Umum

Tujuan kajian ini adalah untuk membantu pelajar meningkatkan keupayaan pelajar menguasai daya pemerhatian terhadap hal benda semasa melukis melalui kaedah melihat satah berpanduan garisan grid bebas. Kemahiran ini penting supaya dapat membantu pelajar tingkatan 6A1 mencapai markah yang lebih baik dalam peperiksaan Seni Visual kertas 2 STPM 2019 dari segi peratus lulus, dan kecemerlangan A.

3.2 Objektif Khusus

- 3.2.1 Meningkatkan kemahiran pelajar membuat pemerhatian yang bersistem supaya lebih mahir berimitasi dengan sebarang hal benda yang diberi dalam peperiksaan.

- 3.2.2 Memberi bimbingan secara praktikal satu sama satu (berpusatkan pelajar) berpandukan kaedah garisan grid bebas.
- 3.2.3 Memberi penekanan kepada aspek satah hal benda supaya pelajar dapat mengenal pasti bentuk dan nilai tona dengan lebih cepat seterusnya menimbulkan kesan visual bentuk tiga dimensi (3D) ilusi yang padu.

4.0 KUMPULAN SASARAN

Kajian ini menyasarkan enam orang pelajar Semester 2 dari Tingkatan 6A1. Pelajar yang terlibat adalah pelajar yang mengambil mata pelajaran seni visual untuk STPM kod 970/2, iaitu Lukisan Pengkaryaan dan Perekaan. Pelajar terbabit terdiri daripada lima orang perempuan dan seorang lelaki. Pada peperiksaan Semester 1, seramai empat orang pelajar mendapat gred yang sederhana iaitu tiga orang mendapat C+, dan seorang B+. Manakala dua orang mendapat gred cemerlang iaitu seorang A- dan seorang lagi A.

5.0 PELAKSANAAN KAJIAN

5.1 Tinjauan Masalah

Pengkaji mengumpulkan maklumat berhubung permasalahan pelajar menggunakan dua cara iaitu pemerhatian, dan dokumen.

5.1.1 Pemerhatian


Kaedah pemerhatian yang dilakukan sepanjang waktu pengajaran dan pembelajaran di kelas membantu pengkaji mengumpul maklumat yang kukuh membuktikan wujudnya permasalahan ini.

5.1.2 Dokumen

Dalam kajian ini pengkaji mengumpul maklumat melalui penulisan refleksi dalam rekod pengajaran dan pembelajaran harian. Selain itu, kertas jawapan peperiksaan percubaan penggal 2 juga turut dijadikan dokumen utama bagi pengkaji mengumpul maklumat dan mengenal pasti permasalahan yang timbul.

5.2 Analisis Tinjauan Masalah

Rajah 5.1 menunjukkan proses pengumpulan data dan seterusnya analisis tinjauan masalah bagi kajian ini.




Rajah 5.1 Proses Pengumpulan Data dan Analisis Tinjauan Masalah

5.2.1 Analisis Pemerhatian

Pengkaji mendapati melalui pemerhatian bahawa pelajar hanya melukis ketika waktu pengajaran dan pembelajaran dalam kelas. Pelajar tidak membuat latihan sendiri di luar waktu pembelajaran. Hasil pemerhatian aktiviti lukisan dalam kelas, pengkaji melihat bahawa pelajar tidak memerhatikan kawasan atau bahagian satah yang sesuai dilorekkan tona dengan teliti. Ini menjadikan kadar tona menjadi tersekat-sekat. Hal ini juga mungkin disebabkan pelajar tidak dapat mengenalpasti bahagian satah yang sesuai.

5.2.2 Analisis Dokumen

Berdasarkan refleksi pengajaran dan pembelajaran yang lalu, penyelidik mendapati pelajar tidak dapat menghasilkan lukisan yang menampilkan kualiti yang baik seperti yang diperlukan dalam skema pemarkahan STPM. Setelah beberapa bulan mempelajari kemahiran melukis, pelajar masih tidak dapat mengatasi kelemahan melorek untuk menimbulkan kesan tona. Pemarkahan yang dibuat ke atas hasil lukisan pelajar dalam peperiksaan percubaan Semester 2 pula menunjukkan pelajar lemah dalam beberapa aspek kemahiran melukis. Antaranya ialah, pelajar tidak dapat menimbulkan bentuk hal benda yang dilukis dengan kemas dan tepat, serta nilai tona yang tidak lancar. Maksud nilai tona yang tidak lancar ialah terdapat intensiti / kadar lorekan nilai tona yang tidak seragam dan tersekat-sekat seperti yang dapati dilihat dalam Rajah 5.2.



Rajah 5.2. Contoh kesan tona tidak lancar dalam bulatan oren


Rajah 5.2 menunjukkan salah satu hasil lukisan pelajar yang menampilkan tona tersekat-sekat. Kelemahan ini merupakan salah satu aspek yang menjejaskan markah pelajar.

5.3 Tindakan Yang Dijalankan

Hasil dapatan analisa tinjauan masalah, pengkaji mengambil langkah melaksanakan intervensi untuk enam orang pelajar 6A1 yang mengambil peperiksaan seni lukis. Aktiviti intervensi dilaksanakan dalam tiga aktiviti utama iaitu aktiviti melukis hal benda pelbagai satah; aktiviti melukis bentuk tiga dimensi (3D) ilusi berpandukan garisan grid terkawal; dan, aktiviti melukis bentuk 3D ilusi berpandukan garisan grid bebas.

5.3.1 Aktiviti Melukis Hal Benda Pelbagai Satah

Aktiviti ini diadakan selepas tamat peperiksaan percubaan Semester 1 dan semasa kelas tambahan dalam cuti persekolahan penggal 1. Pada 20 Mac 2019, guru mengadakan perbincangan bersama pelajar untuk mengenal pasti beberapa hal benda yang mempunyai banyak satah dan memerlukan lebih banyak perincian semasa melukis. Satah merujuk kepada permukaan yang rata (Kamus Dewan, 2005). Dalam penghasilan lukisan, permukaan rata ini dapat dilihat dalam pelbagai keadaan. Permukaan rata terdapat di bahagian tenggelam; bahagian timbul; bahagian terlindung; dan, bahagian terdedah pada sesuatu benda yang dilukis. Rajah 5.3 menunjukkan contoh nilai tona pada satah hal benda.



Rajah 5.3 Contoh nilai tona pada satah hal benda

Hal benda yang sering menjadi pilihan dalam lukisan ialah botol, kertas renyuk dan batu. Pelajar dikehendaki melukis hal benda ini secara langsung dan bukannya merujuk gambar. Penghasilan lukisan kertas renyuk dan batu ini dibuat pada 20 -21 Mac 2019. Rajah 5.4 menunjukkan hasil lukisan kertas renyuk dan batu melalui aktiviti yang dilaksanakan.



Rajah 5.4 Hasil lukisan pelajar melukis kertas renyuk dan batu

Aktiviti melukis botol pula diadakan semasa kelas tambahan dalam cuti persekolahan Semester 1 (23 Mac 2019). Rajah 5.5 menunjukkan aktiviti latihan dalam kelas yang dilaksanakan menggunakan botol sebenar.




Rajah 5.5 Latihan melukis satah menggunakan botol

Aktiviti ini menggalakkan pelajar meneliti secara terus kepada hal benda yang dilukis misalnya meneliti bentuk, saiz, dan sifatnya. Satah pada hal benda tersebut lebih mudah dikesan kerana jarak yang dekat.

5.3.2 Aktiviti Melukis Bentuk Tiga Dimensi (3D) Ilusi Berpandukan Garisan Grid Terkawal

Aktiviti ini juga dilaksanakan selepas cuti pertengahan penggal satu iaitu bermula 31 Mac 2019 hingga 1 April 2019. Aktiviti ini merupakan hasil refleksi dari aktiviti intervensi yang pertama. Aktiviti ini bertujuan membimbing pelajar membuat lorekan menggunakan teknik garisan selari dan silang pangkah berpandukan grid secara konsisten. Plastisin dibentuk menjadi empat segi tepat dan dililitkan benang secara melintang dan menegak. Rajah a dan b di Lampiran 1 menunjukkan pelaksanaan aktiviti berkenaan. Garisan grid yang terdapat pada plastisin tersebut memudahkan pelajar mengenal pasti satah dan mudah mengagak kadar tona yang perlu dilorek. Apabila satu lukisan telah siap, bentuk segi empat tepat itu dibengkokkan sedikit dan dilukis semula. Setelah siap lukisan yang kedua, bentuk plastisin tersebut diubah lagi dan dilukis. Proses ini berulang-ulang sehinggalah pelajar dapat melukis sebanyak 10 hingga 15 lukisan. Rajah 5.6 menunjukkan contoh lukisan plastisin setiap pelajar menggunakan kaedah garisan grid terkawal.



Rajah 5.6 Hasil lukisan plastisin pelajar menggunakan kaedah garisan grid terkawal

5.3.3 Aktiviti Melukis Bentuk 3D Ilusi Berpanduan Garisan Grid Bebas

Aktiviti melukis berpanduan garisan grid terkawal yang agak terhad bentuknya mencetuskan idea untuk mencuba bentuk yang pelbagai dan lebih bebas. Hal benda yang terdapat di persekitaran pelajar banyak terdiri daripada jenis buatan manusia atau sejadi. Pasti hal-hal benda tersebut menampilkan pelbagai bentuk dan sifat. Maka pengkaji melihat kaedah menghasilkan lukisan 3D berpanduan garisan grid bebas lebih memberi peluang kepada pelajar untuk melatih tubi melorek dari pelbagai sudut yang lebih mencabar berbanding garisan grid terkawal. Pelajar bebas mencuba rupa bentuk yang dikehendaki. Bentuk yang semakin mencabar mampu meningkatkan kelajuan menangkap nilai tona pada satah yang terdapat pada bentuk yang dibayangkan dan direalisasikan sendiri oleh pelukis. Hal ini menyebabkan tempoh masa menyiapkan lukisan juga menjadi lebih cepat.

Aktiviti ini bermula pada 2 April 2019 dan kaedah ini masih diteruskan. Pelajar dikehendaki melukis menggunakan kaedah ini sebanyak satu helaian kertas lukisan setiap hari. Rajah 5.7 menunjukkan contoh siri lukisan pelajar menggunakan kaedah garisan grid bebas.



Rajah 5.7 Contoh siri lukisan pelajar menggunakan kaedah garisan grid bebas

Pelajar bermula dengan melukis secara bebas bentuk yang diinginkan dan membuat grid sendiri. Selanjutnya pelajar mewarna tona yang bersesuaian. Rajah 5.8 menunjukkan hasil lukisan 3D pelajar menggunakan kaedah garisan grid bebas.



Rajah 5.8 Hasil lukisan 3D pelajar menggunakan kaedah garisan grid bebas

5.4 Dapatan Kajian

5.4.1 Dapatan Aktiviti 1

Pemerhatian Aktiviti 1

Sepanjang aktiviti ini pengkaji bergerak dari meja ke meja untuk memberi bimbingan dengan menunjuk cara teknik melukis menggunakan media pensel. Pengkaji mendapati pelajar mengambil masa yang terlalu lama iaitu lebih satu jam untuk melukis setiap hal benda. Ini membimbangkan pengkaji kerana pelajar hanya diperuntukkan masa selama tiga jam dalam peperiksaan sebenar. Malah dalam peperiksaan sebenar, pelajar dikehendaki melukis sekurang-kurangnya lima hal benda yang disusun di hadapan mereka. Selain itu, disebabkan banyak bahagian satah yang perlu diperhatikan, terdapat pelajar yang cuba meringkaskan bentuk batu atau kertas renyuk yang dilukis. Ini merupakan satu tindakan yang kurang sihat kerana dapat memberi kesan kepada kadar banding apabila pelajar melukis lebih daripada satu hal benda dalam satu gubahan seting.

Refleksi Aktiviti 1

- i. Pelajar perlukan satu kaedah praktis melorek sambil mengenal pasti tona dengan lebih cepat.
- ii. Sikap terlalu bergantung kepada bantuan guru perlu dikurangkan supaya pelajar lebih berani meneroka hal benda yang dilukis.
- iii. Hasil lukisan berpotensi untuk dihasilkan dengan lebih baik, namun aktiviti melukis hanya berlaku dalam waktu pembelajaran sahaja dan tidak berlaku latihan berterusan di luar waktu pembelajaran formal.

5.4.2 Dapatan Aktiviti 2

Pemerhatian Aktiviti 2

Pengkaji mendapati lima daripada enam orang pelajar dapat menyiapkan lukisan dalam jumlah yang ditugaskan. Pengkaji memberi tempoh selama dua hari untuk menyiapkannya dan tidak menetapkan saiz bagi setiap lukisan tersebut. Namun terdapat seorang pelajar yang hanya melukis struktur bentuk bergaris grid tetapi tidak membuat lorekan bagi mewujudkan nila tona dan menimbulkan bentuk tiga dimensi ilusi. Walaupun gaya lorekan yang menggunakan teknik garisan selari dan silang pangkah dilihat semakin kemas dan seragam tetapi bentuk-bentuk yang dilukis adalah terhad dan masih dipengaruhi unsur segi empat tepat.

Refleksi Aktiviti 2

- i. Kesan garisan semakin kemas dan kualiti garisan semakin baik.
- ii. Intensiti tona (nilai tinggi hingga rendah) dapat ditunjukkan pada kadar yang memuaskan dan kesan tiga dimensi ilusi dapat ditimbulkan.



- iii. Latihan tersebut masih terhad dan kurang eksplorasi kepelbagaian bentuk yang lebih luas.

5.4.3 Dapatan Aktiviti 3

Pemerhatian Aktiviti 3

Pemerhatian yang dibuat dalam aktiviti ketiga menunjukkan peningkatan kemahiran pelajar dalam proses melorek menggunakan teknik garisan selari dan silang pangkah. Pelajar sudah berani meneroka menggunakan media melukis yang berbeza dan teknik garisan diaplikasi dengan lebih cermat. Teknik garisan juga didapati bersesuaian dengan kadar tona dan dapat menimbulkan kesan tiga dimensi pada lukisan tersebut. Ini menunjukkan pelajar sudah dapat mengenal pasti nilai tona yang sesuai pada satah yang terdapat pada grid bebas tersebut. Gaya lorekan sudah semakin kemas dan penggunaan garisan yang terancang, tertib dan harmoni. Cuma seorang pelajar (pelajar 4) masih perlu dibaiki kadar tona yang dibuat. Ini berlaku mungkin pada aktiviti yang kedua lagi beliau tidak melengkapkan lukisannya.

Refleksi Aktiviti 3

- i. Tempoh masa yang diambil untuk menyiapkan satu lukisan tiga dimensi berpandukan garisan grid bebas adalah antara 15 hingga 20 minit. Ini menunjukkan kelajuan psikomotor pelajar telah meningkat.
- ii. Garisan grid yang bebas telah meningkatkan imaginasi pelajar untuk membayangkan bentuk tiga dimensi yang akan ditimbulkan melalui lukisan.
- iii. Pelajar telah menghasilkan sekurang-kurangnya 10 lukisan jenis ini. Latih tubi yang berterusan perlu digalakkan setiap hari.
- iv. Kaedah garisan grid bebas lebih efektif dalam meningkatkan kebolehan pelajar dalam melukis dan menghasilkan nilai tona yang lebih tepat.

5.5 Refleksi Kajian

5.5.1 Penilaian Pencapaian Pelajar

Keputusan ujian pasca yang dilaksanakan pada 10 April 2019 menunjukkan peningkatan yang ketara dalam aspek pemarkahan. Hasil lukisan pelajar kelihatan lebih kemas dan menampilkan nilai tona yang bersesuaian. Saiz seting juga dilukis bersesuaian dengan ruang kertas lukisan yang diberi. Ini mewujudkan kesan keseimbangan ruang. Pelajar yang mendapat gred B, dan B+ masih punya kesempatan untuk berlatih tubi mengikut kaedah yang dianjurkan dalam kajian tindakan ini agar kemahiran melukis menjadi lebih lancar dan mampu mencapai kecemerlangan A. Jadual 5.1 menunjukkan perbezaan lukisan, markah dan gred pelajar dalam ujian percubaan Semester 2 dan pascaujian setelah intervensi dilaksanakan.

Jadual 5.1 Perbezaan Lukisan, Markah dan Gred Pelajar Setelah Intervensi

Percubaan Semester 2	Ujian Pasca	Markah / Gred
	 Pelajar 1	53 % / B Meningkat kepada : 75 % / A
	 Pelajar 2	61% / B+ Meningkat kepada : 70 % / A-
	 Pelajar 3	65 % / A- Meningkat kepada : 69 % / A-
	 Pelajar 4	49 % / C+ Meningkat kepada : 58 % / B
	 Pelajar 5	47% / C+ Meningkat kepada : 61 % / B +
	 Pelajar 6	55% / B Meningkat kepada : 70 % / A-
	Peratus Lulus	100%

Seterusnya, Jadual 5.2 menunjukkan perbezaan peningkatan markah dan peratus pelajar dalam ujian percubaan Semester 2 dan pascajian setelah intervensi dilaksanakan.

Jadual 5.2 Perbezaan Markah dan Peratus Peningkatan Setelah Intervensi

Tingkatan 6A1	Peperiksaan Percubaan Semester 2		Ujian Pasca		Perbezaan Markah	Peratus (%) Peningkatan
	Markah %	Gred	Markah %	Gred		
Pelajar 1	53	B	75	A	+22	+41.5%
Pelajar 2	61	B	70	A-	+9	+14.75%
Pelajar 3	65	A-	69	A-	+4	+6%
Pelajar 4	49	C+	58	B	+9	+18.37%
Pelajar 5	47	C+	61	B+	+14	+29.79%
Pelajar 6	55	B	70	A-	+15	+27.27%

5.5.2 Refleksi Pelaksanaan Aktiviti Secara Menyeluruh

Sepanjang kajian ini dijalankan pengkaji dapat melihat berlaku peningkatan kualiti dalam proses penghasilan lukisan pelajar kelas ini. Pengkaji mencuba dua jenis kaedah iaitu garisan grid terkawal dan garisan grid bebas. Hasil lukisan murid menunjukkan bahawa kaedah garisan grid bebas lebih efektif dalam membantu meningkatkan kualiti lukisan pelajar. Walaupun masih terdapat beberapa aspek yang masih perlu dibaiki seperti aspek pencahayaan, kadar banding dan teknik, namun objektif kajian ini telah tercapai kerana pelajar dapat meningkatkan keupayaan mengenal pasti satah dan nilai tona yang terdapat pada bahagian tersebut sehingga dapat menimbulkan kesan 3D yang kemas. Pencapaian ini sedikit sebanyak telah meningkatkan kualiti lukisan yang dihasilkan dalam ujian pasca. Sehubungan itu pelajar telah mendapat kesedaran bahawa dengan kaedah pengesanan satah dan nilai tona yang betul dapat menjadikan lukisan mereka lebih berkualiti. Latihan yang berterusan juga sangat penting untuk mengekalkan momentum pencapaian kemahiran tersebut.

6.0 CADANGAN KAJIAN SETERUSNYA

Pengkaji telah berjaya membantu pelajar meningkatkan markah dan bilangan A melalui penggunaan kaedah garisan grid bebas. Pengkaji juga menyarankan kaedah ini dipraktikkan oleh guru lukisan yang menghadapi isu yang sama dan menilai keberkesanan kaedah ini dalam membantu kualiti lukisan pelajar. Namun begitu, pengkaji masih melihat terdapat beberapa kelemahan lain dalam proses melukis berdasarkan hasil lukisan pelajar dalam peperiksaan Lukisan 970/2 pada Semester 2. Pelajar didapati masih belum berjaya menonjolkan aspek pencahayaan dan bayang dalam pengkaryaan lukisan terutamanya

lukisan format seting. Justeru dalam kajian tindakan yang seterusnya pengkaji bercadang untuk membantu pelajar meningkatkan kemahiran melukis dalam aspek pencahayaan dan bayang pula.

BIBLIOGRAFI

Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Jurnal pendidikan tingkatan enam 2018 (Jilid 2)*. Kementerian Pendidikan Malaysia.

Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). *Kamus dewan (Edisi Keempat)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hassan Mohd Ghazali. (2012). *Seni visual*. Tanjung Malim: Citra Grafik.

Majlis Peperiksaan Malaysia. (2017). *Laporan peperiksaan STPM 2017: Seni visual (970)*. Petaling Jaya: Sasbadi.

Ocvirk, O.G., Stinson, R., Wigg, P., Bone, R., & Cayton, D. (2013). *Art fundamentals: theory and practice (12th Edition)*. New York : McGraw-Hill Higher Education.



LAMPIRAN



Rajah 6.1 Proses membentuk plastisin dan melilit garisan grid menggunakan benang



Rajah 6.2 Bentuk plastisin segi empat tepat yang telah siap dililit benang mengikut garisan grid terkawal

100% PELAJAR ENAM ATAS SAINS BERUPAYA MELUKIS GAMBAR RAJAH ARAS TENAGA DAN MENGIRA TENAGA KEKISI MENGGUNAKAN “KOTAK AJAIB”

Irni Hafizan binti Ibrahim Bey & Chew Wei Chin
Pusat Tingkatan Enam SMK Tinggi Setapak, Setapak, WP Kuala Lumpur

Abstrak

‘Kotak Ajaib’ adalah kit guru untuk mengatasi masalah memahami gambar rajah aras tenaga dengan lebih baik. Hasil penilaian praujian dan pemerhatian mendapati pelajar lemah dalam melukis gambar rajah aras tenaga Born Haber yang tepat dan pengiraan tenaga kekisi. Justeru, ‘Kotak Ajaib’ dihasilkan sebagai panduan langkah demi langkah dalam melukis gambar rajah aras tenaga yang lengkap. Konsep ‘Kotak Ajaib’ adalah berdasarkan pemikiran komputasi, yang merupakan salah satu kemahiran utama dalam pendidikan STEM. ‘Kotak Ajaib’ direka mengikut komponen dalam pemikiran komputasi seperti penguraian, pengecaman corak, perwakilan data dan algoritma. ‘Kotak Ajaib’ melatih pelajar berfikir seperti komputer untuk menyelesaikan masalah. ‘Kotak Ajaib’ juga terbukti sebagai bahan pengajaran yang berkesan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Hasil dan ulasan selepas pascajuan pelajar telah menjadi bukti kebolegunaan ‘Kotak Ajaib’.


Kata kunci: Kotak Ajaib, *Chemical Energetics*, kimia, Born Haber, tenaga kekisi

1.0 REFLEKSI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN YANG LALU

Sub-topik “Born Haber Cycle” dalam topik “Chemical Energetics” merupakan item popular yang disoal dalam bahagian C, peperiksaan STPM Semester 2. Markah yang diperuntukkan adalah sebanyak enam hingga lapan markah. Manakala, soalan popular yang ditanya memerlukan pelajar melukis gambar rajah aras tenaga Born Haber dan menunjukkan pengiraan tenaga kekisi atau “lattice energy”.

Hasil pemerhatian terhadap jawapan pelajar dalam lembaran kerja, tutorial dan juga praujian menunjukkan pelajar didapati masih belum berjaya melukis gambar rajah aras tenaga Born Haber dengan tepat mahupun membuat pengiraan tenaga kekisi dengan betul. Pelajar didapati tidak dapat memecahkan tindak balas pembentukan hablur sebatian ion ke dalam siri langkah-langkah dengan menulis persamaan kimia dan keadaan fizikal yang betul; sukar mencari persamaan dalam tindak balas pembentukan dan pembentukan sebatian ion; dan, gagal melabelkan gambar rajah aras tenaga dengan betul yang menyebabkan pengiraan tenaga kekisi yang tidak tepat.

Kelemahan pelajar ini membimbangkan kerana item ini secara relatifnya lebih mudah untuk dijawab berbanding dengan sub-topik yang lain. Justeru, sekiranya item ini gagal dikuasai pelajar akan menghadapi kerumitan untuk menyelesaikan sub-topik yang lain. Pengkaji menganggap bahawa punca masalah di atas adalah disebabkan perkara berikut:



- i. Pelajar tidak dapat memahami dan menganalisis keperluan soalan.
- ii. Pelajar tidak dapat memecahkan masalah besar menjadi lebih kecil, lebih mudah diuruskan.
- iii. Pelajar tidak dapat menganalisis dan mencari urutan yang berulang.
- iv. Pelajar tidak dapat menetapkan arahan yang jelas dalam urutan untuk menyelesaikan masalah.
- v. Pelajar tidak dapat melabel gambar rajah tenaga sepenuhnya.
- vi. Pelajar tidak dapat mengira tenaga kekisi yang betul.

Pengkaji menyedari bahawa intervensi perlu dilaksanakan bagi menangani masalah yang dihadapi oleh pelajar. Justeru, teknik 'Kotak Ajaib' direka untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran guru kimia dalam pengajaran sub-topik Born Haber Cycle. Selanjutnya teknik ini akan membantu meningkatkan penguasaan kemahiran pelajar supaya mampu melukis gambar rajah aras tenaga Born Haber serta mengira tenaga kekisi dengan tepat.

2.0 FOKUS KAJIAN

Tumpuan kajian ini adalah untuk membolehkan pelajar mendapatkan markah penuh dalam menjawab soalan gambar rajah Born Haber. Kajian dilaksanakan melibatkan tujuh orang pelajar yang mempunyai pelbagai kebolehan dan aras kemahiran dalam subjek Kimia. Pengkaji mendapati pelajar membuat banyak kesilapan dalam menjawab soalan praujian. Justeru, kajian ini berhasrat untuk membantu pelajar dari aspek berikut:

- i. memahami dan menganalisis keperluan soalan.
- ii. memecahkan masalah besar menjadi lebih kecil, lebih mudah diurus.
- iii. menganalisis dan mencari urutan yang berulang.
- iv. menetapkan arahan yang jelas dalam urutan untuk menyelesaikan masalah.
- v. melabel gambarajah tenaga sepenuhnya.
- vi. mengira tenaga kekisi yang betul.

Pengkaji percaya 'Kotak Ajaib' merupakan teknik yang sesuai yang akan membantu pelajar untuk menjawab soalan dengan teknik dan ketepatan yang tinggi.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

3.1 Objektif Umum

Kelulusan 100% bagi subjek Kimia Penggal 2 Peperiksaan STPM bagi tahun akademik 2019.

3.2 Objektif Khusus

Kajian ini berhasrat untuk mencapai objektif berikut:

- 3.2.1 pelajar berupaya mengenalpasti tenaga berlainan menggunakan 'Kotak Ajaib'.
- 3.2.2 pelajar berupaya melukis gambar rajah aras tenaga Born Haber dengan lengkap menggunakan 'Kotak Ajaib'.
- 3.2.3 pelajar berupaya mengira tenaga kekisi.

4.0 KUMPULAN SASARAN

Kajian ini melibatkan tujuh orang pelajar Tingkatan 6 Atas Sains dari kelas 6AS1 and 6AS3 yang berkebolehan sederhana dan baik dalam subjek Kimia. Pelajar terdiri daripada empat orang pelajar Cina dan tiga orang pelajar Melayu.

5.0 PELAKSANAAN KAJIAN

Kajian dilaksanakan mengikut prosedur kajian tindakan dengan dimulakan dengan tinjauan masalah dan diikuti oleh analisis tinjauan masalah. Hasil daripada tinjauan berkenaan, baharulah tindakan intervensi dilaksanakan. Kajian yang dilaksanakan seterusnya melalui proses refleksi untuk menilai keberkesanannya.

5.1 Tinjauan Masalah

Tinjauan awal terhadap masalah dibuat dengan niat untuk memahami masalah secara mendalam. Tinjauan dibuat melalui pemerhatian, temu bual dan dokumen yang diperoleh melalui praujian.

5.1.1 Pemerhatian

Pengkaji telah menjalankan pemerhatian ketika sesi pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah setelah praujian dilaksanakan. Pemerhatian dibuat terhadap pelakuan pelajar dalam menjawab soalan praujian.

5.1.2 Temu Bual

Temu bual dilaksanakan melalui perbincangan dengan pelajar selepas praujian dilaksanakan. Pelajar disoal berhubung pandangan mereka terhadap soalan berkaitan Born Haber Cycle dan pengiraan tenaga kekisi. Pelajar juga disoal berkaitan halangan yang mereka hadapi dalam menjawab soalan praujian yang diberikan.

5.1.3 Dokumen

Dokumen yang ditinjau adalah markah setiap pelajar individu serta jawapan yang diberikan dalam praujian.

5.2 Analisis Tinjauan Masalah

5.2.1 Analisa Pemerhatian

Pemerhatian yang dilakukan mendapati terdapat pelajar yang tidak dapat menjawab ujian praujian yang diberikan serta pelajar memerlukan bimbingan daripada guru untuk menjawab soalan. Pengkaji juga mendapati bahawa 100% pelajar tidak membuat soalan tambahan selepas sesi pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Ini bererti pelajar hanya mengharap kepada tugasan dalam bilik darjah dan tiada usaha tambahan secara sendiri.

5.2.2 Analisa Temu Bual

Pelajar menyatakan kebimbangan mereka dalam menjawab soalan berbentuk esei berbanding soalan berbentuk objektif dan struktur. Pelajar tidak yakin dengan soalan yang memerlukan pengetahuan konsep yang mendalam serta menyumbang banyak markah.

5.2.3 Analisa Dokumen

Pelajar 6AS1 dan 6AS3 telah diberi praujian bagi menguji kebolehan pelajar menjawab soalan berkaitan Born Haber Cycle dan pengiraan tenaga kekisi. Jadual 5.1 menunjukkan markah setiap pelajar.

Jadual 5.1 Markah Praujian

No	Pelajar	Markah Praujian
1	A	5/16
2	B	6/16
3	C	3/16
4	D	4/16
5	E	8/16
6	F	7/16
7	G	10/16

Markah pelajar menunjukkan tiada pelajar yang berjaya mendapat markah penuh malah lima orang pelajar mendapat markah kurang daripada 50%. Jawapan pelajar juga telah dianalisa secara individu seperti dalam Jadual 5.2.

Jadual 5.2 Analisa Jawapan Praujian

No	Fokus kajian	A	B	C	D	E	F	G
1	Pelajar dapat memahami dan menganalisis keperluan soalan	X	✓	X	X	✓	✓	✓
2	Pelajar dapat memecahkan masalah besar menjadi lebih kecil, lebih mudah diurus.	X	✓	X	X	✓	✓	✓
3	Pelajar dapat menganalisis dan mencari urutan yang berulang.	X	X	X	X	✓	X	✓
4	Pelajar dapat menetapkan arahan yang jelas dalam urutan untuk menyelesaikan masalah.	X	X	X	X	X	X	X
5	Pelajar dapat melabel gambar rajah tenaga dengan lengkap	X	X	X	X	X	X	X
6	Pelajar dapat mengira tenaga kekisi yang betul.	X	X	X	X	X	X	X

Analisa terperinci terhadap jawapan pelajar secara individu menunjukkan bahawa pelajar masih belum menguasai kemahiran menjawab soalan dengan sepenuhnya. Terdapat tiga pelajar yang belum menguasai sebarang kemahiran yang difokuskan. Dua pelajar dilihat menguasai hanya dua kemahiran manakala dua pelajar lagi hanya menguasai tiga kemahiran. Analisa ini jelas menunjukkan keperluan intervensi dilaksanakan.

5.3 Tindakan Yang Dijalankan

Dalam pendidikan, pemikiran komputasional adalah satu set kaedah penyelesaian masalah yang melibatkan mengungkapkan masalah dan penyelesaian dengan cara yang dapat dilakukan oleh komputer. 'Kotak Ajaib' direka mengikut komponen dalam pemikiran komputasional seperti penguraian, pengecaman corak, perwakilan data dan algoritma. Nama program intervensi menggunakan perkataan 'Ajaib' bertujuan menunjukkan perubahan daripada kaedah konvensional. Keajaiban ini dirangka untuk menjadi sesuatu yang menarik dan bermakna dalam pengalaman pembelajaran pelajar. 'Kotak' pula dibina untuk membolehkan pelajar melihat laluan yang lebih jelas dan teratur untuk menyelesaikan masalah.

5.4 Dapatan Kajian

5.4.1 Pelaksanaan 'Kotak Ajaib'


'Kotak Ajaib' diperkenalkan kepada pelajar dalam latihan intervensi. Pelajar diberi contoh



penggunaannya melalui tiga langkah iaitu penguraian dan pengecaman corak; perwakilan data; dan corak algoritma. Langkah 1, 2 dan 3 diterangkan secara terperinci di bawah dibantu oleh contoh seperti dalam Rajah 5.1., Rajah 5.2 dan Rajah 5.3.

Langkah 1: Penguraian dan Pengecaman Corak


1. Baca soalan yang diberikan, kenal pasti jenis perubahan entalpi.
2. Pecahkan setiap perubahan entalpi dengan menulis formula bahan tindak balas dan hasil tindak balas dengan sifat fizikal yang betul
3. Kenal pasti pola perubahan.
4. Isi maklumat dengan formula reaktan dan produk, keadaan fizikal bagi setiap reaktan dan produk dan perubahan nilai entalpi ke dalam 'Kotak Ajaib' mengikut jenis perubahan entalpi.



Rajah 5.1 Contoh Langkah 1 'Kotak Ajaib'

Langkah 2: Perwakilan Data

1. Menggunakan maklumat di Langkah 1, pindahkan maklumat tersebut ke dalam 'Kotak Ajaib' dalam gambar rajah aras tenaga mengikut urutan yang diberi dari nombor 1 ke nombor 14.
2. Kenal pasti data penting yang perlu ditulis di dalam gambar rajah aras tenaga.



Rajah 5.2 Contoh Langkah 2 'Kotak Ajaib'

Langkah 3: Corak Algoritma

1. Cipta algoritma daripada 'Kotak Ajaib' di dalam aras tenaga mengikut "Hess' Law".
2. Hitung tenaga kekisi mengikut langkah demi langkah.

Student kit
STEP 3:
Calculate the value of LATTICE ENERGY by using Hess' Law

According to Hess' Law

$$5. = 7. + 9. + 11. + 13. + 14.$$

So,

$$14. = 5. - 7. - 9. - 11. - 13.$$

= kJmol⁻¹

Rajah 5.3 Contoh Langkah 3 'Kotak Ajaib'


5.4.2 Keputusan Pascaujian

Pengkaji melaksanakan ujian bagi menguji pelajar setelah latihan intervensi 'Kotak Ajaib' dilaksanakan. Ujian yang dilaksanakan adalah pada tahap yang sama dengan soalan praujian. Hasil pascaujian, analisa dilihat terhadap markah keseluruhan, jawapan individu serta maklum balas pelajar. Jadual 5.3 menunjukkan perbandingan markah pelajar dalam praujian dan pascaujian setelah menggunakan 'Kotak Ajaib'.

Jadual 5.3 Perbandingan Markah Praujian dan Pascaujian

No	Pelajar	Markah Praujian	Markah Pascaujian	Peningkatan Markah	Peratus Peningkatan (%)
1	A	5/16	12/16	7	43.8
2	B	6/16	13/16	7	43.8
3	C	3/16	11/16	8	50.0
4	D	4/16	10/16	6	37.5
5	E	8/16	15/16	7	43.8
6	F	7/16	16/16	9	56.3
7	G	10/16	16/16	6	37.5

Rajah 5.5 menunjukkan perbandingan keputusan praujian dan pascaujian pelajar dalam bentuk rajah.



Rajah 5.5 Perbandingan keputusan praujian dan pascaujian

Keputusan pelajar dalam praujian dan pascaujian sangat berbeza. Kesemua tujuh orang pelajar telah berjaya mendapat sekurang-kurang 50% dalam pascaujian dengan peningkatan markah antara enam hingga sembilan markah. Kemahiran pelajar juga telah diperbaiki. Jadual 5.4 menunjukkan analisa jawapan individu pelajar terhadap kemahiran yang digunakan dalam menjawab pascaujian menggunakan 'Kotak Ajaib'.

Jadual 5.4 Analisa Jawapan Pascaujian

No	FOKUS KAJIAN	A	B	C	D	E	F	G
1	Pelajar dapat memahami dan menganalisis keperluan soalan.	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
2	Pelajar dapat memecahkan masalah besar menjadi lebih kecil, lebih mudah diurus.	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
3	Pelajar dapat menganalisis dan mencari urutan yang berulang.	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
4	Pelajar dapat menetapkan arahan yang jelas dalam urutan untuk menyelesaikan masalah.	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
5	Pelajar dapat melabel gambar rajah tenaga dengan lengkap.	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
6	Pelajar dapat mengira tenaga kekisi yang betul.	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓

Analisa jawapan pelajar menunjukkan perkembangan yang sangat baik. Kesemua pelajar berjaya menggunakan semua kemahiran yang diperlukan untuk menjawab soalan pascaujian. Kejayaan ini adalah kerana pelajar berjaya menggunakan 'Kotak Ajaib' untuk menjawab soalan yang diberi.

Pengkaji juga telah mendapatkan maklum balas pelajar berhubung penggunaan 'Kotak Ajaib' dalam menjawab soalan berhubung Born Haber dan pengiraan tenaga kekisi. Maklum balas pelajar adalah seperti Jadual 5.5.

Jadual 5.5 Maklum Balas Pelajar

Pelajar	Maklum Balas
A	Saya rasa Inovasi Program Kotak Ajaib merupakan aktiviti yang menarik. Inovasi ini dapat membuat saya lebih memahami kandungan pelajaran dan juga kesilapan yang saya buat, supaya saya tidak melakukan kesilapan yang sama dalam peperiksaan. Terima kasih cikgu, kerana berusaha untuk menyediakan inovasi ini dan ia menyeronokkan serta bermakna.
B	Dari inovasi Kotak Ajaib, saya dapat menyimpulkan bahawa ia telah membantu saya memahami struktur gambar rajah Born Haber dengan lebih baik begitu juga dengan pengiraan tenaga masing-masing. Saya fikir inovasi ini produktif dan perlu dilakukan sekali lagi. Ia telah meningkatkan pemahaman saya.

Pelajar	Maklum Balas
C	Setelah saya melakukan modul Kotak Ajaib, saya mempunyai pemahaman yang lebih baik mengenai gambar rajah aras tenaga. Saya mendapati bahawa lebih mudah untuk membuat gambar rajah aras tenaga dengan betul dengan menggunakan kaedah kotak tersebut. Saya telah menguasai lukisan gambar rajah aras tenaga selepas menjalankan aktiviti ini. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua guru kimia kerana menyediakan aktiviti ini. Terima kasih.
D	Modul yang diberikan membantu saya memudahkan pembelajaran saya. Panduan langkah demi langkah serta ilustrasi telah membantu saya menyusun proses pembelajaran saya dan mengaktivasikannya dengan mudah apabila saya diuji. Saya juga dapat mengingat lebih mudah melalui gambar rajah dan langkah yang sistematik. Ini adalah cara yang berkesan dan kreatif untuk menjadikan pembelajaran menarik, yang seterusnya menyumbang kepada pemahaman dan pemikiran yang lebih baik.
E	Inovasi Kotak Ajaib telah banyak membantu kami. Ia membantu saya membiasakan diri dengan soalan berkaitan dan memberi cara mudah mengingat penyelesaian terutama semasa peperiksaan.
F	Ia begitu baik sehingga saya dapat melakukan peperiksaan dengan baik kerana cara inovasi mengajar dari semua guru. Aktiviti ini dapat meningkatkan kemahiran saya dan membantu saya mendapatkan markah yang baik.
G	Pada pendapat saya, Kotak Ajaib membantu menjelaskan sub-topik ini kerana ia sama dengan peta minda yang merupakan alat pemikiran visual untuk menyusun maklumat. Ia hanya mengandungi kata kunci, bererti maklumat yang diingini digesa oleh perkataan pendek, yang mudah diingati bukannya suatu perenggan dipenuhi nota.

Maklum balas pelajar terhadap penggunaan 'Kotak Ajaib' adalah positif dan memberangsangkan. Pelajar menyatakan 'Kotak Ajaib' telah membantu mereka memahami cara untuk menjawab soalan berhubung Born Haber dan pengiraan tenaga kekisi dengan baik dan mudah.

5.5 Refleksi Kajian

Pengkaji mendapati bahawa 'Kotak Ajaib' telah berjaya membantu pelajar memperbaiki kemahiran mereka untuk menjawab soalan dengan tepat dan betul. Malah, terdapat dua orang pelajar yang mendapat markah penuh dalam pascaujian selepas menggunakan 'Kotak Ajaib'. Enam pelajar lagi memperoleh sekurang-kurangnya kenaikan 37.5% selepas menggunakan 'Kotak Ajaib'. Peratus keseluruhan menunjukkan peningkatan sebanyak 57.1%. Walaupun 100% pelajar dapat melukis gambar rajah aras tenaga tetapi masih ada pelajar yang cuai dalam pengiraan tenaga kekisi.

Penggunaan teknik ini meningkatkan motivasi pelajar kerana membolehkan mereka melihat cara jelas dan mudah untuk memahami dan menjawab soalan. Hal ini secara tidak langsung meningkatkan kemahiran dan kebolehan pelajar dalam melukis gambar rajah aras tenaga dan pengiraan dalam tenaga kekisi pelbagai jenis sebatian ionik. Pengkaji percaya teknik 'Kotak Ajaib' juga boleh dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran untuk sub-topik yang lain.

6.0 CADANGAN KAJIAN SETERUSNYA

'Kotak Ajaib' ini direka untuk menyelesaikan masalah sebatian ionik ringkas. 'Kotak Ajaib' juga dijangka boleh diperbaiki untuk menjawab soalan berhubung sebatian ionik yang lebih rumit. Kajian lanjut wajar dilaksanakan untuk melihat sejauh mana 'Kotak Ajaib' dapat digunakan untuk sub-topik lain, sebatian ionik yang lebih rumit mahupun untuk subjek lain.

BIBLIOGRAFI

Oliver-Hoyo, M.T & Allen, D. (2005). Attitudinal Effects of a student-centered active learning environment. *Journal of Chemical Education*, 82(6), 944. doi.org/10.1021/ed082p944.

Sirhan, G. (2007). Learning difficulties in chemistry: An overview. *Journal of Turkish Science Education*, 4(2), 2-20.

Tai, R.H., Sadler, P.M., & Loehr, J.F. (2005). Factors influencing success in introductory college chemistry. *Journal of Research in Science Teaching*, 42(9), 987-1012.

Wikipedia: Computational thinking. (2019). Dicapai 28 Oktober, 2018, daripada https://en.wikipedia.org/wiki/Computational_thinking.

Wing, J.M. (2006). Computational thinking. *Communications of the ACM*, 49(3), 33-35.



LAMPIRAN 1

SOALAN PRAUJIAN

THE BORN HABER CYCLE
PRE-TEST

NAME:.....

MARKS:

CLASS:

DATE:

Question 1

Several enthalpy changes are given below.

Enthalpy change of atomisation of sodium = $+108 \text{ kJmol}^{-1}$

Enthalpy change of atomisation of chlorine = $+121 \text{ kJmol}^{-1}$

First ionisation energy of sodium = $+500 \text{ kJmol}^{-1}$

Electron affinity of chlorine = -364 kJmol^{-1}

Enthalpy change of formation of sodium chloride = -411 kJmol^{-1}

Draw a Born-Haber cycle for the lattice energy of sodium chloride and calculate the lattice energy of sodium chloride.

[8 marks]

Question 2

Several enthalpy changes are given below.

Enthalpy change of atomisation of magnesium = $+146 \text{ kJmol}^{-1}$

Enthalpy change of atomisation of oxygen gas = $+249 \text{ kJmol}^{-1}$

First ionisation energy of Mg = $+736 \text{ kJmol}^{-1}$

Second ionisation energy of Mg = $+1450 \text{ kJmol}^{-1}$

First electron affinity of O = -141 kJmol^{-1}

Second electron affinity of O = $+844 \text{ kJmol}^{-1}$

Enthalpy of formation of MgO = -612 kJmol^{-1}

Draw a Born-Haber cycle for the lattice energy of magnesium oxide and calculate the lattice energy of magnesium oxide.

[8 marks]

LAMPIRAN 2

SOALAN PASCAUJIAN

THE BORN HABER CYCLE
POST-TEST (30 minutes)

NAME:.....

MARKS:

CLASS:

DATE:

Question 1

Several enthalpy changes are given below.

Enthalpy change of atomisation of potassium = + 90 kJmol⁻¹

Enthalpy change of atomisation of iodine = +107 kJmol⁻¹

First ionisation energy of potassium = +420 kJmol⁻¹

Electron affinity of iodine = -314 kJmol⁻¹

Enthalpy change of formation of potassium iodide = - 328 kJmol⁻¹

Draw a Born-Haber cycle for the lattice energy of potassium iodide and calculate the lattice energy of potassium iodide.

[8 marks]

Question 2

Several enthalpy changes are given below.

Enthalpy change of atomisation of strontium = + 165 kJmol⁻¹

Enthalpy change of atomisation of oxygen gas = + 250 kJmol⁻¹

First ionisation energy of Sr = + 550 kJmol⁻¹

Second ionisation energy of Sr = + 1060 kJmol⁻¹

First electron affinity of O = - 140 kJmol⁻¹

Second electron affinity of O = + 844 kJmol⁻¹

Enthalpy of formation of SrO = -590 kJmol⁻¹




Draw a Born-Haber cycle for the lattice energy of strontium oxide and calculate the lattice energy of strontium oxide.

[8 marks]



LAMPIRAN 3

CONTOH KEGUNAAN 'KOTAK AJAIB' UNTUK SOALAN 1 PRAUJIAN



Rajah 6.1 Contoh kegunaan 'Kotak Ajaib' untuk Soalan 1 praujian

LAMPIRAN 4

CONTOH KEGUNAAN 'KOTAK AJAIB' UNTUK SOALAN 2 PRAUJIAN

Student's module
Question 2
Several enthalpy changes are given below:
Enthalpy change of atomisation of magnesium = + 300 kJmol⁻¹
Enthalpy change of atomisation of oxygen gas = + 249 kJmol⁻¹
First ionisation energy of Mg = + 738 kJmol⁻¹
Second ionisation energy of Mg = + 1450 kJmol⁻¹
First electron affinity of O = - 141 kJmol⁻¹
Second electron affinity of O²⁻ = 844 kJmol⁻¹
Enthalpy of formation of MgO = - 602 kJmol⁻¹
Draw a Born-Haber cycle for the lattice energy of magnesium oxide and calculate the lattice energy of magnesium oxide. [3 marks]

STEP 1: CHANGING STEP BY STEP

Diagram illustrating the steps of a Born-Haber cycle for the formation of MgO(s) from Mg(s) and O₂(g). The cycle is shown as a series of boxes connected by arrows, representing the enthalpy changes for each step. The steps are: Mg(s) → Mg(g) (atomisation), Mg(g) → Mg²⁺(g) (ionisation), O₂(g) → 2O(g) (atomisation), 2O(g) → 2O²⁻(g) (electron affinity), and Mg²⁺(g) + 2O²⁻(g) → MgO(s) (lattice energy). The overall enthalpy change is the enthalpy of formation of MgO(s).

Student's module
STEP 2:
Fill in the boxes in Born-Haber diagram / Energy Level diagram by using the information in STEP 1

Diagram illustrating the Born-Haber cycle for the formation of MgO(s) from Mg(s) and O₂(g). The cycle is shown as a series of boxes connected by arrows, representing the enthalpy changes for each step. The steps are: Mg(s) → Mg(g) (atomisation), Mg(g) → Mg²⁺(g) (ionisation), O₂(g) → 2O(g) (atomisation), 2O(g) → 2O²⁻(g) (electron affinity), and Mg²⁺(g) + 2O²⁻(g) → MgO(s) (lattice energy). The overall enthalpy change is the enthalpy of formation of MgO(s).

Student's module
STEP 3:
Calculate the value of LATTICE ENERGY by using Hess' Law

According to Hess' Law

5. = 7. + 9. + 11. + 13. + 15. + 17. + 18.

So,

18. = 5. + 7. + 9. + 11. + 13. + 15. + 17.

= kJmol⁻¹

Rajah 6.2 Contoh kegunaan 'Kotak Ajaib' untuk Soalan 1 praujian

PENGUNAAN TEKNIK “ADUH SAKIT” UNTUK MENINGATI, MENYENARAI DAN MENGHURAI KESAN TERHADAP ALAM SEKITAR AKIBAT KEGIATAN EKONOMI PRIMER

Azahar bin Ahmad
Kolej Tingkatan Enam Pontian, Johor

Abstrak

Kajian ini dijalankan untuk meningkatkan penguasaan pelajar kelas Geografi dalam keupayaan mengingat, menyenarai dan menghurai kesan terhadap alam sekitar fizikal akibat kegiatan ekonomi primer. Tinjauan awal telah dilaksanakan melalui pemerhatian temu bual dan praujian. Hasil tinjauan menunjukkan bahawa pelajar tidak dapat mengingat, menyenarai dan menghurai kesan terhadap alam sekitar fizikal akibat kegiatan ekonomi primer dengan tepat. Kajian tindakan ini membolehkan pelajar mengingat, menyenarai dan menghurai kesan terhadap alam sekitar fizikal akibat kegiatan ekonomi primer dengan menggunakan Teknik akronim dan personifikasi “ADUH Sakit”. Seramai 16 orang pelajar terlibat dalam kajian ini. Keputusan pascapenilaian telah menunjukkan peningkatan pelajar mengingat, menyenarai dan menghurai kesan terhadap alam sekitar fizikal akibat kegiatan ekonomi primer.

Kata kunci: Geografi, Teknik Akronim dan Personifikasi, menghurai, alam sekitar fizikal, ekonomi primer.

1.0 REFLEKSI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN YANG LALU

Subjek Geografi tingkatan enam memerlukan kemahiran untuk mengenal pasti, menyenarai dan menghurai maklumat. Kemahiran ini perlu dikuasai dengan sistematik dan konsisten. Pengkaji mendapati bahawa pelajar tingkatan enam belum menguasai kemahiran yang diperlukan. Berdasarkan tinjauan awal semasa Peperiksaan Pertengahan Semester 2, 2018, pengkaji mendapati keputusan pelajar kurang memberangsangkan. Malah ramai pelajar tidak menjawab soalan berkaitan kesan terhadap alam sekitar fizikal akibat kegiatan pertanian di kawasan tanah tinggi. Soalan berkaitan kesan terhadap alam sekitar fizikal merupakan soalan yang dianggap paling mudah untuk mendapat markah.

Walaupun terdapat empat orang pelajar yang cuba menjawab soalan berkenaan, namun, jawapan mereka tidak tepat. Pengkaji seterusnya mendapat maklum balas melalui temu bual dengan pelajar. Mereka menyatakan bahawa soalan berkenaan sukar untuk dijawab kerana mereka tidak ingat secara tepat isi jawapan yang sepatutnya. Oleh itu, satu praujian terhadap semua pelajar seramai 16 orang telah dijalankan. Keputusan praujian juga menunjukkan kelemahan pelajar dalam menjawab soalan berkaitan kesan terhadap alam sekitar fizikal.

Oleh itu, pengkaji memikirkan teknik terbaik untuk membantu pelajar. Pengkaji menggunakan teknik akronim dan personifikasi ‘ADUH Sakit’. Teknik ini direka khusus untuk meningkatkan keupayaan pelajar mengingat dan menyenarai kesan-kesan terhadap alam

sekitar akibat kegiatan ekonomi primer. Melalui teknik tersebut, mereka boleh menjawab soalan berkaitan dengan kesan terhadap alam sekitar akibat kegiatan ekonomi primer, bukan setakat aktiviti pertanian sahaja, tetapi aktiviti primer yang lain seperti pembalakan, perikanan, perlombongan dan penternakan.

2.0 FOKUS KAJIAN

Fokus kajian ini bertumpu kepada meningkatkan keupayaan pelajar untuk mengingat, menyenarai dan menghurai kesan-kesan terhadap alam sekitar fizikal akibat kegiatan ekonomi primer menggunakan teknik akronim dan personifikasi 'ADUH Sakit'.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

3.1 Objektif Umum

Tujuan umum kajian adalah untuk meningkatkan keupayaan pelajar mengingat, menyenaraikan dan menghuraikan kesan-kesan terhadap alam sekitar fizikal akibat kegiatan ekonomi primer.

3.2 Objektif Khusus

Kajian dilaksanakan untuk meningkatkan kebolehan pelajar untuk:

- 3.2.1 menyenaraikan empat komponen alam sekitar fizikal
- 3.2.2 menyenaraikan kesan-kesan terhadap alam sekitar akibat kegiatan ekonomi primer
- 3.2.3 menghuraikan kesan-kesan terhadap alam sekitar akibat kegiatan ekonomi primer.

4.0 KUMPULAN SASARAN

Kumpulan sasaran terdiri daripada 16 orang pelajar kelas Geografi tingkatan enam yang belum menguasai kemahiran mengingat, menyenarai dan menghurai kesan-kesan terhadap alam sekitar fizikal.

5.0 PELAKSANAAN KAJIAN

5.1 Tinjauan Masalah

Pengkaji menggunakan dua kaedah untuk meninjau masalah pelajar. Pengkaji menggunakan pemerhatian dan praujian.



5.1.1 Pemerhatian

Pemerhatian dilaksanakan semasa praujian. Pengkaji melihat perlakuan dan sikap pelajar ketika cuba menjawab soalan praujian.

5.1.2 Praujian

Praujian dilakukan untuk menguji keupayaan pelajar mengingat, menyenaraikan dan menghuraikan kesan-kesan terhadap alam sekitar fizikal akibat kegiatan ekonomi pertanian di kawasan tanah tinggi.

5.2 Analisis Tinjauan Masalah

5.2.1 Analisis Pemerhatian

Pemerhatian dilaksanakan ketika pelajar menjawab soalan praujian. Pengkaji melihat perlakuan pelajar ketika menjawab soalan. Sikap pelajar menunjukkan mereka sukar mengingat dan ragu-ragu menyenaraikan isi jawapan. Mereka lambat menyenaraikan isi-isi penting bagi menjawab soalan berkenaan. Pelajar juga mengambil masa yang lama diambil untuk memulakan penulisan jawapan esei penuh.

5.2.2 Analisis Praujian

Pengkaji seterusnya menganalisis praujian pelajar. Praujian berfokuskan kepada soalan kesan terhadap alam sekitar fizikal akibat kegiatan ekonomi pertanian di kawasan tanah tinggi. Jadual 5.1 menunjukkan analisis praujian.

Jadual 5.1 Analisis Praujian

Gred	Bilangan Pelajar	Peratus
Markah 70 - 100	3	18.75
Markah 40 - 69	7	43.75
Markah 39 Dan Ke Bawah	6	37.5
Jumlah	16	100

Jadual 5.1 menunjukkan bahawa hanya 10 orang pelajar lulus daripada 16 orang yang mengambil ujian. Daripada jumlah tersebut hanya tiga orang mendapat markah lebih daripada 70%. Seramai enam orang pelajar mendapat markah kurang 40 dan gagal.

5.3 Tindakan Yang Dijalankan

Hasil tinjauan masalah dan analisis yang telah dibuat, pengkaji memutuskan untuk melaksanakan intervensi menggunakan teknik akronim dan personifikasi 'Aduh Sakit'. Intervensi dilaksanakan dalam tiga peringkat aktiviti.

5.3.1 Aktiviti 1

- Pelajar dibahagikan kepada kumpulan.
- Setiap kumpulan diberi templat 'ADUH Sakit'.
- Guru menerangkan bagaimana sepatutnya pelajar menggunakan templat 'ADUH Sakit'.

5.3.2 Aktiviti 2

Perbincangan dalam kumpulan.

5.3.3 Aktiviti 3

Pembentangan hasil perbincangan.

5.4 Dapatan Kajian**5.4.1 Aktiviti 1**

- Pelajar dibahagikan kepada empat kumpulan. Setiap kumpulan terdiri daripada empat orang pelajar.
- Setiap kumpulan diberikan templat 'ADUH Sakit'. (Lampiran 1)
- Setiap kumpulan diberikan penerangan bagaimana menggunakan dan mengisi templat yang diberi dalam kumpulan.

ADUH - merupakan akronim bagi Air, Daratan, Udara dan Hidupan

'Sakit' – Sakit membawa maksud kesan buruk

- Setiap kumpulan diberi tugas mencari kesan-kesan terhadap alam sekitar fizikal akibat kegiatan ekonomi primer yang berbeza iaitu pertanian, penternakan, pembalakan dan perlombongan.

5.4.2 Aktiviti 2

- Pelajar berbincang dalam kumpulan mengenai kesan-kesan terhadap alam sekitar akibat kegiatan ekonomi sama ada pertanian, penternakan, pembalakan atau perlombongan bergantung kepada tajuk kegiatan yang diberi kepada kumpulan mereka.
- Semasa perbincangan juga mereka melantik seorang ahli kumpulan untuk mencatat dan menulis dalam ruangan templat yang dibekalkan.
- Pada masa yang sama pengkaji bertindak sebagai pemudah cara bagi memberikan bimbingan kepada pelajar.

Perbincangan berkumpulan telah meningkatkan interaksi antara guru dengan pelajar dan antara pelajar dengan pelajar di dalam kumpulan. Perbincangan kumpulan merupakan pendekatan yang "melibatkan murid dan guru dalam proses pembelajaran-pengajaran dan suasana saling membantu" (Ee, 1992). Rajah 5.1 dan Rajah 5.2 menunjukkan gambar aktiviti sesi perbincangan dalam kumpulan.



Rajah 5.1 Gambar aktiviti sesi perbincangan dalam kumpulan



Rajah 5.2 Gambar aktiviti guru bertindak sebagai pemudah cara semasa sesi perbincangan

5.4.3 Aktiviti 3

- Setiap kumpulan membentangkan hasil perbincangan.
- Pelajar dari kumpulan lain mendengar, mencatat dan boleh mengemukakan soalan sekiranya ada.

Pembentangan dilakukan untuk mengemukakan hasil perbincangan melibatkan semua pelajar mengambil bahagian. Aktiviti ini mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan dan tidak tertumpu kepada guru sahaja. Sebaliknya, guru sebagai pemudah cara dan memberikan motivasi. Pelajar juga membina motivasi diri kerana

melibatkan diri secara aktif dalam memberi pandangan dan membentangkan dapatan. Aktiviti ini secara tidak langsung mendorong pelajar untuk “belajar kerana minat dan bukan kerana paksaan” (Ee,1993). Rajah 5.3 menunjukkan gambar aktiviti sesi pembentangan.



Rajah 5.3 Gambar aktiviti sesi pembentangan

5.4.4 Pemerhatian

Berdasarkan pemerhatian, pelajar menunjukkan komitmen semasa perbincangan. Setiap pelajar mengambil bahagian dan mereka bergilir-gilir membentangkan hasil perbincangan melalui pembahagian tugas.

5.4.5 Refleksi

Pengkaji berpuas hati dengan kerjasama yang diberikan pelajar dan mereka nampak lebih yakin dalam menyenaraikan serta menghuraikan secara lisan kesan-kesan terhadap alam sekitar fizikal akibat kegiatan ekonomi primer.

5.4.6 Pascaujian

Pengkaji melaksanakan penilaian akhir bagi mengesan keberkesanan kaedah dan aktiviti yang telah dijalankan. Pengkaji menyediakan pascaujian dengan item yang hampir sama seperti praujian. Soalan pascaujian berfokus kepada kesan-kesan terhadap alam sekitar fizikal akibat kegiatan pembalakan di Malaysia. Pascaujian bertindak sebagai penilaian kepada keberkesanan kaedah 'ADUH Sakit'. Penilaian adalah cara “mendapatkan bukti yang tepat tentang sesuatu...dalam menyelesaikan sebarang masalah yang timbul” (Azizi Ahmad, 2008). Rajah 5.4 menunjukkan gambar aktiviti pascaujian.



Rajah 5.4 Gambar aktiviti semasa pascaujian

Pengkaji selanjutnya menganalisis pascaujian. Keputusan analisis pascaujian dapat dilihat dalam Jadual 5.2.

Jadual 5.2 Analisis Pascaujian

Gred	Jumlah Pelajar	Peratus
Markah 70 - 100	15	94
Markah 40 - 69	1	6
Markah 39 dan ke bawah	-	0
Jumlah	16	100

Berdasarkan Jadual 5.2, semua pelajar telah lulus pascaujian. Malah, seramai 15 orang daripada 16 orang pelajar telah mendapat markah lebih daripada 70%.


4.4 Refleksi Kajian

Pengkaji mendapati terdapat perbezaan yang amat ketara setelah teknik 'ADUH Sakit' diperkenalkan. Berdasarkan maklumat praujian dan pascaujian, didapati bahawa berlaku peningkatan markah yang sangat memberangsangkan. Peningkatan ini dapat ditunjukkan melalui Jadual 5.3.

Jadual 5.3 Perbandingan Keputusan Praujian dan Pascaujian

Gred	Bilangan Pelajar		Peratus	
	Praujian	Pascaujian	Praujian	Pascaujian
Markah 70 - 100	3	15	18.75	94
Markah 40 - 69	7	1	43.75	6
Markah 39 dan ke bawah	6	0	37.5	0
Jumlah	16	16	100	100

Berdasarkan Jadual 5.3, didapati bahawa peningkatan jumlah pelajar yang lulus dalam praujian dan pascaujian amat ketara sekali. Seramai enam orang pelajar telah gagal dalam praujian, namun semua pelajar lulus dalam pascaujian. Jumlah pelajar yang mendapat markah melebihi daripada 70% juga telah bertambah daripada hanya tiga orang semasa praujian menjadi 15 orang setelah pascaujian dijalankan. Hanya seorang pelajar yang mendapat markah 40%-69%. Rajah 5.4 menunjukkan perbezaan peratus pencapaian dalam bentuk graf.



Rajah 5.4 Peratus pencapaian praujian dan pascaujian mengikut markah

Berdasarkan Rajah 5.4, peratus pelajar yang lulus dengan memperoleh markah lebih 70% telah meningkat sebanyak 75.25% dari 18.75% kepada 94%, dan tiada pelajar yang gagal selepas pascaujian.

Selain daripada itu, pengkaji juga melihat berlaku perbezaan dalam sikap pelajar. Berdasarkan pemerhatian dalam kelas, pelajar dilihat seronok menjalankan aktiviti perbincangan. Mereka memberi kerjasama dalam kumpulan dan setiap kumpulan cuba untuk memberi persembahan pembentangan yang terbaik. Tambahan lagi, pelajar turut menyatakan mereka lebih mudah mengingat kesan-kesan terhadap alam sekitar fizikal akibat kegiatan ekonomi primer dengan menggunakan teknik akronim 'ADUH' dan personifikasi 'Sakit'.

Pengkaji amat berpuas hati atas perubahan ini dan bersyukur kepada Allah kerana memberi ilham untuk menyelesaikan masalah pelajar yang sukar mengingat kesan-kesan terhadap alam sekitar fizikal akibat kegiatan ekonomi primer. Secara tidak langsung aktiviti ini dapat mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pemudahcaraan, memupuk semangat bekerjasama serta hormat-menghormati dalam kalangan pelajar terutama semasa aktiviti dijalankan.

6.0 CADANGAN KAJIAN SETERUSNYA

Pengkaji merasakan masih terdapat ruang untuk penambahbaikan dilaksanakan. Pengkaji percaya teknik akronim dan personifikasi seperti 'ADUH Sakit' boleh dilaksanakan dalam topik lain. Selain itu, bagi subjek lain juga, teknik akronim dan personifikasi boleh disesuaikan untuk membantu meningkatkan kebolehan pelajar dalam mengingat fakta dan membina keyakinan pelajar untuk menghuraikan maklumat.

BIBLIOGRAFI

Azizi Ahmad & Mohd Isha Awang. (2008). *Pengukuran dan penilaian pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Balakrishnan, V. (2014). *Aplikasi i-Think dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ee, A.M. (1992). *Pedagogi satu pengenalan (Edisi Ketiga)*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.

Ee, A.M. (1993). *Psikologi perkembangan, aplikasi dalam bilik darjah*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Haji Rusly Bin Musa & Hajah Nurashikin Abdullah. (2014). *Teks rujukan geografi STPM penggal 2*. Selangor: Sasbadi Sdn. Bhd.

Jamaluddin Md. Jahi & Ismail Ahmad. (1988). *Pengantar geografi fizikal*. Kuala Lumpur: Tropical Press Sdn. Bhd.

Mager, R.F. (2009). *Menyediakan objektif pengajaran. Alat penting untuk mengembangkan pengajaran dengan berkesan*. (Razman Man, Penterjemah) Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia dan Penerbitan Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Majlis Peperiksaan Malaysia. (2013). *Sukatan pelajaran dan kertas soalan contoh STPM geografi*. Kuala Lumpur: Majlis Peperiksaan Malaysia.

LAMPIRAN 1

**TEMPLAT 'ADUH SAKIT'. KESAN TERHADAP ALAM SEKITAR
AKIBAT AKTIVITI MANUSIA**

**'ADUH SAKIT' (SAKIT MEMBAWA MAKSUD KESAN BURUK. AKTIVITI MANUSIA
MENYEBABKAN KESAN BURUK TERHADAP ALAM SEKITAR FIZIKAL)**

NAMAKAN AKTIVITI MANUSIA :

A.D.U.H	'SAKIT' / KESAN BURUK / DAMPAK	HURAIAN - AKTIVITI MANUSIA DALAM BIDANG.....
A - AIR / HIDROLOGI		
D - DARATAN / GEOMORFOLOGI		
U - UDARA / ATMOSFERA		
H - HIDUPAN / EKOLOGI		

Rajah 6.1 Templat 'Aduh SAKIT'

HASIL PERBINCANGAN BERKUMPULAN

KESAN TERHADAP ALAM SEKITAR AKIBAT AKTIVITI MANUSIA.

ADUH 'SAKIT' (SAKIT MEMBAWA MAKSUD KESAN BURUK. AKTIVITI MANUSIA MENYEBABKAN KESAN BURUK TERHADAP ALAM SEKITAR FIZIKAL)

NAMAKAN AKTIVITI MANUSIA : Persekitaran

A.D.U.H	"SAKIT" / KESAN BURUK / DAMPAK	HUBUNGAN - AKTIVITI MANUSIA DALAM BIDANG
A - AIR / HIDROLOGI	- pencemaran air - pencemaran sungai / sungai	- pencemaran sungai oleh aktiviti manusia - pencemaran sungai oleh aktiviti manusia
D - DARATAN / GEOMORFOLOGI	- pencemaran daratan - pencemaran sungai / sungai - pencemaran sungai oleh aktiviti manusia	- pencemaran sungai oleh aktiviti manusia - pencemaran sungai oleh aktiviti manusia - pencemaran sungai oleh aktiviti manusia
U - UDARA / ATMOSFERA	- pencemaran udara - pencemaran udara - pencemaran udara	- pencemaran udara oleh aktiviti manusia - pencemaran udara oleh aktiviti manusia - pencemaran udara oleh aktiviti manusia
H - HIDUPAN / EKOLOGI	- pencemaran hidupan / hidupan - pencemaran hidupan / hidupan	- pencemaran hidupan oleh aktiviti manusia - pencemaran hidupan oleh aktiviti manusia - pencemaran hidupan oleh aktiviti manusia

Rajah 6.2 Contoh perbincangan kumpulan (1)

KESAN TERHADAP ALAM SEKITAR AKIBAT AKTIVITI MANUSIA.

ADUH 'SAKIT' (SAKIT MEMBAWA MAKSUD KESAN BURUK. AKTIVITI MANUSIA MENYEBABKAN KESAN BURUK TERHADAP ALAM SEKITAR FIZIKAL)

NAMAKAN AKTIVITI MANUSIA : Persekitaran

A.D.U.H	"SAKIT" / KESAN BURUK / DAMPAK	HUBUNGAN - AKTIVITI MANUSIA DALAM BIDANG
A - AIR / HIDROLOGI	- Pencemaran Air (sumber air)	- Pencemaran air oleh aktiviti manusia - Pencemaran air oleh aktiviti manusia - Pencemaran air oleh aktiviti manusia
D - DARATAN / GEOMORFOLOGI	- Pencemaran daratan - Pencemaran daratan oleh aktiviti manusia	- Pencemaran daratan oleh aktiviti manusia - Pencemaran daratan oleh aktiviti manusia - Pencemaran daratan oleh aktiviti manusia
U - UDARA / ATMOSFERA	- Pencemaran udara - Pencemaran udara oleh aktiviti manusia	- Pencemaran udara oleh aktiviti manusia - Pencemaran udara oleh aktiviti manusia - Pencemaran udara oleh aktiviti manusia
H - HIDUPAN / EKOLOGI	- Pencemaran hidupan / hidupan - Pencemaran hidupan / hidupan oleh aktiviti manusia	- Pencemaran hidupan oleh aktiviti manusia - Pencemaran hidupan oleh aktiviti manusia - Pencemaran hidupan oleh aktiviti manusia

Rajah 6.3 Contoh perbincangan kumpulan (2)

LAMPIRAN 3

PERBANDINGAN MARKAH PRAUJIAN DENGAN PASCAUJIAN
Jadual 6.1 Perbandingan markah praujian dan pascaujian individu

Bil.	Pelajar	Praujian (%)	Pascaujian (%)
1.	A	0	80
2.	B	0	60
3.	C	0	70
4.	D	30	80
5.	E	20	80
6.	F	40	100
7.	G	40	80
8.	H	40	80
9.	I	30	70
10.	J	50	80
11.	K	50	90
12.	L	60	100
13.	M	60	90
14.	N	80	100
15.	O	80	100
16.	P	90	100

MENINGKATKAN KEMAHIRAN MENINGAT FAKTA SOALAN ESEI SEJARAH (TEMA 1) MENGGUNAKAN TEKNIK “JEBAT”

Mohd Sahrul Azha bin Sulong
Pusat Tingkatan Enam SMK Saribas, Debak, Sarawak

Abstrak

Kajian ini dijalankan untuk mencari penyelesaian terhadap masalah dan kekangan yang dihadapi sepanjang sesi pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc). Kebanyakan pelajar mengalami masalah untuk mengingat fakta bagi sesuatu tajuk dengan sempurna. Apabila berbicara berkaitan mata pelajaran Sejarah, ramai pelajar akan mengeluh dan melabelkannya sebagai mata pelajaran yang susah. Tinjauan awal telah dilaksanakan melalui praujian, soal selidik, serta pemerhatian. Hasil tinjauan memperlihatkan kebanyakan pelajar mengalami masalah untuk mengingat fakta secara cepat dan ingatan jangka masa yang lama. Kemahiran mengingat fakta penting untuk memastikan esei yang dihasilkan bermutu. Untuk mengatasi masalah ini, saya telah mengaplikasikan kaedah “JEBAT” dengan penggabungan aktiviti “super spontan”. Kaedah akronim dan aktiviti “super spontan” dilaksanakan dalam PdPc. Seramai 27 orang pelajar dan seorang guru terlibat dalam kajian ini. Kaedah ini dijalankan selama 30 minit setiap hari Khamis dan Jumaat selama tiga bulan. Keputusan pascaujian, dan ujian bulanan menunjukkan peningkatan. Pelajar lebih berminat pada mata pelajaran ini kerana lebih menyeronokkan dan harus dikekalkan agar murid lebih berminat pada mata pelajaran Sejarah khususnya kemahiran mengingat fakta.

Kata kunci: kemahiran mengingat fakta, Sejarah, esei, teknik “JEBAT”, kaedah akronim dan aktiviti

1.0 REFLEKSI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN YANG LALU

Secara umumnya, Sejarah merupakan mata pelajaran yang sering kali dianggap membosankan, tidak penting dan susah. Keadaan ini turut dialami oleh pelajar di bawah seliaan pengkaji. Sepanjang proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc), biasanya pengkaji akan mengemukakan soalan bagi memastikan pelajar memahami isi kandungan yang disampaikan dengan indikatornya, jika mampu menjawab, dikira faham. Namun begitu, situasi ini dilihat agak janggal dan kurang relevan bagi generasi abad ke-21. Pelajar kini dilihat mahukan sesuatu yang lain dari pendekatan konvensional dan sukakan keseronokan belajar. Kebanyakan pelajar dilihat agak susah mengingat fakta terutamanya apabila melibatkan kronologi peristiwa dan sumbangan tokoh. Lebih menyedihkan, kebanyakan slot PdPc mata pelajaran Sejarah diperuntukkan pada waktu akhir sesi persekolahan yang mengundang rasa mengantuk pelajar.

Kesedaran ini ternyata mengundang sedikit kegusaran pengkaji kerana keperluan mata pelajaran yang memerlukan pelajar mengingat fakta-fakta penting bagi membolehkan mereka menjawab soalan dalam peperiksaan STPM. Setelah mendalami permasalahan



pelajar, pengkaji mendapati kebanyakan pelajar tidak konsisten dalam memberi perhatian semasa sesi PdPc. Variasi pendekatan perlu diambil untuk menarik semula minat pelajar terutamanya yang sesuai dengan pelajar abad ke-21.

2.0 FOKUS KAJIAN

Bagi memastikan hasil akhir kajian tindakan dicapai semaksima mungkin, pengkaji telah menganalisis soalan-soalan tahun lepas terutamanya bagi semester yang sama iaitu Semester 2. Analisis yang dilakukan mendapati kebanyakan soalan ternyata memerlukan calon mengingati fakta dengan baik. Keadaan inilah yang perlu dicapai seoptima mungkin melalui kajian tindakan yang dijalankan. Kajian ini adalah bagi menilai sejauh mana kaedah 'JEBAT' (digabungjalinkan dengan aktiviti "super spontan") yang digunakan memberi impak yang positif bagi mengatasi masalah pelajar lemah dalam mengingat fakta sejarah.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

3.1 Objektif Umum

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk meningkatkan kemahiran mengingat fakta bagi soalan esei Sejarah (Tema 1) menggunakan teknik 'JEBAT' dalam kalangan pelajar tingkatan enam.

3.2 Objektif Khusus

- 3.2.1 Peratus pelajar lulus meningkat sekurang-kurangnya menjadi 80% dalam Peperiksaan Diagnostik Semester 2, 2017/2018.
- 3.2.2 Pelajar sekurang-kurangnya dapat mengemukakan empat daripada lima fakta yang sepatutnya bagi sesuatu esei dengan tepat menggunakan kaedah 'JEBAT'.
- 3.2.3 Peningkatan minat pelajar dalam mata pelajaran Sejarah sekurang-kurangnya sebanyak 70% dalam soal selidik yang diedarkan.

4.0 KUMPULAN SASARAN

Pelajar yang terlibat adalah pelajar tingkatan enam Semester 2 iaitu dari kelas 6 Atas Ekonomi Sastera (6 A Eko/Sas). Kelas ini terdiri daripada 27 orang pelajar (11 lelaki dan 16 perempuan) yang terdiri daripada pelbagai kaum dan pencapaian. Mereka merupakan pelajar di bawah seliaan pengkaji selaku guru mata pelajaran.

5.0 PELAKSANAAN KAJIAN

5.1 Tinjauan Masalah

Dalam pelaksanaan kajian ini, tinjauan masalah dibuat berdasarkan pemerhatian dan praujian.

5.1.1 Pemerhatian

Pengkaji membuat pemerhatian ke atas tingkah laku pelajar semasa proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) berlangsung. Pengkaji melihat kepada tindak balas murid dan sikap yang dipamerkan semasa kelas berlangsung.

5.1.2 Praujian

Praujian dijalankan untuk menguji tahap penguasaan kemahiran mengingat fakta sejarah. Sebanyak dua set soalan (12 soalan) dari Tema 1 Sejarah Islam diuji ke atas responden (27 orang pelajar). Tempoh masa yang digunakan untuk menguji kemahiran menguasai fakta adalah selepas selesai sesi PdPc Tema 1. Praujian diberikan terlebih dahulu kepada responden bagi mengetahui tahap ingatan mereka terhadap isi pelajaran yang baharu disampaikan.

5.2 Analisis Tinjauan Masalah

5.2.1 Analisis Pemerhatian

Pengkaji telah membuat analisis terhadap pemerhatian tingkah laku pelajar dalam kelas. Pelajar dilihat agak kurang motivasi dan tidak berminat dengan sesi PdPc yang dilaksanakan oleh guru. Pengkaji percaya bahawa faktor masa iaitu kelas ini dijadualkan di akhir sesi persekolahan turut menyumbang kepada masalah ini. Masalah ini dilihat agak ketara dalam kalangan pelajar meliputi masalah mengantuk, tidak bersedia, tidak berminat dan pasif. Masalah pelajar mengantuk dan pasif dalam kelas dilihat banyak berlaku dalam kalangan pelajar lelaki.

5.2.2 Analisis Praujian

Pengkaji turut menganalisis praujian yang diberikan kepada pelajar. Hasil dapatan melalui praujian yang diadakan boleh dilihat melalui Jadual 5.1.

Jadual 5.1 Dapatan Kajian Berdasarkan Praujian

Responden	Markah Praujian	Responden	Markah Praujian
Responden 1	33	Responden 8	30
Responden 2	32	Responden 9	38
Responden 3	27	Responden 10	43
Responden 4	35	Responden 11	44



Responden	Markah Praujian	Responden	Markah Praujian
Responden 5	38	Responden 12	59
Responden 6	32	Responden 13	47
Responden 7	40	Responden 14	33
Responden 15	32	Responden 21	51
Responden 16	53	Responden 22	58
Responden 17	45	Responden 23	54
Responden 18	31	Responden 24	30
Responden 19	35	Responden 25	75
Responden 20	68	Responden 26	37
		Responden 27	30

Markah pelajar tertinggi adalah 75 markah untuk seorang pelajar manakala 26 pelajar mendapat markah kurang dari 70 markah. Hasil markah ini menggambarkan pelajar tidak dapat mengingat sepenuhnya fakta. Hal ini merisaukan kerana praujian dilakukan sebaik sahaja topik tersebut diajar.

5.3 Tindakan yang Dijalankan

Bagi memastikan kajian tindakan berjaya dilaksanakan, pelbagai aktiviti telah dirancang dan dilaksanakan. Antara aktiviti yang dijalankan adalah seperti berikut:

- 5.3.1 Mengadakan praujian setelah pengkaji selesai mengajar Tema 1 Sejarah Islam iaitu Tema Masyarakat
- 5.3.2 Melaksanakan aktiviti akronim individu, kumpulan dan satu aktiviti “super spontan” (berbalas soalan)
- 5.3.3 Mengadakan pascaujian setelah beberapa minggu teknik ‘JEBAT’ diaplikasikan dalam PdPc
- 5.3.4 Membuat perbandingan hasil dapatan ujian (praujian dan pascaujian)
- 5.3.5 Menilai keberkesanan teknik melalui borang soal selidik

5.4 Dapatan Kajian

Kajian tindakan ini dijalankan dalam tempoh lebih kurang enam minggu. Selepas tinjauan masalah dilaksanakan menggunakan praujian dan pemerhatian, aktiviti intervensi dimulakan. Pengkaji bermula dengan memperkenalkan teknik ‘JEBAT’ dan selanjutnya melaksanakan aktiviti penilaian keberkesanan teknik. Penilaian dilaksanakan menggunakan pascaujian, soal selidik dan pemerhatian.

5.4.1 Pengenalan Teknik ‘JEBAT’

Teknik ‘JEBAT’ melalui penggabungan aktiviti “super spontan” diperkenalkan setelah pengkaji menguji kefahaman pelajar dengan praujian. Penerangan berkaitan aktiviti (dalam

teknik ini) diberikan kepada responden dengan jelas. Responden akan melakukan aktiviti yang diberikan guru secara teratur.

Justifikasi pemilihan teknik 'JEBAT' (gabung jalin dengan aktiviti "super spontan") dibuat adalah kerana:

- i. Berpusatkan pelajar. Pelajar diberikan peluang untuk mencipta sendiri akronim mengikut kreativiti mereka. Akronim yang dicipta pastinya lebih dekat dengan pelajar. Biasanya akronim yang cepat diingat bersifat lucu dan nakal.
- ii. Sesuai digunakan bagi tahap perkembangan fizikal dan mental pelajar
- iii. Menyeronokkan. Elemen pertandingan/aktiviti melibatkan pergerakan psikomotor pastinya menyeronokkan/ penglibatan aktif semua pelajar
- iv. Penghargaan dan pemberian ganjaran. Guru memberikan penghargaan kepada pelajar yang cemerlang dalam aktiviti.
- v. Mesra dengan guru dan menarik bagi pelajar. Teknik ini mesra dengan guru kerana teknik ini sebenarnya sudah lama wujud cuma melalui teknik 'JEBAT' ia digabungkan dengan aktiviti interaktif "super spontan" (penjenamaan semula).

5.4.2 Aktiviti Dalam Kelas

Aktiviti intervensi yang dilaksanakan melibatkan tiga fasa iaitu aktiviti akronim individu, aktiviti akronim berkumpulan dan aktiviti "super spontan".

a. Aktiviti Akronim Individu

Cara pelaksanaan:

- i. Setiap pelajar diminta tampil ke hadapan dan memilih gulungan kecil kertas.
- ii. Apabila semua pelajar mendapat gulungan kecil kertas, mereka akan membukanya dan mendapati ada tajuk yang tertentu.
- iii. Daripada tajuk itu, pelajar diminta menyenaraikan isi utama tajuk.
- iv. Mereka kemudiannya menggunakan kreativiti mereka mencipta akronim mereka sendiri.
- v. Guru akan memantau dan membimbing aktiviti ini. Setiap akronim pelajar akan dikumpulkan dan akhirnya dimurnikan sekali gus diguna pakai calon sebagai nota.

Terdapat pelajar yang mengalami kesukaran untuk membina akronim memandangkan masih tidak biasa dengan cara ini dan terikat dengan cara PdPc berbentuk kuliah. Pengkaji cuba membimbing pelajar dengan memberikan contoh akronim mempunyai unsur kecedaan.

b. Aktiviti Akronim Berkumpulan

Cara pelaksanaan:

- i. Pelajar dibahagikan kepada sembilan kumpulan (tiga orang setiap kumpulan).
- ii. Ahli dalam kumpulan ditentukan berdasarkan kreativiti pengkaji (contohnya: pelajar



diminta mengira dari nombor satu hingga tiga secara berulang-ulang).

- iii. Setiap kumpulan diagihkan dengan sampul surat yang mengandungi tajuk yang perlu diakronimkan.
- iv. Pengkaji memberikan masa 20 minit untuk menyiapkan akronim.
- v. Setiap kumpulan mesti membentangkan hasil kerja.
- vi. Kumpulan terbaik akan diberikan hadiah, manakala yang kurang baik akan didenda. Contohnya: membersihkan kelas.

Refleksi aktiviti: Pelajar bersungguh-sungguh untuk melakukan kerja berkumpulan kerana pelajar semakin berminat di samping mengejar habuan atau ganjaran guru sekali gus mengelakkan denda jika gagal menghasilkan akronim yang baik.

c. Aktiviti “super spontan” (Berbalas Soalan)

Cara pelaksanaan:

- i. Pelajar dibahagikan kepada dua kumpulan besar (13 orang satu kumpulan). Seorang pelajar berkecuali dan bertindak sebagai pengadil.
- ii. Seorang wakil bagi setiap kumpulan akan tampil untuk menjalankan aktiviti.
- iii. Pelajar yang berkecuali akan membacakan situasi. Contohnya: Hijrah Nabi Muhammad s.a.w.
- iv. Wakil setiap kumpulan akan melakukan perbualan dengan wakil kumpulan satu lagi tetapi hanya dalam bentuk pertanyaan semata-mata dan harus dibalas dengan pertanyaan.
- v. Jika ada wakil yang menjawab pertanyaan dengan jawapan, mereka dikira kalah dan pelajar lain daripada kumpulan sama akan menggantikannya.
- vi. Pelajar lain akan mencatat soalan yang diperbualkan.
- vii. Soalan yang bagus akan dikira oleh guru.

Refleksi aktiviti: Aktiviti ini agak memakan masa kerana mereka cenderung untuk bertahan dalam tempoh yang lama. Pada akhir PdPc, guru akan menyenaraikan soalan yang bagus dan meminta pelajar menjawab dalam bentuk akronim (dikira sebagai kerja rumah).

5.4.3 Pascaujian

Setelah aktiviti kelas menggunakan teknik ‘JEBAT’ dilaksanakan, pengkaji memberi pelajar pascaujian. Dalam ujian diagnostik (pascaujian), soalan yang sama dari Tema 1 diberikan kepada pelajar. Hasil dapatan itu membolehkan pengkaji menilai keberkesanan teknik ini. Jadual 5.2 menunjukkan perbandingan markah praujian dan pascaujian yang dianalisis.

Jadual 5.2 Perbandingan Markah Praujian dan Pascaujian

Responden	Markah Praujian	Markah Pascaujian	Peningkatan/ Pengurangan
Responden 1	33	47	+14
Responden 2	32	55	+23
Responden 3	27	58	+31
Responden 4	35	70	+35
Responden 5	38	57	+19
Responden 6	32	50	+18
Responden 7	40	72	+35
Responden 8	30	80	+50
Responden 9	38	68	+30
Responden 10	43	68	+25
Responden 11	44	47	+3
Responden 12	59	75	+16
Responden 13	47	58	+11
Responden 14	33	50	+17
Responden 15	32	17	-15
Responden 16	53	70	+17
Responden 17	45	77	+32
Responden 18	31	75	+44
Responden 19	35	50	+15
Responden 20	68	72	+4
Responden 21	51	63	+12
Responden 22	58	90	+32
Responden 23	54	53	-1
Responden 24	30	53	+23
Responden 25	75	82	+7
Responden 26	37	52	+15
Responden 27	30	62	+32

5.4.4 Soal Selidik

Selain itu, item berbentuk soal selidik juga disediakan untuk mengetahui tanggapan mereka dan kesan pendekatan ini terhadap ingatan dan kemahiran mereka menguasai fakta sejarah. Borang soal selidik diedarkan untuk mendapatkan maklum balas pelajar berhubung teknik pembelajaran yang dilaksanakan sedia ada. Soal selidik ini membolehkan pengkaji mendapat maklumat tambahan berkenaan tanggapan pelajar berkenaan pembelajaran Sejarah Islam. Hasil soal selidik boleh dilihat dalam Jadual 5.3.

Jadual 5.3 Analisis Soal Selidik

Reaksi	Bilangan	Peratus
Minat	25	92.6 %
Tidak minat	2	7.4 %
Mahu persekitaran belajar yang baharu	24	88.9 %
Suka teknik 'JEBAT' atau "super spontan"	25	92.6 %
Suka suasana belajar berbentuk pertandingan atau interaktif	25	92.6 %
Suka ada ganjaran dalam sesi PdPc	27	100 %
Berkeinginan untuk mengaplikasikan teknik 'JEBAT' bagi mata pelajaran lain	24	88.9 %

Melalui borang soal selidik yang telah diisi oleh responden pula, sebahagian besar responden mengatakan bahawa penggunaan teknik 'JEBAT' memberikan kesan yang positif ke atas strategi pengajaran dan pembelajaran mereka terutamanya suasana belajar menjadi ceria, hidup dan menyeronokkan. Terdapat responden yang mengatakan teknik ini mampu merangsang minat dan sikap inkuiri mereka terhadap isi kandungan dan memperbaiki daya ingatan fakta mereka.

5.5 Refleksi Kajian

5.5.1 Refleksi Pencapaian Pelajar

Keberkesanan teknik ini dapat dilihat daripada dapatan pascaujian yang telah pengkaji jalankan. Perbandingan dapatan markah daripada praujian dan pascaujian boleh dijadikan kayu ukur keberkesanannya. Melalui dapatan markah pascaujian didapati 25 orang (93%) daripada 27 orang pelajar mencatatkan peningkatan markah daripada markah praujian yang dijalankan. Peningkatan ini dapat dilihat dalam julat yang agak membanggakan sehingga peningkatan 50 markah terutamanya Responden 8. Melalui pemerhatian ini, pengkaji dapat menyimpulkan peningkatan ini berlaku kerana penglibatan pelajar ini dalam aktiviti PdPc dan pengaplikasian teknik 'JEBAT' dalam pembelajarannya. Pelajar ini telah mengambil pendekatan bertanya pengkaji apabila selesai PdPc kerana beliau mencatatkan markah yang agak lemah dalam dapatan markah praujian.

Selain peningkatan, terdapat juga pelajar yang mengalami pengurangan dapatan markah iaitu Responden 15 dan Responden 23. Dua orang pelajar ini menepati dapatan soal selidik iaitu dua orang pelajar yang tidak berminat dengan teknik 'JEBAT'. Hasil perbincangan dengan guru-guru Tingkatan Enam dari mata pelajaran yang lain mendapati pelajar seperti Responden 15 turut mencatatkan markah gagal bagi mata pelajaran lain. Jadi, pengkaji beranggapan bahawa pelajar ini memerlukan intervensi berbeza yang lebih berkaitan disiplin dan motivasi diri untuk belajar.

Selain itu, pengkaji mendapati terdapat juga kekangan dalam aplikasi teknik ini. Kekangan masa merupakan satu aspek. Ini kerana aktiviti ini memerlukan masa untuk setiap pelajar melibatkan diri secara aktif terutama ketika aktiviti “super spontan”. Pengkaji juga melihat pelajar perempuan terutamanya belum yakin diri untuk membentangi dan mempertahankan pandangan ketika aktiviti berkenaan. Mereka boleh memilih akronim namun memerlukan bantuan daripada pengkaji.

5.5.2 Refleksi Proses Pengajaran dan Pembelajaran Secara Keseluruhan

Sepanjang pengaplikasian teknik ini dalam sesi PdPc, pengkaji mendapati terdapat penglibatan pelajar tetapi tidaklah seaktif kohort sebelumnya. Pelajar yang pemalu akan cuba menyerlahkan kreativiti menggunakan teknik ‘JEBAT’ iaitu mencipta akronim, manakala pelajar yang aktif biasanya bagus dalam aktiviti “super spontan”. Namun begitu, akronim kumpulan sasaran dilihat perlukan pengawasan guru. Proses pengajaran kali ini dilihat lebih menarik, hidup dan tidak membosankan. Teknik ini akan cuba diaplikasikan semaksimum mungkin walaupun guru terpaksa mengejar sukatan pelajaran.

Pelajar perempuan dilihat suka melibatkan diri dengan aktiviti mencipta akronim manakala pelajar lelaki lebih cenderung melibatkan diri dengan aktiviti “super spontan”. Teknik ini dilihat sangat bersesuaian dengan tuntutan PdPc kerana guru bukan lagi sebagai pemberi maklumat semata-mata sebaliknya mesti melibatkan pelajar secara aktif. Pencapaian pelajar mestilah secara menyeluruh dan berada pada tahap yang optimum secara berterusan. Maklum balas pelajar melalui teknik ‘JEBAT’ dilihat sangat bagus kerana tuntutan PAK-21 memastikan pelajar memberi maklum balas terhadap aktiviti pembelajaran, melalui komunikasi, kolaborasi, latihan dan tugas serta menyelesaikan masalah. Maklum balas ini mestilah aktif untuk mencapai objektif dengan yakin dan berhemah.

Teknik ‘JEBAT’ ini dilihat sangat sesuai kerana kecemerlangan pelajar tidak hanya bergantung sepenuhnya pada tumpuan di dalam kelas. Hal ini kerana tumpuan dalam kelas adalah sesuatu yang sangat sukar dikekalkan. Pakar psikologi mencadangkan teknik kreatif untuk mengingat fakta dan salah satunya ialah teknik “*chunking*” iaitu pengelompokan maklumat. Jadi teknik pengumpulan maklumat ini turut pengkaji guna dengan mengaplikasikan teknik ‘JEBAT’.

Pengkaji bersyukur kerana teknik ini dilihat mampu mengubah corak penerimaan pelajar terhadap mata pelajaran ini yang sentiasa digambarkan dengan stigma negatif. Peningkatan juga dilihat dari segi penglibatan dan prestasi pelajar terutamanya dari segi markah yang diperolehi. Lebih menarik, pelajar juga dilihat semakin berminat dengan teknik ini sehingga turut mengaplikasikannya ke atas beberapa mata pelajaran lain. Walaupun tidak semua mampu memberikan tahap penguasaan yang baik, namun strategi ini dilihat sedikit sebanyak membuka ruang dan peluang untuk mereka belajar mata pelajaran ini dalam suasana yang lebih ceria dan menyeronokkan. Apabila persekitaran belajar

berunsur positif dan penggunaan kaedah yang tepat, daya ingatan mereka terhadap fakta sejarah akan meningkat.

Pengkaji telah menggunakan teknik yang sama bagi pelajar kohort sebelum ini. Keberkesanan teknik ini telah terbukti dengan peningkatan pencapaian peperiksaan STPM Semester 2 bagi tahun 2016 dan 2017. Peningkatan ini juga bukan sahaja ditonjolkan dari segi PNGK mata pelajaran, tetapi juga peningkatan bilangan calon A dan pengurangan calon gagal. Pada Semester 2 tahun 2016, mata pelajaran Sejarah mencatatkan PNGK 1.29, manakala PNGK mata pelajaran sama Semester 2 tahun 2017 pula meningkat kepada 2.32 iaitu penambahan sebanyak 1.03. Bilangan calon yang mendapat A pada Semester 2 tahun 2016 adalah seramai empat orang manakala pada penggal sama tahun 2017 pula seramai 11 orang (sembilan daripadanya lelaki).

Penggunaan teknik yang sama untuk kohort berbeza telah memberi maklumat penting untuk penambahbaikan teknik. Pengkaji mendapati penggunaan teknik ini dalam kohort ini telah berjaya mempengaruhi persepsi dan tingkah laku pelajar supaya bergiat aktif dalam kelas. Teknik ini juga memberi ruang kepada pelajar untuk menggunakan kebolehan sedia ada serta menemui bakat baharu.

6.0 CADANGAN KAJIAN SETERUSNYA

Setelah mengaplikasi teknik ini, pengkaji mendapati teknik ini memang mendatangkan kesan positif kepada para pelajar. Walaupun teknik ini secara dasarnya ada kekangan bagi kumpulan sasaran ini, namun keberkesannya terbukti pada kohort sebelum ini. Walaupun hasilnya memberangsangkan, namun jika dilihat aplikasi teknik ini pada kumpulan sasaran masih banyak mempunyai kekangan. Jadi, pengkaji akan meneruskan teknik ini tetapi akan menambahkan lagi beberapa aktiviti “super spontan” untuk digabungkan. Sebagai contoh, aktiviti “fakta abjad berantai”, “sketsa penyata” dan “dahimu dahiku”. Pengkaji juga menyarankan kajian lanjut dilaksanakan menggunakan teknik yang sama tetapi untuk mata pelajaran berbeza sebagai contoh Geografi dan Kesusasteraan Melayu Komunikatif. Kajian ke atas mata pelajaran berbeza ini akan dapat membuktikan sejauh mana teknik ‘JEBAT’ dan “super spontan” ini boleh membantu mata pelajaran yang berkisarkan fakta. Pengkaji berharap semoga hasil kajian tindakan ini dapat dimanfaatkan dan mampu menjadikan sesi PdPc lebih menarik, berkesan dan mampu mengubah tanggapan negatif terhadap mata pelajaran Sejarah.

BIBLIOGRAFI

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia. (2008). *Buku manual kajian tindakan*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Chow, F.M. & Jaizah Mahamud. (2011). *Kajian tindakan: konsep dan amalan dalam pengajaran*. Puchong: Penerbitan Multimedia Sdn Bhd.

Rabe Johari. (2001). *Teknik belajar untuk skor tertinggi*. Selangor Darul Ehsan: Cerdik Publication Sdn. Bhd.

Sasbadi. (2018). *Kertas soalan peperiksaan tahun-tahun lepas 2013-2017. STPM Sejarah Islam Penggal 2*. Selangor: Sasbadi Sdn Bhd.



PENINGKATAN KEMAHIRAN KOMUNIKASI DALAM PEMBENTANGAN KERJA KURSUS MELALUI AKTIVITI “NOW, EVERYONE CAN TALK GAIS”

Nurul Sabah binti Kamarun Saman
Pusat Tingkatan Enam SMK Tinggi Melaka, Cheng, Melaka

Abstrak

Kajian ini dijalankan untuk mengatasi masalah kemahiran komunikasi yang dihadapi oleh pelajar Tingkatan 6 Atas Sastera 2 dan 6 Atas Sastera 3 dalam pembentangan kerja kursus. Seramai 36 orang pelajar yang terdiri daripada 15 pelajar lelaki dan 21 pelajar perempuan terlibat dalam kajian ini. Hasil praujian pembentangan tugas 1 menunjukkan tujuh daripada 36 pelajar tidak menyampaikan pembentangan tugas dalam bahasa Melayu. Manakala 29 pelajar yang lain tidak yakin untuk berkomunikasi dengan lancar sewaktu membentangkan tugas. Oleh sebab itu, perancangan tindakan difokuskan kepada kaedah untuk meningkatkan keupayaan komunikasi pelajar untuk membentangkan kerja kursus dengan baik dalam bahasa Melayu. Pelajar telah didedahkan kepada aktiviti “Now, everyone can talk, GAIS” selama 15-20 minit, tiga kali waktu pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam seminggu dan kajian ini telah diselesaikan dalam tempoh lapan minggu. Hasil pentaksiran bahagian pembentangan Kerja Kursus Pengajian Perniagaan (946/4) telah menunjukkan 36 orang pelajar dapat menyampaikan pembentangan kerja kursus dengan baik dalam bahasa Melayu menggunakan alat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK). Ini terbukti apabila pelajar memperoleh markah minimum 13/21 dan maksimum 19/21 markah. Rentetan daripada itu, keputusan pentaksiran Kerja Kursus STPM Semester 3/2017 telah mencatatkan 36 orang pelajar 6 Atas Sastera 2 dan Sastera 3 lulus bagi Kerja Kursus Pengajian Perniagaan (946/4).

Kata Kunci: Kemahiran komunikasi, “Now, everyone can talk, GAIS”, pembentangan, kerja kursus, Pengajian Perniagaan.

1.0 REFLEKSI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN YANG LALU

Penguasaan bahasa Melayu yang baik diperlukan untuk mata pelajaran Pengajian Perniagaan. Mata pelajaran ini memerlukan pelajar untuk bukan sahaja menulis kerja kursus tetapi juga membentangkan. Mata pelajaran ini memerlukan pelajar untuk berkomunikasi secara berterusan terutamanya bagi memenuhi keperluan dan syarat-syarat pembentangan dalam kerja kursus Pengajian Perniagaan (946/4). Tambahan lagi, kemahiran komunikasi ini juga perlu untuk menunjukkan pemahaman seseorang pelajar terhadap sesuatu tajuk. Analisis keputusan pemerhatian praujian pembentangan oleh pengkaji yang lalu mendapati bahawa penguasaan bahasa Melayu yang lemah dari aspek pertuturan dan penulisan menjejaskan markah pelajar.

Perkara ini dapat dilihat sewaktu pembentangan tugas pertama. Beberapa orang pelajar tidak bercakap meskipun memegang bahan rujukan untuk dibaca. Walaupun telah dibantu oleh pengkaji melalui sesi soal jawab, namun pelajar tidak mampu menjawab pertanyaan

dengan sempurna. Malah, pelajar terpaksa menggunakan penterjemah iaitu rakan pelajar yang lain. Justeru, pelajar akan mengharapkan kepada pelajar yang mempunyai penguasaan bahasa Melayu yang baik untuk menterjemahkan soalan pengkaji ke dalam bahasa Cina. Pelajar berkenaan kemudiannya akan memberi jawapan dalam bahasa Cina dan diterjemah semula oleh rakan mereka kepada pengkaji dalam bahasa Melayu. Walaupun kelas berbilang bangsa, namun masalah penguasaan bahasa Melayu ini lebih jelas dalam kalangan pelajar Cina.

Masalah ini menyukarkan pengkaji untuk berkomunikasi dengan pelajar terutamanya dalam mendapatkan maklum balas daripada pelajar tentang masalah mereka untuk menguasai sesuatu topik. Sekali gus, ia juga memberi impak dari segi pemahaman pelajar semasa proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc). Malah, analisis keputusan Peperiksaan STPM bertulis Semester 1 dan Semester 2 juga menunjukkan keputusan pelajar yang sama mencatat Gred “F” bagi mata pelajaran Pengajian Perniagaan.

Oleh sebab itu, masalah ini perlu diselesaikan bagi membantu pelajar untuk meningkatkan kemahiran komunikasi mereka terutamanya dalam bahasa Melayu dan seterusnya memperbaiki markah mereka. Jika tidak, pelajar akan menghadapi masalah untuk menyampaikan pembentangan kerja kursus masing-masing dan dikhuatiri bakal memperoleh markah atau gred yang rendah bagi kerja kursus Pengajian Perniagaan (946/4).

2.0 FOKUS KAJIAN

Masalah utama yang ingin diatasi oleh pengkaji ialah, meningkatkan penguasaan bahasa Melayu pelajar supaya mampu memenuhi kriteria pembentangan kerja kursus Pengajian Perniagaan (946/4) Semester 3 dengan bantuan alat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) sekali gus lulus dalam keseluruhan kerja kursus.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

3.1 Objektif Am

Kajian ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran komunikasi pelajar dalam pembentangan kerja kursus.

3.2 Objektif Khusus

3.2.1 Pelajar dapat meningkatkan kemahiran komunikasi semasa membentangkan kerja kursus Pengajian Perniagaan (946/4) di hadapan rakan sekelas dengan bantuan alat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam bahasa Melayu.



- 3.2.2 Membangunkan kaedah “Now, everyone can talk,GAIS” dalam pembentangan kerja kursus Pengajian Perniagaan (946/4).

4.0 KUMPULAN SASARAN

Kajian ini melibatkan 36 orang pelajar keseluruhannya daripada dua kelas, iaitu kelas 6 Atas Sastera 2 seramai 22 orang dan kelas 6 Atas Sastera 3 seramai 14 orang. Jadual 4.1 menunjukkan bilangan pelajar.

Jadual 4.1 Bilangan pelajar

Kelas	Jantina	Bangsa	Bilangan Pelajar	Jumlah Pelajar Mengikut Bangsa
6 Atas Sastera 2	Lelaki	Melayu	2	3
	Perempuan	Melayu	1	
	Lelaki	Cina	2	9
	Perempuan	Cina	7	
	Lelaki	India	-	1
	Perempuan	India	1	
	Lelaki	Lain-lain	-	1
	Perempuan	Lain-lain	1	
	Jumlah Keseluruhan Pelajar Dalam Kelas			14
6 Atas Sastera 3	Lelaki	Melayu	1	2
	Perempuan	Melayu	1	
	Lelaki	Cina	10	20
	Perempuan	Cina	10	
	Lelaki	India	-	-
	Perempuan	India	-	
	Lelaki	Lain-lain	-	-
	Perempuan	Lain-lain	-	
	Jumlah Keseluruhan Pelajar Dalam Kelas			22

Jadual 4.1 di atas menunjukkan 14 pelajar dalam kelas 6 Atas Sastera 2 dan 22 pelajar dalam 6 Atas Sastera 3. Pelajar terdiri daripada berbilang bangsa dan tahap penguasaan bahasa Melayu yang berlainan aras. Penguasaan bahasa Melayu yang lemah mempengaruhi kebolehan pelajar untuk berkomunikasi dalam bahasa Melayu dengan baik. Ini akan menyukarkan lagi pelajar untuk membuat pembentangan tugasan dalam bahasa Melayu secara berkesan.

5.0 PELAKSANAAN KAJIAN

5.1 Tinjauan Masalah

Tinjauan awal terhadap masalah berkaitan dengan mengenal pasti punca pelajar gagal menyampaikan maklumat dalam bahasa Melayu dengan berkesan tentang sesuatu tugas berkaitan dengan mata pelajaran Pengajian Perniagaan. Pengkaji telah melaksanakan pemerhatian di dalam kelas, sesi temu bual dan praujian pembentangan tugas pertama.

5.1.1 Pemerhatian

Pemerhatian dilakukan terhadap tingkah laku pembelajaran dalam aspek sikap dan kesediaan pelajar ketika proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung dalam kelas.

5.1.2 Temu Bual

Selain itu, pengkaji juga telah melakukan sesi temu bual tidak berstruktur terhadap semua pelajar secara berperingkat, dari masa ke masa untuk bertanya tentang pemahaman mereka mengenai sesuatu topik secara santai.

5.1.3 Praujian Pembentangan

Kaedah ketiga adalah melalui praujian pembentangan. Semua pelajar dikehendaki melaksanakan tugas pertama secara berkumpulan dan pengkaji mewajibkan setiap individu dalam kumpulan untuk bercakap. Tujuan utama praujian pembentangan ini dilaksanakan adalah untuk mendedahkan pelajar kepada sesi Pembentangan Kerja Kursus Pengajian Perniagaan (946/4) memandangkan ia wajib dilaksanakan oleh semua calon STPM yang mengambil mata pelajaran ini. Pemberatan markah untuk bahagian pembentangan sahaja adalah sebanyak 21% daripada markah 100% keseluruhan kerja kursus.

Praujian pembentangan ini juga dilaksanakan adalah untuk membantu pelajar melaksanakan tugas secara berkumpulan agar mereka boleh berkerjasama dan membantu rakan yang lemah dalam kemahiran berkomunikasi bahasa Melayu. Pembahagian kumpulan dan tajuk telah dilaksanakan oleh pengkaji sendiri, di mana setiap kumpulan mempunyai ahli yang mewakili pelajar berbangsa Cina dan pelajar Melayu. Setiap ahli perlu membincangkan isi pembentangan berserta dengan bahan bantu yang akan digunakan. Di sini, pengkaji mewajibkan setiap kumpulan pelajar untuk menggunakan peranti teknologi seperti komputer riba, projektor LCD atau peralatan lain bagi membantu sesi pembentangan seperti di Lampiran 1.

5.2 Analisis Tinjauan Masalah

5.2.1 Analisis Pemerhatian

Pengkaji mendapati pelajar ini cenderung untuk berkomunikasi dalam bahasa ibunda

mereka, iaitu bahasa Cina dalam kelas dan bercakap menggunakan bahasa Inggeris ketika bersama dengan pelajar Melayu. Ketika pengkaji sedang mengajar di dalam kelas, pelajar-pelajar yang mempunyai masalah ini akan mencatat maksud perkataan bahasa Melayu dalam nota mereka dalam bahasa Cina agar mereka tidak lupa. Setelah pengkaji menyemak buku nota mereka, didapati juga nota mereka penuh dengan tulisan dan catatan dalam bahasa Cina.

Pengkaji juga telah mendapatkan maklum balas daripada guru tingkatan berkaitan dengan keputusan mata pelajaran Bahasa Melayu SPM dan terdapat sembilan orang memperoleh gred “D” dan “E”. Memandangkan terdapat pelajar yang sememangnya tidak fasih bertutur dalam bahasa Melayu dan banyak bercakap dalam bahasa Cina di rumah serta di sekolah menyukarkan lagi aktiviti pengajaran dan pemudahcaraan dalam kelas. Ini sekali gus menyukarkan mereka untuk melaksanakan pembentangan kerja kursus dalam bahasa Melayu.

5.2.2 Analisis Temu Bual

Hasil temu bual, tujuh daripada 29 pelajar berbangsa Cina hanya menjawab “saya tak tahu” dan senyap ketika pengkaji bertanya. Mereka memberi maklum balas dalam bahasa Inggeris setelah rakan mereka menterjemahkan ke dalam bahasa Cina. Terdapat 11 orang pelajar memberi maklum balas dalam bahasa Inggeris yang bercampur dengan bahasa Melayu. Seterusnya, 11 orang pelajar berbangsa Cina, lima orang pelajar Melayu, seorang pelajar India dan seorang lagi pelajar Iban dapat memberikan maklum balas dan berbual-bual bersama dengan pengkaji dalam bahasa Melayu sepenuhnya.

Selanjutnya, pengkaji telah memanggil pelajar yang mendapat markah rendah dalam praujian pembentangan. Setelah di temu bual dengan bantuan rakan mereka, mereka menyatakan bahawa mereka tidak yakin untuk bertutur dalam bahasa Melayu dengan baik. Yang kedua, mereka merasa gementar dan takut untuk bercakap depan khalayak kerana khuatir mereka akan ditertawakan oleh rakan sekelas yang lain jika tersalah sebut. Tambahan lagi, mereka juga kurang kefahaman dalam bahasa Melayu.

5.2.3 Analisis Praujian Pembentangan

Ujian pra pembentangan telah dilaksanakan selama dua minggu. Minggu pertama berlakunya pembahagian kumpulan pelajar dan penyediaan tajuk tugas. 36 orang pelajar telah dibahagikan kepada sembilan kumpulan di mana setiap kumpulan dianggotai oleh empat orang ahli. Pelajar dikehendaki untuk melakukan perbincangan, menyediakan bahan pembentangan dan berlatih untuk menyampaikan pembentangan pada minggu pertama. Minggu kedua, merupakan minggu pembentangan, iaitu setiap hari terdapat dua atau tiga kumpulan yang akan melaksanakannya. Setelah selesai praujian pembentangan, analisis permasalahan pelajar diperoleh seperti dalam jadual di bawah:

Jadual 5.1 Analisis hasil praujian Pembentangan Tugas 1

Bil	Deskripsi	Bilangan kumpulan	Bilangan pelajar yang menyampaikan pembentangan	Bilangan pelajar yang tidak menyampaikan pembentangan
1.	Semua pelajar dalam kumpulan membentangkan tugas dalam bahasa Melayu secara bergilir.	3	12	-
2.	Tiga orang pelajar sahaja dalam kumpulan membentangkan tugas dalam bahasa Melayu secara bergilir.	5	15	5
3.	Dua orang pelajar sahaja dalam kumpulan membentangkan tugas dalam bahasa Melayu secara bergilir.	1	2	2
4.	Seorang pelajar sahaja dalam kumpulan membentangkan tugas dalam bahasa Melayu.	-	-	-
Jumlah Keseluruhan		9	29	7

Jadual 5.1 menunjukkan, 29 orang pelajar mampu bertutur dalam bahasa Melayu sewaktu pembentangan tugas pertama dengan merujuk bahan dan bantuan peranti teknologi. Terdapat tujuh orang pelajar yang tidak bertutur dalam bahasa Melayu pada sesi pembentangan walaupun tersedia bahan rujukan pada peranti teknologi. Secara keseluruhannya, penyampaian pembentangan pelajar menggunakan campuran bahasa Melayu, Inggeris dan Cina serta penyampaian yang tidak lancar, sukar untuk didengar dan difahami, tiada pengenalan serta membosankan.

5.3 Tindakan Yang Dijalankan

Berdasarkan analisis tinjauan masalah di atas, maka pengkaji membuat keputusan menggunakan kaedah yang sesuai dalam meningkatkan kemahiran komunikasi pembentangan kerja kursus dalam bahasa Melayu bagi subjek Pengajian Perniagaan (946/4). Aktiviti “Now, everyone can talk, GAIS” diperkenalkan kepada semua pelajar Tingkatan 6 Atas Sastera 2 dan Sastera 3. Mengapa pengkaji menamakan kaedah ini dalam bahasa Inggeris sedangkan pelajar perlu meningkatkan komunikasi dalam bahasa Melayu? Alasannya adalah kerana pengetahuan sedia ada pelajar dalam bahasa Inggeris adalah lebih baik berbanding dengan bahasa Melayu. Malahan, pengkaji ingin pelajar untuk memberikan tumpuan dan fokus pada sesi pembentangan rakan mereka apabila pengkaji memberi arahan “Now, everyone one can talk, GAIS”.

Mengambil contoh idola yang digemari oleh beberapa pelajar kelas ini, iaitu Yang Berbahagia Tan Sri Tony Fernandez, seorang pelopor industri penerbangan dan pemilik syarikat penerbangan tambang murah di Asia, iaitu Air Asia dengan slogannya “Now,

everyone can fly” memberi inspirasi kepada pengkaji untuk menamakan aktiviti ini sebagai “Now, everyone can talk, GAIS”.

Berpandukan teori Albert Bandura (1986), apabila kita melihat orang lain diberi ganjaran atau denda untuk tindakan tertentu ia akan mengubah tingkah laku seseorang. Contohnya, pengkaji telah menggunakan bahan seperti “Tiket Demerit” sebagai denda kepada pelajar yang menyebut perkataan bahasa lain selain perkataan bahasa Melayu sewaktu pembentangan. Ini adalah kerana pengkaji berharap agar semua pelajar boleh bercakap dalam bahasa Melayu sewaktu pembentangan kerja kursus dan sekali gus bertutur bersama dengan rakan sekelas sepanjang masa.

Pengkaji menambah akronim “GAIS” di belakang ayat tersebut kerana ia mewakili maksud seperti berikut:

- G** = *Greet* (salam)
- A** = *Ask* (tanya)
- I** = *Introduce myself* (perkenalkan diri)
- S** = *Story* (cerita)

Melalui kaedah ini, pelajar akan didedahkan dengan cara menulis skrip mengikut akronim “GAIS” pada permulaan. Contoh skrip adalah seperti di Lampiran 2.

Pengkaji mendapati aktiviti berkumpulan menggalakkan pelajar saling bekerjasama untuk berbincang dan membina keyakinan untuk menggunakan bahasa Melayu dengan lebih aktif. Hal ini dipersetujui oleh Zulfazlan Jumrah (2017) yang mengatakan bahawa pencapaian akademik pelajar boleh dipengaruhi oleh rakan sebaya. Ini bermaksud, rakan sebaya yang memiliki sikap positif secara semula jadi dapat mempengaruhi rakannya yang lain agar turut membuat perkara yang positif. Oleh itu, perbincangan dan penulisan bersama dengan rakan sebaya secara berpasangan yang dilaksanakan dapat membantu pelajar yang sukar untuk bercakap.

Kemudian setiap pelajar akan diberi masa untuk bercakap selama satu minit berdasarkan skrip yang telah dibuat depan rakan sekelas. Pada masa yang sama juga, rakan pasangan mereka akan membuat penilaian dari segi penggunaan bahasa dengan menggunakan borang yang disediakan dan dibantu pengkaji. Setiap pembentangan secara individu mengambil masa selama dua minit dan pembentangan selama tiga minit dihadapan rakan sekelas menggunakan kaedah “Now, everyone can talk, GAIS”.

Bagi merealisasikan kaedah ini, persediaan pengkaji juga perlu dimantapkan dari segi pertuturan pengkaji bersama dengan pelajar di dalam kelas. Fariza Nurbaya Muhammad (2012), mengatakan guru merupakan contoh pengguna bahasa terbaik dalam menggalakkan penggunaan bahasa Melayu dengan tepat, santun dan betul. Maka,

pengkaji sebagai pendidik mempunyai peranan dan fungsi yang besar agar dapat menjadi contoh dalam kalangan pelajar untuk berkomunikasi dalam bahasa Melayu.

Bahan pengajaran dan pembelajaran berasaskan komputer pada waktu ini digunakan dengan meluas kerana ia memberikan maklum balas serta-merta kepada para pelajar. Sesi pembentangan ini juga melibatkan penggunaan alat teknologi maklumat dan komunikasi secara langsung. Antara peralatan yang digunakan ialah LCD projektor, komputer riba dan layar putih. Alatan tambahan seperti mikrofon dan peranti penunjuk (*pointer*) juga digunakan. Pelajar menggunakan komputer riba masing-masing ataupun “*netbook*” milik sekolah.

5.4 Dapatan Kajian

Teknik “Now, everyone can talk, GAIS” mempunyai tiga fasa iaitu, Fasa Pertama (permulaan), Fasa Kedua (berfokus) dan Fasa Ketiga (keseluruhan). Fasa pelaksanaan dijelaskan seperti Jadual 5.2.

Jadual 5.2 Fasa Pelaksanaan Teknik “Now, everyone can talk, GAIS”

Fasa	Minggu	Masa	Aktiviti	Penglibatan
Pertama (permulaan)	1 Tajuk : Tan Sri Tony Fernandez	15 minit (3 kali waktu PdP)	- Pendedahan kaedah kepada pelajar tentang komunikasi berkesan menggunakan bahasa tubuh dan hubungan mata. - Pelajar menulis skrip “GAIS” - Perbincangan secara berpasangan - Undian giliran pembentangan	36 orang pelajar
	2 Tajuk : Tan Sri Tony Fernandez		- Pembentangan secara individu dalam masa satu minit. - Melibatkan lima orang pelajar bagi kelas 6 Atas Sastera 2 dan tujuh orang pelajar bagi 6 Atas Sastera 3 bagi 1 waktu PdP. - Penilaian oleh rakan pasangan	36 orang pelajar
Kedua (berfokus)	3 Tajuk : Ciri-ciri usahawan berjaya	20 minit (3 kali waktu PdP)	- Pelajar menulis skrip “GAIS” - Perbincangan bersama dengan pengkaji - Undian giliran pembentangan	7 orang pelajar
	4 Tajuk : Ciri-ciri usahawan berjaya		- Pembentangan secara individu dalam masa dua minit. - Melibatkan dua orang pelajar bagi kelas 6 Atas Sastera 2 dan lima orang pelajar bagi 6 Atas Sastera 3 pada 1 waktu PdP - Penilaian oleh pengkaji - Audit total tujuh orang pelajar	7 orang pelajar



Fasa	Minggu	Masa	Aktiviti	Penglibatan
Ketiga (keseluruhan)	5 Tajuk : Syarikat Multi nasional	20 minit (3 waktu PdP)	- Pelajar menulis skrip “GAIS” - Pelajar menyediakan enam slaid bagi tajuk pembentangan - Undian giliran pembentangan	36 orang pelajar
	6 Tajuk : Syarikat Multi nasional	20 minit (3 waktu PdP)	- Pembentangan secara individu dalam masa tiga minit menggunakan peranti teknologi. - Melibatkan dua atau tiga orang pelajar bagi kelas 6 Atas Sastera 2 dan tiga atau empat orang pelajar bagi 6 Atas Sastera 3 pada 1 waktu PdP - Penilaian oleh pengkaji	18 orang pelajar
	7 Tajuk : Syarikat Multi nasional		- Pembentangan secara individu dalam masa tiga minit menggunakan peranti teknologi. - Melibatkan dua atau tiga orang pelajar bagi kelas 6 Atas Sastera 2 dan tiga atau empat orang pelajar bagi 6 Atas Sastera 3 pada 1 waktu Pdp - Penilaian oleh pengkaji	18 orang pelajar
	8 Audit Total	5 kali seminggu (selepas PdP)	- Pengkaji melaksanakan audit total dengan memanggil seorang demi seorang pelajar bagi menjelaskan pencapaian pembentangan mereka.	36 orang pelajar

Fasa Pertama (permulaan), pelajar telah diberikan panduan dan tunjuk ajar komunikasi berkesan menggunakan bahasa tubuh dan hubungan mata serta tempoh pelaksanaan kaedah ini. Pelajar didedahkan dengan cara menulis skrip masing-masing yang mengandungi elemen salam, tanya dan memperkenalkan diri. Setelah mereka menulis skrip dengan dibantu pengkaji dan rakan pasangan, pelajar dikehendaki mencari maklumat latar belakang tentang idola mereka, iaitu Yang Berbahagia Tan Sri Tony Fernandez melalui internet. Aktiviti ini bagi melengkapkan akronim “S = story” iaitu penceritaan. Aktiviti ini berlangsung selama 15 minit, tiga kali waktu PdP dalam seminggu. Jika pelajar tidak dapat menyiapkan skrip pada waktu yang ditetapkan, mereka dikehendaki untuk tinggal di sekolah selepas waktu PdP tamat dengan pemantauan pengkaji. Ia melibatkan kesemua 36 orang pelajar. Pengkaji juga mahu pelajar memberi sokongan antara satu sama lain dalam tugas ini dan tidak mahu pelajar yang bermasalah untuk berkomunikasi itu berasa malu untuk bercakap.

Pada minggu kedua, berlangsungnya sesi pembentangan secara individu. Setiap kali pengkaji memasuki kelas, pengkaji akan memberikan arahan “Now, everyone can talk GAIS”. Semua pelajar akan menumpukan perhatian kepada pembentangan rakan

mereka dalam kelas. Seorang pelajar akan membuat pembentangan bertajuk “Tan Sri Tony Fernandez” secara bergilir dalam masa satu minit sahaja. Rakan pasangan akan membantu mencatat kesalahan penggunaan bahasa rakan mereka pada satu borang yang telah disediakan oleh pengkaji iaitu “Tiket Demerit”. “Tiket Demerit” ini bertujuan untuk mengenal pasti perkataan selain bahasa Melayu yang telah dikemukakan oleh pelajar yang membenteng. Tujuannya agar pelajar tersebut boleh mengingat dan membetulkan kesilapan dalam menggunakan perkataan, kosa kata, penyusunan ayat, perbendaharaan kata dan tatabahasa dalam bahasa Melayu. Contoh “Tiket Demerit” adalah seperti di Lampiran 3.

Fasa Kedua (berfokus), pelajar telah diberi panduan dan tunjuk ajar tentang pelaksanaan kaedah ini sama seperti fasa pertama. Walau bagaimanapun, tumpuan adalah lebih berfokus kepada tujuh orang pelajar yang bermasalah untuk berkomunikasi dalam bahasa Melayu. Pada minggu ketiga, pelajar dikehendaki mencari maklumat tentang tajuk ciri-ciri usahawan berjaya. Semua rakan sekelas akan membantu tujuh orang pelajar ini untuk menulis skrip masing-masing. Seorang pelajar akan dibantu oleh tiga atau empat orang rakan. Bagi melengkapi akronim “S = story” iaitu penceritaan, pelajar diminta untuk mengaitkan ciri-ciri keusahawanan yang dikagumi oleh mereka seperti Yang Berbahagia Tan Sri Tony Fernandez. Aktiviti ini berlangsung selama 20 minit, tiga kali waktu PdP dalam seminggu. Jika pelajar tidak dapat menyiapkan skrip pada waktu yang ditetapkan, mereka dikehendaki untuk tinggal di sekolah selepas waktu PdP tamat dengan dipantau oleh pengkaji. Pelajar juga dibimbing untuk bercakap dan menghafal skrip yang telah ditulis oleh mereka.

Pada minggu keempat, berlangsungnya sesi pembentangan secara individu. Setiap kali pengkaji masuk ke kelas, pengkaji akan memberikan arahan “*Now, everyone can talk, GAIS*”. Semua pelajar akan bersedia dan mendengar pembentangan rakan mereka di hadapan kelas. Rakan sekelas mereka dikehendaki untuk memberi sokongan dengan tidak mentertawakan atau mengejek jika ada kesilapan sebutan dalam bahasa Melayu. Rakan sekelas juga boleh bertanya soalan bagi merangsang rakan mereka yang membenteng untuk bercakap. Tujuh orang pelajar ini akan membuat pembentangan secara bergilir-gilir dalam masa dua minit sahaja. Semasa pembentangan, rakan pasangan akan mencatat “Tiket Demerit” bagi mengenal pasti kesalahan perkataan yang dikemukakan oleh rakan pembenteng mereka. Aktiviti selesai pada minggu keempat dan penilaian dibuat oleh pengkaji sepenuhnya secara audit total dengan memanggil seorang demi seorang pelajar tentang hasil pembentangan mereka. Dengan cara ini, pelajar lebih memahami bahagian yang perlu dibaiki oleh mereka untuk pembentangan akan datang.

Fasa Ketiga (keseluruhan), aktiviti persediaan adalah sama seperti dalam minggu pertama dan ketiga pada fasa pertama dan kedua. Tajuk penulisan skrip adalah berdasarkan “GAIS” yang dipilih oleh pelajar, sama seperti tajuk bagi kerja kursus yang sebenar dan

perlu dibuat secara individu. Pelajar dikehendaki mencari maklumat “S= story” tentang latar belakang Syarikat Multinasional yang bakal dikaji oleh mereka untuk penulisan kerja kursus dan tajuk ini tidak boleh sama dalam kalangan mereka. Aktiviti perbincangan bersama pengkaji selama 15 minit, tiga kali waktu PdP dalam seminggu pada minggu kelima akan berfokus pada cara memilih maklumat yang perlu ada dalam slaid *powerpoint* dan penggunaan alat Teknologi Maklumat dan Komunikasi. Pengetahuan asas komputer sedia ada dalam kalangan pelajar adalah baik memandangkan pelajar pernah membuat kerja kursus subjek seperti Pengajian Am semasa mereka berada dalam Semester 2 lebih memudahkan mereka untuk membuat kerja kursus ini. Pelajar juga perlu menulis skrip, berlatih bercakap dan menyediakan slaid berdasarkan pengurusan masa pelajar itu sendiri. Ia melibatkan kesemua 36 orang pelajar kerana guru mahu mengenal pasti perubahan kemahiran komunikasi pelajar sewaktu pembentangan menggunakan alat TMK.

Pada minggu keenam, berlangsungnya sesi pembentangan secara individu selama tiga minit setiap seorang menggunakan alat TMK. Setiap kali guru memasuki kelas, pengkaji akan memberi arahan “*Now, everyone can talk, GAIS*”. Semua pelajar akan bersedia dan mendengar pembentangan rakan mereka di depan kelas. Penilaian dibuat oleh pengkaji dan aktiviti berlangsung sepanjang minggu ke enam dan minggu ke tujuh. Pada minggu ke lapan, guru melaksanakan audit total dengan memanggil tujuh atau lapan orang pelajar selepas tamat waktu persekolahan setiap hari. Tujuannya adalah untuk memberi penilaian pembentangan dan bahagian yang perlu dibaiki oleh pelajar agar mereka tidak mengulangi kesalahan yang sama sewaktu pembentangan kerja kursus yang sebenar.

5.5 Refleksi Kajian

Berdasarkan kajian yang telah dilaksanakan oleh pengkaji, refleksi ini dapat dirumuskan kepada dua aspek penilaian iaitu pemerhatian dan keputusan markah pelajar.

5.5.1 Pemerhatian

Setelah pengkaji membuat penilaian terhadap setiap pelajar melalui audit total, terdapat beberapa aspek perubahan dari segi pemerhatian pengkaji dan pemerhatian pelajar itu sendiri. Berdasarkan pemerhatian pengkaji, terdapat perubahan dari segi tingkah laku pelajar sewaktu pembentangan. Berbanding praujian pembentangan yang lepas, terdapat pelajar yang tidak bercakap sewaktu pembentangan, menggunakan campuran bahasa Melayu, Inggeris dan Cina serta penyampaian pembentangan yang tidak lancar, sukar untuk didengar dan difahami serta membosankan.

Pada fasa pertama, 36 orang pelajar ini mempunyai usaha untuk bercakap dalam bahasa Melayu depan rakan sekelas walaupun mereka bercakap ‘bahasa rojak’ bercampur bahasa Inggeris dan bahasa Cina. Kemudian ada pelajar yang masih pelat dan tidak jelas ketika menyebut suatu perkataan yang panjang, mereka dibantu oleh rakan lain dari segi sebutan yang betul. Ini menunjukkan pelajar memberi sokongan, dorongan dan bantuan sesama

mereka. Pada fasa kedua, tujuh orang pelajar ini tidak mendiadakan diri tetapi mereka boleh menyampaikan pembentangan dalam bahasa Melayu berdasarkan skrip melalui latihan menghafal walaupun terdapat sebutan yang pelat dan campuran bahasa, mereka masih boleh dibimbing untuk bercakap dengan baik dan lancar pada pembentangan akan datang. Pada fasa ketiga, usaha pelajar lebih tinggi berbanding fasa pertama dan kedua dengan terhasilnya slaid *powerpoint*. Sebahagian pelajar tidak memerlukan skrip kerana mereka sudah boleh menghurai dan menjelaskan “S=story” berpandukan slaid selama tiga minit atau lebih.

Berdasarkan maklum balas pelajar secara lisan kepada pengkaji, kaedah “Now, everyone can talk GAIS” telah mengubah kaedah penyampaian mereka dan menjadikan mereka lebih yakin dan menarik. Pada mulanya, mereka tidak memahami cara untuk memulakan suatu pembentangan. Setelah mengamalkannya, penyampaian mereka adalah lebih sopan dan mampu menarik rakan lain untuk mendengar setiap kali pembentangan atau penyampaian diadakan dalam kelas. Bagi tujuh orang yang mempunyai masalah untuk bertutur bahasa Melayu sewaktu pembentangan, mereka berasa gerun untuk bercakap depan rakan sekelas kerana rasa rendah diri dan tidak yakin pada diri sendiri, serta takut diketawakan oleh rakan lain pada permulaan fasa pertama. Selepas mereka mengamalkan kaedah “Now, everyone can talk GAIS”, mereka mula berani untuk bercakap walaupun terdapat banyak kesalahan terutama dalam bahasa Melayu sewaktu pembentangan. Kaedah ini juga mendorong pelajar untuk bertutur dalam bahasa Melayu bersama dengan rakan sekelas.

5.5.2 Keputusan Pencapaian Pelajar

Berdasarkan pembentangan kerja kursus yang telah dilaksanakan oleh pelajar, penilaian telah dilaksanakan oleh pengkaji. Jadual 5.3 merupakan analisis markah bahagian pembentangan yang diperoleh pelajar kelas 6 Atas Sastera 2 dan 6 Atas Sastera 3.

Jadual 5.3 Analisis Markah Pembentangan Kerja Kursus

Markah (21%)	Bilangan Pelajar		Bilangan Pelajar Keseluruhan
	6 Atas Sastera 2	6 Atas Sastera 3	
13	-	1	1
14	1	7	8
15	2	3	5
16	3	6	9
17	-	4	4
18	4	-	4
19	4	1	5
20	-	-	-
21	-	-	-
Bil. pelajar	14	22	36

Jadual 5.3 di atas menunjukkan markah minimum yang diperoleh pelajar ialah sebanyak 13/21 markah, manakala markah maksimum yang diperoleh pelajar ialah 19/21 markah. Ini menunjukkan pelajar berjaya melepasi markah lebih daripada separuh, iaitu sekurang-kurangnya 62% bagi markah pembentangan kerja kursus.

Berdasarkan usaha melalui amalan kaedah “Now, everyone can talk GAIS” ini sebenarnya merupakan harapan pengkaji untuk memastikan pelajar memperoleh gred sekurang-kurangnya B- bagi Kerja Kursus Pengajian Perniagaan (946/4). Pengkaji juga amat berharap agar pelajar lebih aktif berkomunikasi dalam penyampaian secara profesional agar ia boleh memberi manfaat kepada mereka sekiranya menyambung pengajian ke peringkat Ijazah kelak. Rentetan itu juga, markah pembentangan sebanyak 21% telah digabungkan bersama markah penulisan kerja kursus sebanyak 79% bagi menentukan gred Kerja Kursus Pengajian Perniagaan (946/4) pelajar.

Berdasarkan keputusan peperiksaan semester 3/2017 STPM yang telah diumumkan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM), pelajar telah mencapai keputusan cemerlang. Seramai 14 orang pelajar mendapat A, empat orang mendapat A-, lapan orang mendapat B+, enam orang mendapat B, dan empat orang mendapat B-.

Keseluruhannya, pengkaji amat berpuas hati dengan prestasi cemerlang yang telah ditunjukkan oleh pelajar melalui pencapaian mereka. Kaedah ini boleh dilaksanakan untuk membantu pelajar melonjakkan markah bagi memperoleh gred cemerlang dalam kerja kursus.

6.0 CADANGAN KAJIAN SETERUSNYA

Memandangkan kaedah “Now, everyone can talk GAIS” adalah sesuai dalam membantu pengkaji untuk pelaksanaan kerja kursus, timbulnya beberapa cadangan untuk kajian yang tertumpu pada kemahiran mengingat fakta bagi membantu pelajar menjawab soalan peperiksaan bertulis. Antaranya ialah mewujudkan modul bagi membantu pelajar mengingat fakta khusus yang terkandung dalam sub topik Pengajian Perniagaan. Pengkaji bercadang untuk memberikan fokus kepada kemahiran mengingat fakta dengan menggunakan kaedah “Now, everyone can memorize”.

BIBLIOGRAFI

- Bandura, A. (1986). *Social foundations of thought and action: a social cognitive theory*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Dr. Muhibbin Syah. (2016). *Psikologi Pendidikan, Menangani masalah dengan professional*. Bandung: SAM Synergy Media Sdn Bhd.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). *Jurnal kajian tindakan 2015. Pengurusan sumber manusia, sekolah menengah negeri Melaka*. Melaka: Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri.
- Majlis Peperiksaan Malaysia (2017). Markah kerja kursus STPM Semester 3/2017. Dicapai November ,2017, daripada <http://webmpm.mpm.edu.my/pbs-stpm/>
- Mohamad Saleeh Rahamad & Azizul Rahman Abdul Rahman (Ed.) 2012. *Kreativiti dan inovasi menjana transformasi pendidikan: idea p&p guru cemerlang*. Batu Pahat: Penerbitan MGCM.
- Zulfazlan Jumrah (2017, Oktober 31). *Rakan sebaya sebagai agen kawalan sosial remaja*. Dewan Siswa Bil.2 (5-6). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

PRAUJIAN PEMBENTANGAN KUMPULAN PELAJAR



Rajah 6.1 Praujian pembentangan kumpulan (1)



Rajah 6.2 Praujian pembentangan kumpulan (2)

SKRIP "NOW, EVERYONE CAN TALK, GAIS"

SKRIP
"Now, everyone can talk, GAIS"

Arahan: Sila tulis skrip anda dalam bahasa melayu sahaja.

G= GREET (Salam) - Ucapkan salam bergantung pada waktu - Cara sopan - Senyum dan pandang depan	Selamat sejahtera dan selamat pagi diraptan kepada cikgu Huzul Sabah dan rakan-rakan Seicatan.
A= ASK (Tanya) - Timbulkan persoalan untuk menarik minat rakan mendengar	Pernahkah anda semua terfikir, bagaimana wujudnya syarikat Penerbangan tambang murah di Malaysia?
I= INTRODUCE MYSELF & TOPIC (Perkenalkan diri) - Beritahu nama serta tujuan berada di hadapan rakan - Perkenalkan topik	Nama saya [REDACTED] dari kelas 6 atas Sastera 3 akan menceritakan tentang Tan Sri Tony Fernandez dan Air Asia.
S= STORY (Cerita) - Isi kandungan / penjelasan jawapan terhadap persoalan anda tadi. - tutup cerita dengan ucapan terima kasih.	Air asia mula beroperasi pada tahun 1996. Syarikat ini telah dibeli oleh Tony Fernandez dan sahabat baiknya Kananudin daripada DRB Hicom dengan harga 1 ringgit sahaja. Sejak diambil alih, Air asia telah berjaya bersaing dengan syarikat lain termasuk MAS. Pada masa itu juga, harga tiket ditawarkan adalah serendah RM1 sahaja semasa promosi. Ini menjadikan ia sebagai syarikat penerbangan yang 'heat tiket pada harga paling murah'. Atas sebab "Now, everyone can talk, GAIS".

Sila patuhi arahan di bawah:

- *Penulisan skrip perlu diselaraskan mengikut masa pembentangan. Jika masa pendek, maka penulisan skrip tidak perlu terlalu panjang.
- * Bagi masa 1 minit, Bilangan patah perkataan ialah 50 – 80 patah perkataan sahaja. Tidak boleh lebih 80 patah perkataan.
- * Penyampaian cerita perlulah tenang dan jangan terlalu laju. Suara perlu kuat dan jelas agar boleh didengari oleh rakan sekelas.
- * Anda boleh lakukannya!

Rajah 6.3 Skrip yang telah ditulis oleh pelajar

TIKET DEMERIT

TIKET DEMERIT
"Now, everyone can talk, GAIS"

NAMA RAKAN PEMBENTANG: _____

KELAS: UGa3

TUGASAN PEMBENTANGAN: 1 MINIT 2 MINIT 3 MINIT (SILA BULATKAN YANG BERKENAAN)

Arahan: Sila dengar pembentangan dan catat perkataan selain perkataan Bahasa Melayu serta perkataan Bahasa Melayu yang di salah sebut / salah guna / salah maksud pada ruang di bawah.

Bil	Perkataan Bahasa Inggeris	Bil	Perkataan Bahasa Cina
1	Company - Syarikat	1	Ayo - ?
2		2	
3		3	
4		4	
5		5	
6		6	
7		7	
8		8	
9		9	
10		10	

Bil	Perkataan Bahasa Melayu yang di salah sebut/salah guna/salah maksud
1	lulu - NURUL
2	mula - MURAH
3	operasi - OPERASI
4	kamaludin - KAMPUDJIN
5	promosi - PROMOSI
6	perubahan - DENERBANGAN
7	sastera - CASTERA
8	
9	
10	

"Now everyone can talk, GAIS"

Rajah 6.4 "Tiket Demerit" pelajar

MENINGKATKAN KEMAHIRAN MENGHAFAK FAKTA PELAJAR MENGUNAKAN TEKNIK “RAINBOW MIRACLE NOTE”

Rohana binti Jamaluddin

Pusat Tingkatan Enam SMK Maxwell, Kuala Lumpur, WP Kuala Lumpur

Abstrak

Tujuan kajian ini ialah bagi meningkatkan kemahiran 11 orang pelajar Pra-Universiti menghafal fakta tajuk Kemahiran Komunikasi mata pelajaran Pengajian Perniagaan. Tinjauan awal dilakukan dengan melaksanakan praujian berbentuk struktur kepada pelajar. Hasil tinjauan awal mendapati pelajar menghadapi masalah menghafal fakta. Oleh itu, beberapa aktiviti intervensi dirancang dan berfokus kepada “Rainbow Miracle Note”. Pelajar menyediakan “Rainbow Miracle Note” dengan menulis fakta dalam kertas nota bersaiz kecil yang berwarna-warni berasaskan warna pelangi. Pelajar-pelajar menghafal fakta menggunakan nota tersebut. Keputusan pelajar dalam pascaujian dibandingkan dengan praujian untuk menilai keberkesanan pelaksanaan program intervensi yang dijalankan. Pelajar yang mendapat markah lebih 50% (23/45 markah) adalah pelajar yang lulus. Pelajar dianggap berjaya mencapai tahap minima dan berjaya menghafal fakta. Pelajar yang mendapat markah 80% (36/45 markah) mencapai gred A dan berjaya menghafal fakta dengan cemerlang. Pelajar telah menunjukkan pencapaian yang baik dalam pascaujian iaitu 90.9% pelajar telah lulus berbanding praujian iaitu hanya sekadar 54.5% sahaja pelajar lulus. Peningkatan pencapaian pelajar dalam pascaujian berbanding praujian menunjukkan penggunaan teknik “Rainbow Miracle Note” berjaya meningkatkan kemahiran dan keupayaan pelajar menghafal fakta.

Kata kunci: Teknik “Rainbow Miracle Note”, Pengajian Perniagaan, menghafal fakta, kemahiran komunikasi, program intervensi.

1.0 REFLEKSI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN YANG LALU

Sepanjang pengkaji mengajar Pengajian Perniagaan, pengkaji mendapati bahawa pelajar menghadapi masalah untuk menghafal fakta bagi tajuk yang telah diajar. Kesukaran pelajar menghafal fakta boleh memberi kesan kepada pelajar untuk mengikuti tajuk-tajuk seterusnya dengan baik. Beberapa teknik kaedah yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran adalah seperti perbincangan, pembentangan guru dan pelajar dan penjelasan oleh guru. Namun demikian, daripada pemerhatian dan tindak balas terhadap soalan yang diberi semasa PdP, beberapa pelajar didapati masih menghadapi masalah menghafal fakta-fakta bagi tajuk Kemahiran Komunikasi. Ada beberapa pelajar yang tidak menunjukkan minat dan tidak fokus semasa guru mengajar. Mereka menjawab soalan sambil lewa. Oleh hal yang demikian, pengkaji perlu melakukan sesuatu untuk mengatasi masalah ini. Adakah masalah ini berpunca daripada pengkaji sendiri atau ada faktor-faktor lain menjadi penyebab kepada masalah ini.



2.0 FOKUS KAJIAN

Menghafal fakta amat penting untum memperoleh pencapaian yang baik Pengajian Perniagaan dalam STPM. Masalah yang dikenal pasti ialah 11 orang pelajar tidak boleh menghafal fakta tajuk Kemahiran Komunikasi dalam mata pelajaran Pengajian Perniagaan. Langkah perlu diambil untuk mengatasi masalah 11 orang pelajar yang tidak dapat menghafal fakta untuk memastikan pelajar dapat menguasai konsep dalam tajuk ini. Kegagalan menghafal fakta boleh menjejaskan pencapaian pelajar dalam peperiksaan STPM sebenar. Teknik utama yang akan pengkaji gunakan adalah Teknik “Rainbow Miracle Note”. Aktiviti intervensi sokongan yang lain adalah Mentor mentee, Pop Kuiz, Praujian, dan Pascaujian juga dijalankan. Selain itu, pelajar-pelajar merupakan sampel kajian dalam proses mengutip data bagi mengesahkan andaian semasa membuat refleksi. Data yang dikutip membantu pengkaji mengenal pasti keberkesanan teknik dan aktiviti intervensi yang digunakan dalam meningkatkan kemahiran mereka menghafal fakta-fakta penting. Dapatan daripada analisis data selepas tindakan intervensi dilakukan juga akan membantu pengkaji mengesan pencapaian objektif.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

3.1 Objektif Umum

Meningkatkan peratus lulus bagi pelajar-pelajar Pra-Universiti yang mengambil mata pelajaran Pengajian Perniagaan. Pengkaji berharap aktiviti intervensi yang dijalankan dalam kajian ini berjaya meningkatkan minat pelajar terhadap mata pelajaran Pengajian Perniagaan dan seterusnya dapat membantu dalam usaha ke arah meningkatkan pencapaian pelajar di dalam Peperiksaan STPM.

3.2 Objektif Khusus

Objektif khusus kajian ini adalah seperti berikut:

- 3.2.1 penggunaan Teknik ‘Rainbow Miracle Note’ meningkatkan kemahiran menghafal fakta dalam Pengajian Perniagaan.
- 3.2.2 membantu dan menarik minat pelajar menghafal fakta menggunakan Teknik “Rainbow Miracle Note” bagi mata pelajaran Pengajian Perniagaan
- 3.2.3 mendedahkan kepada pelajar Teknik Rainbow Miracle Note sebagai suatu teknik menghafal fakta yang menyeronokkan dalam Pengajian Perniagaan.

4.0 KUMPULAN SASARAN

Kajian melibatkan seramai 11 orang pelajar Tingkatan Enam Semester 2 yang mengambil mata pelajaran Pengajian Perniagaan.

5.0 PELAKSANAAN KAJIAN

5.1 Tinjauan Awal

Tinjauan awal dilakukan dengan memberi praujian berbentuk struktur kepada pelajar untuk menguji dan menilai sejauh mana pelajar dapat menghafal fakta-fakta untuk tajuk Kemahiran Komunikasi yang telah dipelajari. Soalan yang ditanya dalam praujian memerlukan pelajar memberi jawapan yang berfokus kepada kepada fakta penting tajuk Kemahiran Komunikasi dan soalan adalah berbentuk struktur. Markah yang didapati ditukar kepada peratus. Pelajar-pelajar yang mendapat markah 50% dan lebih adalah pelajar yang lulus dan dianggap berjaya mencapai tahap minima untuk ujian tersebut dan dianggap berjaya menghafal fakta bagi tajuk Kemahiran Komunikasi. Pelajar yang mendapat 80% dan ke atas dianggap pelajar yang cemerlang iaitu mendapat gred A dianggap berjaya menghafal fakta dengan cemerlang, bagi tajuk Kemahiran Komunikasi. Pelajar diberi 50 minit untuk menjawab soalan praujian.

5.2 Analisis Tinjauan Masalah

Berdasarkan analisis yang dibuat terhadap praujian, didapati hanya 54.5% pelajar yang lulus. Manakala hanya 9.09% pelajar yang mendapat gred A. Jadual 5.1 menunjukkan markah pelajar dalam praujian.

Jadual 5.1 Markah Praujian

Pelajar	Skor Markah	Peratus (%)
1	21/45	46.7%
2	22/45	48.9%
3	38/45	84.4%
4	30/45	66.7%
5	23/45	51.1%
6	21/45	46.7%
7	28/45	62.2%
8	17/45	37.8%
9	19/45	42.2%
10	25/45	55.6%
11	26/45	57.8%

5.3 Tindakan Yang Dijalankan

Tinjauan awal menggunakan praujian menunjukkan pelajar lemah dalam menjawab soalan berstruktur yang disediakan. Kelemahan ini berbalik kembali kepada masalah pelajar dalam menghafal fakta. Pengkaji merangka intervensi yang melibatkan tiga aktiviti iaitu teknik “Rainbow Miracle Note”, mentor mentee dan pop kuiz.



5.4 Dapatan Kajian

Kajian dilaksanakan bermula dari praujian, diikuti oleh intervensi dan pascaujian. Kajian dilaksanakan bermula bulan Februari hingga April. Jadual 5.2 menunjukkan perancangan pelaksanaan kajian.

Jadual 5.2 Perancangan Pelaksanaan Kajian

Bulan	Minggu	Aktiviti	Catatan
Feb.	1	Tinjauan Awal i) Praujian: Mereka bentuk soalan untuk praujian dan pascaujian bagi mengenal pasti tahap hafalan pelajar. ii) Menjalankan praujian (50 Minit)	Soalan Praujian seperti di Lampiran 3
Feb.	2	Analisis Data Tinjauan Awal: i) Menganalisis, merekod dan melapor markah praujian bilangan dan peratus yang lulus/cemerlang yang dapat menjawab dengan betul. ii) Melaporkan dapatan analisis data dalam jadual.	
Mac	3-4	Merancang dan menyusun aktiviti intervensi. Aktiviti 2: Teknik “Rainbow Miracle Note”. Aktiviti 3: Mentor Mentee Aktiviti 4: Pop Kuiz Aktiviti 5: Pascaujian	Soalan Pascaujian dalam Lampiran 3
Apr	1	Menganalisis data pascaujian i) Data yang diperoleh dalam pascaujian akan dianalisis ii) Menyediakan jadual dan pelaporan hasil analisis data	
	2-3	Menulis refleksi kajian dan membuat cadangan	
Apr	4	Mengemas kini laporan, memastikan isi kandungan, rujukan dan lampiran dilengkapkan Menjilid laporan dan menghantar laporan	

5.4.1 Teknik “Rainbow Miracle Note”

Pelajar menyediakan “Rainbow Miracle Note” dengan menulis fakta penting tajuk Kemahiran Komunikasi dalam kertas nota bersaiz kecil dan berwarna-warni berasaskan warna pelangi. Pelajar-pelajar digalakkan menghafal fakta menggunakan “Rainbow Miracle Note” ini.

5.4.2 Mentor Mentee

Pelajar menggunakan “Rainbow Miracle Note” menghafal fakta secara berpasangan/berkumpulan termasuk melakukan soal jawab dalam kumpulan. Beberapa pelajar yang dikenal pasti mempunyai pencapaian yang baik dalam praujian dan Percubaan 6 Rendah 2017 dilantik menjadi mentor kepada pelajar yang dikenal pasti mendapat pencapaian rendah. Borang pemerhatian disediakan untuk menilai tingkah laku pelajar. Pelajar dinilai berdasarkan kekerapan pelajar terlibat dalam aktiviti ini.

5.4.3 Pop Kuiz

Guru menyediakan soalan yang pendek dan ringkas untuk ditanya secara lisan dan spontan kepada pelajar selepas satu sub topik tajuk Kemahiran Komunikasi selesai diajar. Borang pemerhatian disediakan untuk menilai keberkesanan program ini seperti dilampirkan dalam lampiran. Pelajar dinilai berdasar kekerapan pelajar yang terlibat dalam aktiviti ini.

5.4.4 Pascaujian

Setelah kesemua aktiviti intervensi di atas dijalankan, ujian kali kedua, iaitu pascaujian dijalankan. Keputusan pelajar dalam pascaujian dibandingkan dengan praujian. Perbandingan keputusan kedua-dua ujian ini dilakukan adalah untuk menilai keberkesanan pelaksanaan program intervensi yang dijalankan. Soalan yang diuji dalam pascaujian berbentuk struktur untuk menguji dan menilai sejauh mana pelajar dapat menghafal fakta-fakta untuk tajuk Kemahiran Komunikasi yang telah dipelajari. Soalan yang ditanya dalam pascaujian memerlukan pelajar memberi jawapan yang berfokus kepada fakta penting tajuk Kemahiran Komunikasi. Pelajar diberi 50 minit untuk menjawab soalan pascaujian.

5.5 Refleksi Kajian

5.5.1 Refleksi Teknik “Rainbow Miracle Note”

Sebelum aktiviti intervensi dijalankan, pelajar menggunakan teknik belajar yang kurang berkesan dalam menghafal fakta. Mereka sekadar membaca dan menghafal tanpa menggunakan apa-apa bantuan yang sesuai tetapi selepas program intervensi dilaksanakan, terdapat peningkatan dalam minat dan keupayaan pelajar menghafal fakta. Pelajar telah menulis fakta penting dalam nota kecil yang berwarna warni dan menggunakannya dalam menghafal fakta. Pengkaji memerhatikan perubahan dalam pelibatan pelajar dalam kelas setelah aktiviti teknik “Rainbow Miracle Note” dilaksanakan.

Aktiviti	Pelajar 1	Pelajar 2	Pelajar 3	Pelajar 4	Pelajar 5	Pelajar 6	Pelajar 7	Pelajar 8	Pelajar 9	Pelajar 10	Pelajar 11
Pelajar melibatkan diri secara aktif dalam pengajaran dan pembelajaran	Kerap	Sangat Kerap	Kerap	Kerap	Kerap	Kerap	Kerap	Sangat Kerap	Kurang Kerap	Kerap	Kerap
Pelajar kelihatan seronok dan tidak sabar untuk meneruskan pembelajaran	Kerap	Sangat Kerap	Kerap	Kerap	Kerap	Kerap	Kerap	Kerap	Kurang Kerap	Kerap	Kurang Kerap

Rajah 5.1 Kekerapan pelibatan pelajar individu dalam aktiviti “Rainbow Miracle Note”

Pemerhatian aktiviti menunjukkan 18.1% pelajar sangat kerap dan 72.7% pelajar kerap melibatkan diri secara aktif. Manakala sikap seronok dan tidak sabar untuk meneruskan pembelajaran dilihat sangat kerap dalam 9.09% pelajar dan kerap dalam 72.7% pelajar. Peratus kekerapan pelibatan pelajar dalam kelas dapat dilihat dalam Jadual 5.3.

Jadual 5.3 Kekerapan pelibatan pelajar dalam aktiviti kelas

Bil	Aktiviti	Sangat Kerap	Kerap	Kurang Kerap
1.	Pelajar melibatkan diri secara aktif dalam pengajaran dan pembelajaran	18.1%	72.7%	9.09%
2.	Pelajar kelihatan seronok dan tidak sabar untuk meneruskan pembelajaran	9.09%	72.7%	18.1%

5.5.2 Refleksi Aktiviti Mentor Mentee

Sebelum aktiviti mentor mentee dilaksanakan, pelajar menghafal fakta secara individu dan tanpa menggunakan alat bantuan lain. Selepas program intervensi mentor mentee dilaksanakan terdapat peningkatan dalam minat dan keupayaan pelajar menghafal fakta. Pelajar menggunakan “Rainbow Miracle Note” menghafal fakta secara berpasangan/berkumpulan termasuk melakukan soal jawab dalam kumpulan. Rajah 5.2 menunjukkan kekerapan pelibatan individu yang dilihat berdasarkan pemerhatian pengkaji.

Aktiviti	Pelajar 1	Pelajar 2	Pelajar 3	Pelajar 4	Pelajar 5	Pelajar 6	Pelajar 7	Pelajar 8	Pelajar 9	Pelajar 10	Pelajar 11
Pelajar melibatkan diri semasa aktiviti kumpulan: mentor mentee	Kerap	Sangat Kerap	Kerap	Kerap	Kerap	Kerap	Kerap	Sangat Kerap	Kurang Kerap	Kerap	Kerap

Rajah 5.2 Kekerapan pelibatan pelajar individu dalam aktiviti mentor mentee

Pemerhatian aktiviti menunjukkan 18.1% pelajar sangat kerap dan 72.7% pelajar kerap terlibat dalam aktiviti kumpulan mentor mentee. Hanya 9.09% pelajar yang kurang kerap terlibat dalam aktiviti mentor mentee. Peratus kekerapan pelibatan pelajar dapat dilihat dalam Jadual 5.4.

Jadual 5.4 Kekerapan pelibatan pelajar dalam aktiviti mentor mentee

Aktiviti	Sangat Kerap	Kerap	Kurang Kerap
Pelajar melibatkan diri semasa aktiviti kumpulan: mentor mentee	18.1%	72.7%	9.09%

5.5.3 Refleksi Pop Kuiz

Dalam aktiviti pop kuiz, pelajar-pelajar menjawab soalan kuiz yang berbentuk ringkas yang memerlukan pelajar memberi fakta yang tepat. Rajah 5.3 menunjukkan kekerapan pelibatan pelajar individu dalam aktiviti pop kuiz.

Aktiviti	Pelajar 1	Pelajar 2	Pelajar 3	Pelajar 4	Pelajar 5	Pelajar 6	Pelajar 7	Pelajar 8	Pelajar 9	Pelajar 10	Pelajar 11
Murid aktif untuk menjawab soalan semasa aktiviti pop kuiz dijalankan	Kerap	Sangat Kerap	Kerap	Kerap	Kerap	Kerap	Kurang Kerap	Sangat Kerap	Kerap	Kerap	Kurang Kerap

Rajah 5.3 Kekerapan pelibatan pelajar individu dalam aktiviti pop kuiz

Pemerhatian mendapati 18.1% pelajar sangat kerap menjawab soalan pop kuiz, 63.6% dilihat kerap dan sebanyak 18.1% pelajar lagi dilihat kurang kerap menjawab soalan pop kuiz. Jadual 5.5 menunjukkan kekerapan pelibatan pelajar dalam aktiviti pop kuiz.

Jadual 5.5 Kekerapan pelibatan pelajar dalam aktiviti pop kuiz

Aktiviti	Sangat Kerap	Kerap	Kurang Kerap
Pelajar aktif untuk menjawab soalan semasa aktiviti pop kuiz dijalankan	18.1%	63.6%	18.1%

Kekerapan pelajar terlibat dalam menjawab soalan pop kuiz telah membantu pelajar meningkatkan kemahiran dan keupayaan pelajar untuk menghafal fakta.

5.5.4 Refleksi Pascaujian

Penyelidik menjalankan pascaujian untuk mengesan keberkesanan penggunaan Teknik “Rainbow Miracle Note” dan program intervensi yang lain dalam meningkatkan keupayaan


pelajar menghafal fakta. Selepas data diperoleh dan dianalisis, perbandingan dibuat berdasarkan peratusan pelajar yang lulus dalam pascaujian dan praujian. Dengan itu, penilaian keberkesanan program dapat dilakukan berdasarkan perbandingan sebelum program intervensi dan selepas program intervensi dilakukan.

Pascaujian yang dilaksanakan telah menunjukkan keberhasilan yang membanggakan. Pengkaji berasa amat gembira kerana keupayaan pelajar menghafal fakta telah meningkat setelah program intervensi dijalankan. Jadual 5.6 menunjukkan markah pascaujian pelajar individu.

Jadual 5.6 Markah Pascaujian

Pelajar	Skor Markah	Peratus (%)
1	40/46	86.9%
2	42/46	91.3%
3	36/46	78.2%
4	40/46	86.9%
5	39/46	84.8%
6	40/46	86.9%
7	33/46	71.7%
8	43/46	93.5%
9	21/46	45.7%
10	33/46	71.7%
11	30/46	65.2%

Hasilnya, pelajar telah menunjukkan pencapaian yang baik dalam pascaujian iaitu 90.9% pelajar telah lulus berbanding dengan praujian, iaitu hanya sekadar 54.5% sahaja pelajar yang lulus. Peratus pelajar yang mendapat gred A iaitu cemerlang juga telah meningkat kepada 54.5% dalam pascaujian berbanding dengan praujian iaitu hanya 9.09% pelajar yang mendapat gred A. Peningkatan pencapaian pelajar dalam pascaujian berbanding dengan praujian menunjukkan keupayaan dan kemahiran pelajar menghafal fakta telah meningkat. Rajah 5.4 menunjukkan perbandingan keputusan praujian dan pascaujian dalam bentuk graf.



Rajah 5.4 Perbandingan keputusan praujian dan pascaujian dalam bentuk graf

Seramai 90.9% pelajar, iaitu 10 dari 11 orang pelajar mengalami peningkatan markah dalam pascaujian berbanding dengan markah dalam praujian. Jadual 5.7 menunjukkan perbandingan gred pelajar dalam praujian dan pascaujian.

Jadual 5.7 Perbandingan gred dalam praujian dan pascaujian

Prauajian		Pascaujian	
Gred A	1 orang (9.09%)	Gred A	6 orang (54.5%)
Lulus	5 orang (45.5%)	Lulus	4 orang (36.4%)
Jumlah Lulus	6 orang (54.5%)	Jumlah Lulus	10 orang (90.9%)
Gagal	5 orang (45.5%)	Gagal	5 orang (45.5%)

Perbandingan peratus pelajar yang lulus dalam praujian dan pascaujian menunjukkan peningkatan amat baik. Sebanyak 90.9% pelajar lulus dalam pascaujian berbanding dengan 54.5% pelajar yang lulus praujian. Peratus pelajar cemerlang yang mendapat gred A juga telah meningkat kepada 54.5% dalam pascaujian berbanding dengan hanya 9.09% pelajar yang mendapat gred A dalam praujian.

6.0 CADANGAN KAJIAN SETERUSNYA


Setelah kajian ini dijalankan, didapati penggunaan Teknik “Rainbow Miracle Note” ini dapat membantu pelajar dalam menghafal fakta dengan lebih baik. Berdasarkan penemuan hasil kajian, pengkaji mencadangkan dua kajian yang boleh dilakukan pada masa hadapan seperti berikut:

- a. Kajian juga boleh diteruskan berkaitan dengan masalah yang dihadapi pelajar, iaitu menghuraikan fakta dengan betul. Hal ini adalah kerana keupayaan menghuraikan fakta dengan baik dapat membantu dalam meningkatkan pencapaian pelajar dalam Peperiksaan STPM bagi mata pelajaran Pengajian Perniagaan.
- b. Kajian ini menggunakan Teknik “Rainbow Miracle Note” dalam menghafal fakta pada masa akan datang. Kajian boleh diperluaskan dengan menggunakan teknologi komputer dalam menghafal fakta.

BIBLIOGRAFI

- Ang, K.H. (2016). Nota revisi mengenai penyelidikan dan kajian kes: satu tinjauan literatur. *Geografia Online Malaysian Journal of Society and Space*, 12(10), 49-55.
- Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia. (2008). *Buku manual kajian tindakan*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Ghazali Darusalam. (2012). Kualiti guru pendidikan Islam di Malaysia. Dicapai pada 5 Jun 2018 dari https://www.researchgate.net/publication/304510573_Kualiti_Guru_Pendidikan_Islam_Di_Malaysia
- Ghazali Darusalam & Sufean Hussin. (2016). *Metodologi penyelidikan dalam pendidikan : amalan dan analisis kajian*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.
- Elina Binti Hj. Mohd Abd Kahar & Dr. Abdul Jawi Bin Abnoh Sawi. (2015). *Meningkatkan kemahiran menulis karangan menggunakan pendekatan berfokus*. Dicapai pada 3 Februari 2018. http://deriakacamata.blospot.com/2015/04_contoh-kajian-tindakan-html
- Institut Pendidikan Guru Malaysia. (2016). *Buku panduan penyelidikan tindakan Institut Pendidikan Guru Malaysia*. Dicapai pada 20 Januari 2018. http://www.ipbl.edu.my/intra/sistem/Dokumen/pismp/terkini/BUKU_PANDUAN_PENYELIDIKAN_2016.pdf
- Norhannan binti Ramli & Nuriati binti Abdullah.(2012). *Penggunaan simbol (+) dan (-) pada kaedah avu zar zad membantu murid menyambung dan menulis jawi*. (Laporan Penyelidikan Yang Tidak Diterbitkan). IPG Kampus Pendidikan Islam, Kuala Lumpur.

CONTOH “RAINBOW MIRACLE NOTE”



Rajah 6.1 Contoh “Rainbow Miracle Note”

LAMPIRAN 2

AKTIVITI KELAS MENGGUNAKAN “RAINBOW MIRACLE NOTE”



Rajah 6.2 Pelajar berbincang menggunakan “Rainbow Miracle Note”



Rajah 6.3 Pelajar menggunakan “Rainbow Miracle Note” untuk menghafal nota

CONTOH SOALAN PRAUJIAN DAN PASCAUJIAN**Soalan Praujian**

Jawab semua soalan. (50 MINIT)

- | | | |
|-----|--|------|
| 1) | Berikan definisi komunikasi | (2m) |
| 2) | Nyatakan proses komunikasi | (7m) |
| 3) | Berikan halangan-halangan dalam proses komunikasi | (4m) |
| 4) | Nyatakan bentuk-bentuk dalam komunikasi | (3m) |
| 5) | Nyatakan jenis komunikasi lisan yang biasa digunakan | (5m) |
| 6) | Berikan kebaikan komunikasi lisan | (4m) |
| 7) | Nyatakan 5 jenis-jenis komunikasi bertulis | (5m) |
| 8) | Berikan 3 kebaikan komunikasi bertulis | (3m) |
| 9) | Berikan 2 perbezaan komunikasi lisan dan bukan lisan | (4m) |
| 10) | Nyatakan 3 jenis media elektronik | (3m) |
| 11) | Berikan 5 prinsip-prinsip berunding | (5m) |

Soalan Pascaujian

Jawab semua soalan di bawah (50 minit)

- | | | |
|----|---|------|
| 1) | Nyatakan tujuan mendengar | (3m) |
| 2) | Nyatakan proses mendengar | (5m) |
| 3) | Berikan 3 kaedah mendengar secara berkesan | (3m) |
| 4) | Nyatakan 3 teknik mendengar secara efektif | (3m) |
| 5) | Berikan prinsip-prinsip berunding | (4m) |
| 6) | Nyatakan elemen-elemen perundingan | (7m) |
| 7) | Nyatakan tahap-tahap perundingan | (9m) |
| 8) | Nyatakan strategi dan taktik perundingan | (7m) |
| 9) | Berikan peranan ICT dalam pengurusan perniagaan | (5m) |

MENINGKATKAN KEUPAYAAN MENINGGAT FAKTA DAN MENAAKUL EMPAT FAKTA DENGAN HURAIAN LENGKAP ESEI SEJARAH ISLAM MENGGUNAKAN “NUMBER NOTE”

Suriyani binti Lamin
Pusat Tingkatan Enam SMK Sungai Ara, Bayan Lepas, Pulau Pinang

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk meningkatkan keupayaan pelajar mengingat fakta dan menaakul empat fakta dengan huraian yang lengkap esei Sejarah Islam melalui aktiviti “Number Note”. Seramai 16 orang pelajar dari Tingkatan 6AK3 telah dipilih sebagai responden kajian. Berdasarkan tinjauan awal, didapati pelajar Tingkatan Enam gagal mengingat fakta dengan baik, menghadapi masalah memahami kehendak soalan, menjawab hanya dua hingga tiga fakta tanpa taakulan dan huraian yang lengkap esei Sejarah Islam. Praujian yang telah dijalankan menunjukkan bahawa seramai lima orang pelajar dalam kategori baik (10-13 markah), empat orang pelajar dalam kategori lemah (6-9 markah) dan tujuh orang pelajar dalam kategori sangat lemah (0-5 markah). “Number Note” ialah aktiviti menyatakan isi dan huraian mengikut warna pilihan pelajar yang telah dinomborkan. Aktiviti “Number Note” dilaksanakan selama tujuh hari. Selepas pascapujian, dapatan kajian menunjukkan bahawa peningkatan seramai dua orang pelajar dalam kategori sangat cemerlang (18-20), lima orang pelajar dalam kategori cemerlang (14-17) dan sembilan orang pelajar dalam kategori baik (10-13). Hal ini menunjukkan bahawa aktiviti “Number Note” telah meningkatkan keupayaan pelajar mengingat fakta dan mampu menaakul empat fakta dengan huraian yang lengkap esei Sejarah Islam. Hal ini dapat membantu pelajar lulus mengikut rubrik iaitu “Pengetahuan dan Kefahaman”, “Taakulan dan Komunikasi”.

Kata kunci: menaakul, Sejarah, “Number Note”, penulisan esei, rubrik.

1.0 REFLEKSI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN YANG LALU

Sewaktu pengkaji menyemak esei Sejarah Islam pelajar tingkatan 6AK3 SMK Sungai Ara, didapati tahap jawapan masih tidak mencapai tahap cemerlang iaitu (14-17 markah) dan sangat cemerlang iaitu (18-20 markah). Hal ini amat membimbangkan pengkaji kerana pelajar gagal mengingat fakta yang dikehendaki soalan.

Kegagalan pelajar mengingat fakta menyebabkan mereka tidak dapat menjawab soalan esei mengikut kehendak soalan. Pelajar juga didapati tidak mampu menaakul dengan baik. Menaakul adalah proses semula jadi minda manusia yang sentiasa memerhati dan akhirnya menilai pro dan kontranya sesuatu subjek dalam penilaian mereka. Kemahiran menaakul membantu pelajar-pelajar membuat inferens berdasarkan kemahiran memahami faktor sebab dan akibat.

Kemahiran menaakul memerlukan minda yang stabil dan berasaskan faktor-faktor seperti berfikir kritis, kreatif dan inovatif, berani dan bijak menyoal, ghairah dengan rasa ingin

tahu, mempunyai inisiatif berfikir sendiri dan fleksibel, saling bekerjasama, sanggup mengambil risiko, berpandangan jauh dan bijak membuat bandingan. Pada asasnya, menaakul adalah sebahagian daripada proses berfikir. Namun demikian, hasil daripada semakan kertas ujian didapati, pelajar sering kali gagal memberikan fakta yang tepat. Selain itu, didapati pelajar hanya memberikan dua hingga tiga fakta yang ditaakul dengan lemah dan gagal membuat huraian jawapan yang lengkap serta penegasan fakta yang sesuai.

Selain itu, kurangnya kemahiran pelajar menjawab secara sistematik iaitu menggunakan item pendahuluan, fakta, huraian, contoh, penegasan fakta, kesimpulan dan penggunaan penanda wacana yang sesuai turut menyebabkan markah menjadi rendah. Jelas bahawa masalah utama yang dihadapi oleh pelajar ialah kelemahan pelajar mengingat fakta, serta gagal menaakul empat fakta dengan huraian yang lengkap. Setelah selesai menjalankan pemerhatian di bilik darjah, langkah telah diambil dengan membuat kajian tindakan untuk mendapat maklum balas terhadap aktiviti yang sesuai digunakan kepada para pelajar khususnya dalam membantu mereka mudah mengingat fakta dan dapat menaakul empat fakta dengan huraian yang lengkap mengikut rubrik pemarkahan. Penjelasan diberikan kepada pelajar tentang penggunaan aktiviti “Number Note” dalam membantu pelajar lebih mudah belajar.

Konklusinya, penggunaan “Number Note” dalam aktiviti PdP di dalam bilik darjah akan dapat membantu pelajar mengingat fakta dan dapat menaakul empat fakta Sejarah Islam dengan huraian yang lengkap. Pelajar yang mampu menaakul empat fakta dengan huraian yang lengkap mampu mendapat markah yang tinggi berpandukan rubrik penskoran iaitu ‘Pengetahuan dan Kefahaman’, ‘Taakulan dan Komunikasi’.

2.0 FOKUS KAJIAN

Walaupun pengkaji mengesan banyak masalah yang dihadapi oleh pelajar Tingkatan 6AK3, pengkaji akan memfokuskan kajian ini kepada masalah pelajar yang gagal mengingat fakta dan menaakul empat fakta dengan huraian yang lengkap esei Sejarah Islam.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

3.1 Objektif Umum

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk meningkatkan kemahiran menulis esei lengkap Sejarah Islam.



3.2 Objektif Khusus

Secara khususnya, kajian ini adalah bertujuan untuk:

- 3.2.1 meningkatkan keupayaan pelajar mengingat fakta menggunakan aktiviti “Number Note” sebagai bahan pemuda cara belajar.
- 3.2.2 membantu pelajar mendapat kemahiran menaakul empat fakta dengan huraian yang lengkap Esei Sejarah Islam.

4.0 KUMPULAN SASARAN

Kajian ini akan melibatkan 16 orang pelajar Tingkatan 6AK3 yang terdiri daripada 13 orang pelajar Melayu dan tiga orang pelajar India. Pengkaji mengambil keputusan untuk mengadakan kajian ke atas 16 pelajar 6AK3 agar mereka mendapat manfaat bagi meningkatkan keputusan Sejarah Islam.

5.0 PELAKSANAAN KAJIAN

5.1 Tinjauan Masalah

Sebelum langkah-langkah yang seterusnya diambil dalam menjalankan kajian ini, tinjauan terhadap masalah yang dikenal pasti akan dibuat bertujuan untuk memahami masalah tersebut dengan lebih mendalam. Tinjauan dilakukan dengan mengutip data berkaitan latihan esei pelajar bagi mengesan kelemahan pelajar 6AK3 menjawab soalan esei lengkap mengikut rubrik penskoran serta praujian.

Praujian dilaksanakan dalam kelas. Pengkaji memaparkan soalan pada papan putih. Pelajar diminta menjawab soalan esei yang diberikan dalam masa 30 minit. Pengkaji menanda soalan dan menyerahkan semula kepada pelajar. Pengkaji memberikan komen kepada jawapan setiap pelajar. Pengkaji mencatat kelemahan jawapan pelajar dalam buku panjang.

5.2 Analisis Tinjauan Masalah

Setelah pelajar selesai menjawab esei dan dibuat semakan, pengkaji mendapati hanya dua orang sahaja pelajar yang dapat menulis esei Sejarah Islam dengan baik (10-13 markah). Seramai 14 orang pelajar lain berada pada tahap lemah (6-9 markah). Jadual 5.1 menunjukkan hasil analisis pencapaian praujian yang telah diadakan.

Jadual 5.1 Analisis praujian

Markah	0-5	6-9	10-13	14-17	18-20	
Tahap Pencapaian	Sangat Lemah	Lemah	Baik	Cemerlang	Amat Cemerlang	
Jumlah	7	4	5	0	0	16

Berdasarkan Jadual 5.1, menunjukkan seramai tujuh orang pelajar (sangat lemah), empat orang pelajar (lemah) dan lima orang pelajar (baik). Tiada pelajar dicatatkan cemerlang dan amat cemerlang. Hal ini bermakna hampir keseluruhan pelajar tidak dapat menjawab soalan esei dengan baik mengikut rubrik penskoran. Malah pelajar melakukan banyak kesalahan seperti isi yang lemah, terpesong isi, huraian isi tidak lengkap, tidak mempunyai contoh yang sesuai dan tiada penegasan isi. Pelajar juga gagal menaakul empat fakta dengan huraian yang lengkap dalam jawapan yang diberi.

5.3 Tindakan Yang Dijalankan

Kajian ini menggunakan instrumen-instrumen yang berikut:

- Latihan esei
- Praujian terdiri daripada satu soalan esei yang perlu dijawab dalam masa 30 minit.
- Pascaujian terdiri daripada satu soalan esei menggunakan soalan yang sama dengan praujian yang dijawab dalam masa 30 minit.

5.4 Dapatan Kajian

Kajian dilaksanakan dari bulan Februari ke Mac. Jadual 5.2 menunjukkan jadual pelaksanaan kajian.

Jadual 5.2 Jadual pelaksanaan kajian

Bil	Aktiviti	Pelaksanaan	Catatan
1	Pengkaji memberikan latihan esei bagi mengesan kelemahan pelajar 6AK3 menulis esei beserta huraian yang lengkap.	08/02/2018	Pelajar menjawab soalan esei dalam masa 30 minit
2	Praujian dijalankan. Pengkaji mengedarkan satu soalan ujian Esei Sejarah Islam.	14/02/2018	Pelajar menjawab soalan esei dalam dalam masa 30 minit

Bil	Aktiviti	Pelaksanaan	Catatan
3	Pengkaji menanda soalan dan menyerahkan semula kepada pelajar. Pengkaji memberikan komen kepada jawapan setiap pelajar. Pengkaji mencatat kelemahan jawapan pelajar dalam buku panjang.	19/02/2018	Pelajar mengenal pasti kelemahan jawapan
4	Pengkaji memperkenalkan cara belajar menggunakan aktiviti “Number Note” . Pengkaji menerangkan apakah yang dimaksudkan dengan “Number Note” dan membimbing pelajar menyediakannya. Pengkaji mengagihkan kertas pelbagai warna kepada pelajar.	21/02/2018	Pelajar menghasilkan “Number Note”
5	Pengkaji memperkenalkan cara penggunaan “Number Note” dalam PdP.	26/02/2018	Pelajar berada dalam aktiviti perbincangan kumpulan dengan menggunakan “Number Note”
6	Pascaujian dijalankan dan menggunakan soalan yang sama semasa Praujian pelajar diminta untuk menjawab semula soalan yang diberikan dalam tempoh 30 minit.	06/03/2018	Pelajar menjawab soalan esei selama 30 minit
7	Pengkaji membuat semakan jawapan dan mengedar kertas jawapan kepada pelajar. Pengkaji meminta pelajar membuat perbandingan markah dan jawapan sebelum dan selepas diperkenalkan aktiviti “Number Note”.	08/03/2018	Pelajar menyemak markah dan membuat perbandingan Praujian dengan Pascaujian
8	Pengkaji menganalisis dapatan kajian	09/03/2018	Mengisi markah

Pelaksanaan Aktiviti “Number Note”

Cara Pelaksanaan:

- Pengkaji memperkenalkan cara belajar menggunakan aktiviti “Number Note. Pengkaji menerangkan apakah yang dimaksudkan dengan “Number Note” dan membimbing pelajar menyediakannya. Pelajar menggunakan soalan dan skema jawapan yang sama. Warna-warna dipilih mengikut minat pelajar.
- Pengkaji mengagihkan kertas pelbagai warna berbentuk segi empat tepat kepada

pelajar. Pengkaji memaparkan soalan dan pelajar mula menyediakan “Number Note” di dalam bilik darjah. Pelajar mematuhi cara menulis iaitu Tajuk, Pendahuluan, Nombor 1 (Fakta, huraian, contoh 1), Nombor 2 (Fakta, huraian, contoh 2), Nombor 3 (Fakta, huraian, contoh 3), Nombor 4 (Fakta, huraian, contoh 4). Pelajar boleh menambah jawapan yang sesuai menggunakan rujukan buku teks dan laman sesawang. Pelajar juga boleh berbincang bersama dengan ahli kumpulan bagi mendapatkan jawapan yang tepat.

- c. Pengkaji mengumpulkan semua ketua kumpulan di meja diskusi untuk menerangkan perkara berkaitan dengan tajuk secara ringkas. Pengkaji menyerahkan nombor yang ditaip di atas kertas A4 pelbagai berwarna kepada ketua kumpulan dan ketua kumpulan kembali kepada kumpulan masing-masing. Ketua kumpulan meletakkan nombor di tengah-tengah meja kumpulan untuk dipilih oleh ahli kumpulan melalui cabutan nombor.
- d. Ketua kumpulan akan membacakan soalan semula dan memberikan contoh pendahuluan yang lengkap kepada ahli kumpulan. Berdasarkan nombor yang dipilih, setiap ahli kumpulan akan menerangkan fakta dan huraian lengkap sambil memegang “Number Note”. Ahli kumpulan secara bergilir-gilir menyampaikan fakta jawapan. Setiap ahli tidak lengkap memberikan jawapan, akan dibantu oleh ahli yang lain. Ahli kumpulan juga akan saling bersoal jawab jika ada sebarang kemusykilan fakta jawapan. Pengkaji bertindak sebagai fasilitator kepada pelajar.
- e. Ketua kumpulan akan membuat semakan jawapan ahli kumpulan dan membuat konklusi.
- f. Pengkaji akan mengemukakan soalan untuk membuat semakan rawak tahap penguasaan dan pemahaman pelajar kepada tajuk soalan. Tanpa merujuk kepada “Number Note”, pelajar akan menjawab soalan yang dikemukakan.
- g. Pengkaji meminta setiap ketua kumpulan membuat refleksi hasil daripada perbincangan menggunakan “Number Note”.

5.5 Refleksi Kajian

5.5.1 Penilaian Pencapaian Pelajar

Pengkaji melihat perubahan yang ketara berlaku setelah intervensi dilaksanakan. Asalnya, pelajar hanya dapat menjawab dua hingga tiga fakta sahaja tanpa huraian yang lengkap mengikut rubrik pemarkahan. Pelajar juga gagal memberikan fakta yang tepat, terpesong fakta, membuat huraian fakta yang lemah, gagal menulis mengikut jawapan yang lengkap merangkumi pengenalan, penegasan pengenalan, fakta, huraian isi, contoh, penegasan fakta dan kesimpulan yang baik. Terdapat pelajar yang tidak dapat menaakul soalan yang diberi dengan baik hingga menyebabkan esei menjadi lemah. Dengan membantu pelajar menggunakan aktiviti “Number Note”, pengkaji yakin pelajar lebih mudah mengingat fakta, dan menaakul empat fakta dengan huraian yang lengkap.




Hal ini ternyata benar setelah pascaujian dilaksanakan. Ujian ini dilaksanakan selepas pendedahan tentang kemahiran menggunakan aktiviti “Number Note”. Soalan yang sama dengan praujian diberikan kepada pelajar. Pelajar diminta untuk menjawab soalan yang diberikan dalam tempoh 30 minit. Pengkaji membuat semakan jawapan dan mengedarkan kertas jawapan kepada pelajar. Pengkaji meminta pelajar membuat perbandingan markah dan jawapan sebelum serta selepas diperkenalkan aktiviti “Number Note”. Jadual 5.3 menunjukkan analisis keputusan pascaujian.

Jadual 5.3 Analisis pascaujian

Markah	0-5	6-9	10-13	14-17	18-20
Tahap Pencapaian	Sangat Lemah	Lemah	Baik	Cemerlang	Amat Cemerlang
Jumlah	0	0	9	5	2
			16		

Jadual 5.3 menunjukkan seramai sembilan orang pelajar (baik), lima orang pelajar (cemerlang) dan dua orang pelajar (sangat cemerlang). Tiada pelajar dicatatkan “lemah” dan “sangat lemah”. Pascaujian telah menunjukkan peningkatan kerana mereka telah didedahkan dengan penggunaan aktiviti “Number Note” dalam PdP.

Pelajar sudah berjaya meningkatkan keupayaan mengingat fakta dan menaakul empat fakta dengan huraian yang lengkap dalam esei Sejarah Islam. Antara penilaian lain ialah pelajar telah menyediakan “Number Note” mengikut kreativiti masing-masing. Mereka telah cuba menghasilkan “Number Note” mengikut warna, bentuk dan hiasan yang disukai. Aktiviti ini dapat memberikan peluang kepada pelajar-pelajar untuk menyediakan “Number Note” yang disukai bagi membantu mereka mengingat fakta dengan mudah dan dapat menulis esei empat isi dengan huraian yang lengkap. Rajah 5.1 menunjukkan perbandingan markah praujian dan pascaujian.



Rajah 5.1 Graf perbandingan Praujian dan Pascaujian

5.5.2 Refleksi PdP secara keseluruhannya

Sepanjang kajian ini, banyak pengalaman yang dilalui oleh pengkaji terutama semasa PdP. Selepas kajian, didapati banyak perubahan besar berlaku kepada pelajar antaranya:

- Berjaya melatih ketua kumpulan yang penuh yakin dan bertanggungjawab akan kumpulannya. Hal ini dapat dilihat apabila setiap ketua kumpulan yang dilantik mampu memberikan arahan yang jelas kepada ahli kumpulan. Pada masa yang sama, ketua memastikan agar semua ahli faham dan dapat menguasai isi pelajaran yang dibincangkan. Ketua juga akan menyoal ahli kumpulan berkaitan dengan tajuk yang dibincangkan. Jika berlaku kelemahan dalam kalangan ahlinya, ketua akan bertindak memberikan penjelasan yang sesuai. Kerjasama dalam kumpulan juga semakin ketara dan saling membantu mengemukakan isi untuk mengukuhkan jawapan esei yang dibincangkan.
- Pelajar sangat berminat untuk menjalankan aktiviti “Number Note”. Aktiviti ini akan memudahkan mereka mengingat fakta dan dapat menaakul empat fakta dengan huraian yang lengkap mengikut rubrik penskoran. Pelajar juga berusaha untuk menyediakan “Number Note” yang terbaik dalam kalangan mereka kerana Pengkaji juga menyediakan hadiah khas bagi pelajar-pelajar yang berjaya membuat “Number Note” terbanyak dan terbaik.
- Perubahan sikap daripada negatif kepada positif dapat dilihat apabila mereka memahami proses PdP dan pengkaji sentiasa memberikan ruang kepada pelajar. Pelajar dapat memahami soalan dengan lebih mudah dan penglibatan secara menyeluruh berlaku.

6.0 CADANGAN KAJIAN SETERUSNYA

Pengkaji akan mengekalkan aktiviti “Number Note” untuk PdP pada masa hadapan kerana ia satu aktiviti yang mudah diterima pelajar dan berkesan. Melalui aktiviti ini, pelajar lebih mudah mengingat fakta dan dapat menaakul empat fakta dengan huraian yang lengkap. Pelajar juga lebih berminat belajar mata pelajaran Sejarah dan lebih fokus kepada topik yang dibincangkan. Kesimpulannya, kajian tindakan yang dijalankan mendatangkan hasil yang memberangsangkan. Pelajar memperoleh kemahiran yang dapat digunakan untuk menjawab soalan esei Sejarah Islam 940/2.

BIBLIOGRAFI

Arjuna @ Mohd. Noor Yunus.(2011). *Pra-U STPM sejarah tamadun Islam*. Selangor Darul Ehsan: Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Ee, A.M. (1990). *Pedagogi:satu pengenalan (Edisi Kedua)*. Petaling Jaya: Siri Pendidikan Fajar Bakti.

Hwang, G.J., Yin, P.Y., Hwang, C.W., & Tsai, C.C. (2008). An enhanced genetic approach to composing cooperative learning groups for multiple grouping criteria. *Educational Technology & Society*, 11(1), 148-167.

Kagan, S. (1992). *Cooperative learning*. San Juan Capistrano, CA: Resources for Teachers Inc.


Mahayuddin Hj Yahaya.(2013). *Tamadun Islam*. Selangor Darul Ehsan: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Norazie Lara. (2015). *Sejarah Islam Penggal 2*. Selangor : Nilam Publication Sdn Bhd.

CONTOH “NUMBER NOTE” DAN ESEI PELAJAR



Rajah 6.1 Contoh “Number Note” yang dihasilkan pelajar



Rajah 6.2 Contoh jawapan pelajar

LAMPIRAN 2

AKTIVITI PENGGUNAAN “NUMBER NOTE” DALAM KELAS 6AK3 (1)



Rajah 6.3 Pengkaji memaparkan tajuk soalan kepada pelajar-pelajar



Rajah 6.4 Pengkaji menerangkan cara menyediakan “Number Note” kepada pelajar

LAMPIRAN 3

AKTIVITI PENGGUNAAN “NUMBER NOTE” DALAM KELAS 6AK3 (2)



Rajah 6.5 Pelajar-pelajar membuat “Number Note” masing-masing



Rajah 6.6 Pengkaji memberi taklimat berkaitan tajuk kepada ketua kumpulan di meja diskusi

LAMPIRAN 4

AKTIVITI PENGGUNAAN “NUMBER NOTE” DALAM KELAS 6AK3 (3)



Rajah 6.7 Ketua kembali kepada kumpulan dan mengagihkan nombor berwarna yang akan dipilih oleh ahli kumpulan



Rajah 6.8 Ketua kumpulan menerangkan soalan dan memberi arahan kepada ahli kumpulan

AKTIVITI PENGGUNAAN “NUMBER NOTE” DALAM KELAS 6AK3 (4)



Rajah 6.9 Ahli kumpulan menerangkan fakta berdasarkan nombor yang dipilih menggunakan “Number Note



Rajah 6.10 Secara bergilir-gilir, ahli kumpulan menaakul fakta sambil memegang “Number Note”

LAMPIRAN 6

AKTIVITI PENGGUNAAN “NUMBER NOTE” DALAM KELAS 6AK3 (5)



Rajah 6.11 Ketua bersama ahli kumpulan sedang berbincang dan mencari jawapan tambahan melalui laman sesawang




Rajah 6.12 Pelajar pelajar menulis esei lengkap dalam kumpulan

AKTIVITI PENGGUNAAN “NUMBER NOTE” DALAM KELAS 6AK3 (6)




Rajah 6.13 Pengkaji meminta pelajar menaakul fakta lengkap berdasarkan soalan



Rajah 6.14 Pelajar mendapat keputusan sangat cemerlang (19/20 markah) selepas belajar menggunakan aktiviti “Number Note”

PERBINCANGAN “NUMBER NOTE” DALAM APLIKASI WHATSAPP



Rajah 6.15 Maklum balas pelajar tentang penggunaan “Number Note”

IMPROVING STUDENTS' SPEAKING SKILL IN 6A1 USING I-WAS METHOD IN PREPARING FOR MUET SPEAKING TEST

Nik Ahmad Syahman bin Mohamed Juhan
Pusat Tingkatan Enam SMK Kuala Besut, Besut Terengganu

Abstract

Taking a speaking test has always posed a problem to some students because they know that during the test they will be assessed based on the language they have and the content they deliver. This is actually an uphill task for them because most Malaysian students are not native speakers of English which means they use less English in their daily conversation. So, somehow, it affects students' confidence level especially when they know that they have to speak well in order for them to get good marks. The same situation applies to my students too. Knowing that my students are intermediate and low intermediate second language (L2) learners, I noticed that they would usually take longer time to prepare themselves when attempting the Malaysian University English Test (MUET) Speaking questions. Some are not able to speak well due to exam anxiety and some are not confident enough with their level of language. To rectify the problem I have carried out an action research with an aim to help 12 of my 6A1 students to be able to speak well in their MUET Speaking test. Apart from that, I want to make sure that they are able to score at least a minimum of 100 marks for them to secure a safe Band 2. Hence, I have introduced them to I-WAS method whereby it has helped those students improve their speaking skill by reducing their thinking time during their speaking preparation. Moreover, thanks to I-WAS, they know what to write and how to write their points during their preparatory session to ensure a smooth presentation both in Task A and Task B. Within two months, I-WAS has proven to be effective in boosting their motivation to excel well in MUET Speaking skill. With continuous practice and never ending effort, their efforts have proven fruitful as they manage to get good results in their MUET S2 exam.

Key Words: Score, MUET Speaking, I-WAS method, native speakers of English, students' confidence level.

1.0 REFLECTION OF TEACHING AND LEARNING

For the past six years teaching MUET, there is one particular thing really attracts my attention. I realise that intermediate and lower intermediate students are usually the ones who have difficulty when attempting MUET speaking test. Most of them usually would keep quiet or speak briefly throughout the test, whereas some bold ones would try their best to speak but unable to get good marks due to their lack of knowledge on the test requirements in answering the tasks given. As a result, the Speaking paper marks could not help them much in getting a better band even after all the marks from other skills (Listening, Writing & Reading) are totalled up together with the marks students get from MUET test.

When they were asked on the reasons for their incapability to perform well in their Speaking test, some would reply *"I don't understand the question"* or *"I don't know what to say"* and some would even comment on how limited the time was for them to prepare to speak during their preparatory session. Those are some of the responses I would usually hear when students get low marks for their MUET Speaking test. Even though students are



used to carry out presentations in English during lessons, be it individually or in groups, somehow it does not help them much. This is because during class presentations, they are usually given more time to prepare and practice. Moreover, they know that, they are not going to be graded when they present in class during normal lessons. Being a non native speaker of English, the students are not used to be spontaneous in using English and to think fast within the limited time constraint.

As a MUET teacher for 6A1 this year, I tried to help them in class by giving more speaking practices but the effort seemed futile as I had to tell them many times over the same repetitive mistakes done. I also gave them samples of written texts taken from work books and told them to practice speaking using the texts given. However, most of them just merely memorised the texts without being able to adapt them in their speaking. The situation was really worrying and I had to think of something to resolve the issue.

Something had to be done as MUET Speaking test was around the corner. So, I came up with I-WAS method just in time to help my students. It is crucial for students to attempt the MUET Speaking test well because the paper contributes 15% to the overall marks. These students are required to get at least a Band 2 to qualify them to apply for any university courses after their STPM exam.

Table 1.1 MUET Test Components

	MAXIMUM SCORE	WEIGHTING
LISTENING	45	15%
SPEAKING	45	15%
READING	120	40%
WRITING	90	30%

(Source: Malaysian Examinations Council,(MEC) 2015)

The MUET test components can be seen in Table 1.1 above. As we can see Speaking contributes 15% to the overall weighting. Though the percentage seems small, but it can act significantly in determining students' MUET band whether to get a Band 1,2 ,3 or more.

2.0 RESEARCH FOCUS

MUET Speaking test consists of 2 parts; Task A and Task B. In Task A, candidates are required to do individual presentation where they are given 1 minute to read the question, 2 minutes for preparation and another two minutes to present their answer. Every candidate

is given a different point for them to elaborate and justify. For Task B, candidates again given 2 minutes to prepare and they need to discuss on the points given for 10 minutes. At the end of the discussion, they can come up with a conclusion which of the points is the best. Each Task has its own specific marks and candidates are assessed based on their language capability and content presented. It is pivotal for candidates to ace both tasks because if they get low marks for Speaking, their overall marks might be affected. The worst case scenario is, they could get a Band 1 just because they do not have sufficient marks to award them a Band 2. If this happens, it could jeopardise the students' chance to further their education in the tertiary level.

3.0 RESEARCH OBJECTIVES

This research has two objectives.

3.1 General Objective

To improve 6A1 students' speaking skill in tackling the S2 MUET Speaking test.

3.2 Specific Objectives

- 3.2.1 To ensure students get at least 20 marks for Task A and Task B.
- 3.2.2 To assist students in making preparation for Task A and B using the I-WAS sheet.
- 3.3.3 To increase the number of 6A1 students getting a minimum of Band 2 in MUET S2 examination.

4.0 TARGET GROUP

A total of 12 students (1 male and 11 females) from 6A1 were selected for this research. They were chosen because they were going to sit for their S2 MUET Speaking test in June 2019.

5.0 RESEARCH INSTRUMENTS

5.1 Problem Review

Before further actions taken, I had to identify the problem at hand in order for me to find the best solution to rectify it. Three data collection methods used for this purpose were observation, interview and document analysis.

5.1.1 Observation

This method was carried out during group activities whereby they were put in groups of four to let them get used to the real exam format. The observations were done three times during normal lesson periods.

5.1.2 Interview

I applied the unstructured interview method to get feedbacks from my students regarding their problems in speaking. My primordial plan was to know what hindered them from getting better marks in this particular skill. The interview questions were as follow;

- i. *Which part of MUET speaking test do you find most difficult?*
- ii. *Why didn't you participate in the discussion?*
- iii. *Do you know what to write on the paper given to you?*
- iv. *What should you do if you don't understand?*



Figure 5.1 Interview Session

The interview in Figure 5,1 was carried out after they had their speaking practice. The questions were based on the problems that I have identified from the previous observations.

5.1.3 Document Analysis

Apart from that, I also did document analysis to analyse students' work together with a Pre-Test.

i. Student Work Analysis

I observed the flow of the individual presentations and also the group discussions done by my students to see how well they could follow and adhere to the MUET Speaking type of questions.

ii. Pre-Test

I also need to see their actual performance when answering MUET type question. So I carried out a Pre-Test with the students and I followed the actual MUET Speaking test time (30 minutes) for both Task A and B. Since the Malaysian Examinations Council (MEC) marking scheme is strictly confidential, I had to build my own marking scheme by adapting the actual MEC marking scheme (Refer to Appendix 1). I divided the marking scheme into two parts; Content (45 marks) and Language (45 marks). Both marks were then added and the total would be divided by two to get the actual result.

5.2 Problem Analysis Overview

Based on the previous instruments that I have applied, I could identify my students' actual problems. The problem analyses overview are as follow;

5.2.1 Interview

From the previous interviews carried out, my students gave a myriad of interesting responses and I managed to record some of them as my reference.

i. Task A

Sample 1 :

"Sir, I only manage to give one point only, why time too short?. I thought I had more time to speak".

(Student A: 17.4.2019)

Sample 2 :

"I panic Sir. I don't understand the question. So I don't know what to say. I only write the salam that's all".

(Student B : 21. 4.2019)

ii. Task B

Sample 3 :

"Everyone are so good. ...They don't call me to speak. I wait and wait. But I try to speak slowly,...I have no idea".

(Student C : 22.4.2019)

Student D :

" I weak in English Sir..I don't know English...Fail ke Sir?"

(Student D : 23.4.2019)

5.2.2 Observation

It was interesting to note that students reacted differently when they did the practices. Some were looking a bit restless by looking here and there. There was sense of uncertainty as well when some did not actually answer the question given. Instead diverting and unintentionally changing the question by talking about something else. The most extreme case was when a few of them kept on repeating the salutation and requested the teacher to redo the practice. The capable ones spoke but only with one point till the end. Ellis (2000) mentioned that *"English second language (L2) learners frequently experience problems in saying what they want to say because of inadequate knowledge"*. This is actually the reason why the students could not perform well in the practices because they did not have a clue on how to go about with the test.



5.2.3 Pre-test

After the observations were completed, 6A1 students sat for a Pre-Test. The results can be seen from Table 5.1 below;

Table 5.1 Pre-Test Results

Candidates	Task A	Task B	Result
S1	9	11	15
S2	19	21	20
S3	17	17	17
S4	9	9	9
S5	15	16	16
S6	16	17	17
S7	20	21	21
S8	18	18	18
S9	10	12	11
S10	20	21	21
S11	15	16	16
S12	15	16	16

As we can see from the table above, the Pre-Test results indicated that there were three students who were still in Band 1 (S1, S4 and S9) because their marks were below 16 marks. This was actually quite worrying to be honest. Although the rest of the students were in Band 2, they were not 'safe' yet because the majority of them were not getting 20 marks and above. Overall, the results were not very encouraging and something had to be done.

5.3 ACTIONS TAKEN

5.3.1 I-WAS Components

Teacher introduced I-WAS sheet for Task A and B. It is a sheet to guide students in their preparatory session so that they will know what to write and how to write.

Task A

- Information (I) – 'I' stands for information. In the real exam, students will be given one minute to read their task and they are allowed to ask questions if they have anything to ask. They can jot down any important details in the box given. The information from the brief 'Q and A' session will determine whether they are able to contribute later on. Although in the real test they are not allowed to write during the clarification period, however since I need to boost their morale, I did allow them to write for the sake of practice just to make them get used to asking and jotting down notes. I wanted them to have an integrative motivation because according

to Gardner,(1985), it is a favourable attitude toward a target language. Harmer, (2003) further emphasized by stating that “*integrative motivation was more powerful than instrumental motivation*”. Therefore by giving them the ‘luxury’ to write in the Pre-test could motivate them later on.




Figure 5.2 Some of the points written by my student

Students do not need to write long sentences. They can just write in point form like what we can see in Figure 5.2 above, However, it depends on the students themselves on what they want to write.

- ii. Write (W) – After the clarification session, students are given two minutes to jot down their points based on the task assigned to them. Write or ‘W’ is an indication to tell students to use Wh-Questions (What, When, Where etc) to write their points based on the given task. I –WAS sheet has the Wh-Questions printed on them to assist them in generating more ideas. My students could fill in the blanks with ease because the Wh-Questions indicators were in front of them. They should fill in the blanks within the 2 minutes given time. They can write a minimum of two points and a maximum of three points.




Figure 5.3 Examples given by one of my students

The box gives a clear guideline for students not to write only one point and they must not write more than three points. So, students were always reminded of this unwritten guideline.

- iii. Address (A)- Address means that they have to address the question as a whole. This is because, students tend to answer wrongly because they do not address the question. The risk is, they might not be able to get good marks and sometimes

they can easily 'freeze' when the examiner told them that they are off topic. The box is also 'info-friendly' because it has useful helpful sentences for students of any levels to put into practice.

Address	-Salutation - Good morning to both examiners and all candidates - Read out the question – The situation given to me is (Question) and (mention task given) - Mention the points – My first point is (W1), my second point is (W2) and my last point is (W3)
---------	--

Figure 5.4 Helpful expressions to guide students.

My students find this box (Figure 5.4) really helpful as their starting point because usually at the beginning of the speaking session, they would be extremely nervous.

- iv. Structure (S) – When students see 'S', they will know that they need to write in proper structure, starting with proper lead-in words. Then, they can read their points taken from 'W' and they end the sentence by substantiating it with elaboration and appropriate examples.

Structure	S1 – Start -> Sentence -> Substantiate Start: First and foremost/ Firstly/My first point is (can use other lead in) Sentence (W1) <i>we can get it anytime</i> Substantiate – This is because/ I think it is because/ For example <i>at night, lunch or breakfast without any problems</i> <i>there are many stalls that open for 24 hours</i> S2 – Start -> Sentence -> Substantiate Start: Next/ Moreover/My second point is (can use other lead in)
-----------	---

Figure 5.5. Students can write confidently

Students were reminded that they need to write only three points (maximum) to ensure that they will have enough time to elaborate. Figure 5.5 above indicates a sample of how to utilize the box.

Task B

I-WAS can be used for both tasks. But since Task B requires candidates to do a discussion, I-WAS is used differently to suit the task at hand. Students need to discuss and decide on the best choice from the options given in Task A. They will be given 2 minutes to prepare for Task B.

- i. Initiate (I)- Initiate means to begin. In this part, the student who acts as team leader (TL) can read the information from the box given. The best thing is they will not just read the salutation but they also need to read their points as well. This is to ensure that they are not merely become a 'moderator'. My students would usually skip explaining their own point which in the end gives them lesser points than other

candidates because they simple lead the discussion without sharing their own point of views.




Figure 5.6 Useful expressions for Team Leader

Students can also consider 'I' as a point for them to inquire or infer points from other group members during their discussion. It can be seen in Figure 5.6 above.

- ii. Write (W) – The word write here means, they can copy the points from the previous Task A, for them to use in Task B. In Task B, students are free to discuss on any points from other candidates. Hence, there is no reason for them to keep quite during the discussion. This had helped the students to participate actively for them to get better marks by the end of the discussion.




Figure 5.7 Students Copy Points From Previous task

Students will know that they need to write something if they experience mental block during the discussion. Figure 5.7 above shows how easy for it to be done.

- iii. Anticipate & Add (A)- For Task B, they need to be actively involved in the discussion because every points shared are essential to get marks. So, 'A' is actually a reminder for them to do so. Students are helped with two different expressions showing that they agree or disagree with any points brought up by any members of the group. The examples of the helpful expressions can be seen below;
 - a) Excuse me, can I add something.....
 - b) I like your idea, you said that.....

They are allowed to copy any points they used in their previous Task.

- iv. Structure(S)- Every answer given must be in full sentence. This means, they must speak in a proper structure. Students are not encouraged to give short answers

'Yes' or only 'I agree'. Instead, their points must be complete and to get better marks, they must again substantiate every sentence they give with enough elaboration points and examples.




Figure 5.8 Examples of proper structures written

When students fill in this 'S' box, they can simply read their points smoothly and without any problem. The example is shown in Figure 5.8. At this point, usually students are already relaxed and like some of my students, some of them were able to add more points of their own apart from using the points written on the sheet. More practices were carried out using I-WAS for three more weeks. Students were drilled extensively and they were also told to memorise the useful expressions so that before the Post-Test, they were able to write their own supporting notes without the help of I-WAS sheet. The full version of Task A and B sheets can be seen in Appendix 2 and Appendix 3.

5.3.2. Post- Test

